

K A N D U N G A N

UCAPAN TAKZIAH ATAS KEMANGKATAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ IBNI ALMARHUM SULTAN HISHAMUDDIN ALAM SHAH ALHAJ	(Halaman 1)
---	-------------

MENGANGKAT SUMPAAH

1. Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad bin Omar Beledrum
 2. Yang Berhormat Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar
- (Halaman 1)

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA :

- | | |
|---------------------------------|-------------|
| Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru | (Halaman 1) |
| Perutusan Daripada Dewan Rakyat | (Halaman 2) |
| Urusan Mesyuarat | (Halaman 2) |

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 2)

RANG UNDANG-UNDANG:

- | | |
|--|--------------|
| Rang Undang-undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2001 | (Halaman 16) |
| Rang Undang-undang Paten (Pindaan) 2001 | (Halaman 49) |
| Rang Undang-undang Cap Dagangan (Pindaan) 2001 | (Halaman 50) |
| Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) 2001 | (Halaman 52) |
| Rang Undang-undang Reka Bentuk Perindustrian (Pindaan) 2001 | (Halaman 56) |
| Rang Undang-undang Petunjuk Geografi (Pindaan) 2001 | (Halaman 56) |
| Rang Undang-undang Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan)(Pindaan)2001 | (Halaman 59) |

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum, D.P.M.S.
(Dilantik)

- " Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
(Dilantik)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- " Menteri Pendidikan,
Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N.,
D.P.C.M. (Dilantik)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin
(Dilantik)
- " Timbalan Menteri Pendidikan,
Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
(Dilantik)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, (Dilantik)
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Datuk M. Kayveas P.J.N. (Dilantik)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan
Datuk Zainudin bin Maidin, (Dilantik)
- " Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- " Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub (Dilantik)
- " Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- " Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- " Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun
(Dilantik)
- " Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,
B.K.M. (Kedah)
- " Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- " Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- " Datuk Dr. Charlie Chau Lap Chang (Dilantik)
- " Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- " Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
- " Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- " Datuk Christina Tibok Vanhouten (Sabah)

Yang Berhormat	Datuk Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
“	Datuk Ghazi bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P. (Selangor)
“	Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)
“	Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
“	Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
“	Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
“	Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
“	Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
“	Puan Jaya Partiban (Dilantik)
“	Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
“	Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
“	Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
“	Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
“	Tuan Kee Ah Kau (Selangor)
“	Dato' Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
“	Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
“	Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
“	Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae, (Dilantik)
“	Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar (Dilantik)
“	Dato' Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
“	Dato' Haji Mazlan bin Abu (Johor)
“	Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
“	Puan Melanie Chia Chui Ket (Dilantik)
“	Datuk Haji Mohamed bin Omar Beledram (Dilantik)
“	Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., “ S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)
“	Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
“	Tuan K. R. A. Naidu (Dilantik)
“	Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
“	Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
“	Dato' Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)
“	Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan M. Ratnam (Dilantik)

“ Tuan M. Saravanan (Dilantik)

“ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)

“ Tuan R. Sinniah (Dilantik)

“ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)

“ Puan See Too Mee (Johor)

“ Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)

“ To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)

“ Tuan Wee Kok Tiong (Dilantik)

“ Tuan Yew Teong Look (Dilantik)

“ Tuan Yew Tuan Chiew (Perak)

“ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha
Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha
Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Noorhazmah binti Hamzah
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Syed Azuddin bin Syed Othman
Habibunisah Mohd. Azir
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Ruhana binti Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti A bdullah Sidi
Alias bin Mohd. Nor

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Isnin, 26 November 2001****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

UCAPAN TAKZIAH**Ucapan Takziah Atas Kemangkatan Seri Paduka Baginda****Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah AlHaj****Ibni Almarhum Sultan Hishamuddin Alam Shah AlHaj**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, walau apa pun mengikut Peraturan Mesyuarat 13 Dewan Negara, saya ingin mengumumkan bahawa Dewan ini merakamkan perasaan yang amat dukacita dan sedih di atas kemangkatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Hishamuddin Alam Shah Alhaj pada hari Rabu 21 November 2001 yang lepas bersamaan 5 Ramadan 1422 Hijrah. Saya bagi pihak Majlis Dewan Negara mengucapkan takziah kepada Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah dan kerabat Diraja.

Saya arahkan upacara ini disimpan di dalam Arkib Parlimen dan satu salinannya dihantar kepada Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong semoga Tuhan mencucuri rahmat ke atas roh Baginda dan ditempatkan bersama-sama dengan roh orang-orang mukmin.

Sekarang saya menjemput hadirin sekalian bangun. Yang beragama Islam diminta menghadiahkan Al-Fatihah kepada roh Almarhum dan yang bukan beragama Islam diminta bertafakur selama 1 minit. Terima kasih.

[Ahli-ahli Dewan Negara membaca Al-Fatihah dan bertafakur selama seminit]

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

1. Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad bin Omar Beledrum; dan
2. Yang Berhormat Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar.

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat sumpah sebentar tadi. Saya berharap ahli yang baru dipilih itu dapat memberi sumbangan beliau yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan cemerlangnya. Ahli-ahli Yang Berhormat saya suka hendak memberitahu bahawa walaupun kekurangan kuorum belum pernah terjadi di Dewan Negara, saya amat berharap setiap Ahli Yang Berhormat akan menghadiri setiap mesyuarat di sepanjang tempoh sesi Dewan Negara supaya kita dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Dewan Negara adalah badan perundangan yang tertinggi dalam negara kita. Jadi setiap Ahli Yang Berhormat adalah diharap supaya berdisiplin, penuh komitmen dan dedikasi dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai Ahli Dewan Negara.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah menerima satu perutusan dari Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

'26 November 2001

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2001;
2. Rang Undang-undang Paten (Pindaan) 2001;
3. Rang Undang-undang Cap Dagangan (Pindaan) 2001;
4. Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 2001;
5. Rang Undang-undang Reka Bentuk Perindustrian (Pindaan) 2001;
6. Rang Undang-undang Petunjuk Geografi (Pindaan) 2001;
7. Rang Undang-undang Pemaju Perumahan Kawalan dan Perlesenan (Pindaan) 2001; dan
8. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2001) (No. 2) 2001.

Yang ikhlas,

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT."

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berikutan keputusan Kabinet untuk meningkatkan langkah-langkah keselamatan, sejauh manakah persiapan ini telah dibuat untuk melindungi bangunan-bangunan strategik, sistem serta nyawa manusia dari menjadi sasaran keganasan, supaya pengalaman yang berlaku di Amerika baru-baru ini tidak berlaku di negara kita.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memandang serius terhadap ancaman kegiatan keganasan yang dikenal pasti wujud di negara ini. Bagi memastikan keselamatan negara serta rakyat terjamin dari ancaman keganasan, beberapa langkah telah diambil oleh pihak kerajaan. Antaranya ialah mempertingkatkan kewaspadaan terhadap aspek keselamatan,ewartakan tempat-tempat dan kawasan-kawasan strategik sebagai tempat dan kawasan larangan di bawah Akta Tempat Dan Kawasan Larangan 1959. Bekerjasama dengan agensi perisik asing dalam bidang kepakaran, perkongsian maklumat dan operasi, menjalankan pemantauan dan siasatan ke atas pelawat yang disyaki serta

mengenal pasti dan menyiasat individu dan kumpulan tertentu yang cenderung ke arah kegiatan militan di negara ini.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae: Soalan tambahan. Setelah peristiwa 9 September 2001, penilaian semula terhadap langkah-langkah keselamatan telah dibuat oleh banyak negara, sudahkah kita membekalkan pasukan keselamatan atau dengan izin 'air marsyal' yang tidak menggunakan pakaian seragam dan boleh bertindak dengan serta untuk menghalang perampas kapal terbang di udara di samping mencadangkan supaya pintu 'flight deck' pesawat perdagangan kita diperkukuhkan supaya tidak mudah diceroboh oleh pengganas atau perampas kapal terbang.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan kita bukan sahaja sejak 11 September tahun ini tetapi bermula dengan kes peristiwa di Johor apabila berlaku perampasan penerbangan daripada Pulau Pinang ke Johor Bahru dan juga peristiwa *The Red Army*, maka kita telah mengambil beberapa tindakan termasuk penyeliaan dan pemantauan di pintu masuk dan pemantauan terhadap peserta-peserta dan kakitangan penerbangan atas keselamatan negara ini dan kepada keselamatan penumpang yang menggunakan pesawat negara kita dan negara luar yang mendarat dan berlepas daripada negara kita.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah takrif keganasan dan ganas setakat ini yang telah dibuat oleh pihak Kementerian Dalam Negeri.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, perkataannya sangat mudah. Ganas itu kerjanya. Perbuatannya, tingkah lakunya adalah melebihi daripada normal, daripada kebiasaan sehingga boleh sampai kepada merosakkan, meruntuhkan, membakar, membunuh dan pelbagai lagi tindakan-tindakan seperti ini ataupun niat seperti ini adalah dianggarkan niat dan tindakan yang ganas yang boleh memporak-perandakan keselamatan dalam negara ini.

2. Dato' Dr. Marimuthu minta Menteri Kesihatan menyatakan, adakah insiden serangan *anthrax* di negara kita dan apakah persediaan yang dirancang oleh kementerian untuk menangani serangan *anthrax* itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat Tuan Jang Chow Thye, Tuan Yew Tuan Chiew, Datuk Paduka Lee Pit Chern pada hari ini beserta pertanyaan Ahli Yang Berhormat Puan Hajah Safinah binti Jusoh pada 28 November 2001 dan Tuan Haji Abdilllah bin Haji Abdul Rahim pada 11 Disember 2001.

Tuan Yang di-Pertua, jangkitan *anthrax* disebabkan oleh bakteria. Ia adalah sejenis penyakit *zoonotic* iaitu tersebar kepada manusia dari haiwan yang dijangkiti bakteria ini. Bacteria ini tidak tersebar dari seorang manusia ke manusia yang lain.

Terdapat tiga jenis sistem tubuh yang boleh terkena jangkitan iaitu sistem pernafasan, jika tersedut bakteria ini, sistem penghadaman jika tertelan dan jangkitan kulit jika berlaku konteks dengan kulit yang luka. Bacteria ini terdapat di dalam haiwan *herbivore* ataupun yang makan rumput seperti lembu dan kambing. Binatang ini mendapat jangkitan spora bakteria ini dari rumput atau air yang tercemar dengan spora bakteria ini. Manusia akan mendapat jangkitan *anthrax* hanya jika mereka terdedah kepada spora bakteria ini sama ada melalui pernafasan, konteks kulit atau ternakan.

Di Malaysia kes *anthrax* yang terakhir yang dikesan ialah pada taun 1976 di Rumah Sembelih Shah Alam. Kes pada lembu ini dikesan semasa pemeriksaan *post-mortem* selepas penyembelihan. Kes lapangan yang terakhir telah dikesan pada seekor lembu di Terengganu pada tahun 1967. Tiada kes *anthrax* yang pernah dilaporkan berlaku di kalangan manusia. Malaysia telah diisytiharkan bebas dari *anthrax* oleh Pertubuhan Kesihatan Haiwan Paris ataupun Animal Health Organization.

Apabila *anthrax* digunakan sebagai agen *biological warfare*, ianya amat sukar untuk dicegah. Pemantauan memerlukan kerjasama dari pelbagai pihak.

Insiden ancaman *anthrax* yang dilaporkan pada 19 Oktober 2001 hingga 17 November 2001 adalah sebanyak 129, di mana kesemua ujian makmal menunjukkan negatif kehadiran bakteria *anthrax*. Sebanyak 67 insiden melibatkan penerimaan sampul surat atau bungkusan yang mengandungi serbuk sama ada serbuk putih

kekuningan atau serbuk coklat. Daripada 129 insiden ini, 41 insiden berlaku di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. 24 di Selangor dan 17 di Pulau Pinang. Manakala bilangan insiden di negeri-negeri lain di antara satu ke sepuluh sahaja kecuali di Sabah di mana tiada insiden ancaman dilaporkan.

Memandangkan cara penyebaran bakteria *anthrax* yang berlaku sekarang ini adalah di luar dari penyebaran semula jadi, maka pihak Kementerian Kesihatan hanya mengeluarkan maklumat mengenai *anthrax* di dalam laman web Jabatan Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan sahaja.

Walau bagaimanapun, pihak media telah memberi maklumat *anthrax* kepada orang ramai dan Kementerian Kesihatan terlibat di dalam memberi maklumat teknikal.

Satu protokol pengendalian kes ancaman *anthrax* telah dihasilkan dengan kerjasama dari pelbagai agensi, seperti Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Jabatan Polis, Bomba dan Kementerian Kesihatan. Pihak Polis bertanggungjawab dalam menentukan sama ada kes ancaman *anthrax* ini adalah kes jenayah atau tidak. Jika ianya adalah kes jenayah, maka pihak polis akan mengambil tindakan untuk menyiasat kes tersebut, seperti lain-lain kes jenayah. Sementara itu, Bahagian Keselamatan Negara pula bertanggungjawab mengkoordinasi peranan setiap agensi dalam pengendalian ancaman *anthrax* termasuk urusan dengan pihak media.

Kementerian Kesihatan terlibat secara langsung di dalam memberi rawatan, kaunseling dan tindak susul ke atas mereka yang terdedah kepada ancaman *anthrax* ini. Kementerian Kesihatan juga memastikan bekalan ubat bagi rawatan ancaman *anthrax* ini mencukupi.

Walau bagaimanapun, vaksin bagi *anthrax* ini tidak terdapat di dalam simpanan Kementerian Kesihatan. Buat masa ini, terdapat empat buah negara yang menghasilkan vaksin *anthrax* untuk kegunaan manusia iaitu Amerika Syarikat, United Kingdom, China dan Russia, tetapi vaksin yang dipercayai paling selamat digunakan untuk manusia adalah yang dihasilkan di Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun, Amerika Syarikat tidak menjual vaksin ini kepada negara lain kerana penghasilannya yang sedikit dan hanya mencukupi untuk kegunaan mereka sahaja.

Selain *anthrax* beberapa jenis penyakit lain telah dikenal pasti boleh digunakan sebagai senjata *biological* seperti *botulism*, *plague* dan *small pox*. Pertubuhan Kesihatan Sedunia telah mengisytiharkan bahawa penyakit *small pox* ini telah dibasmi. Walaupun begitu, terdapat kemungkinan virus ini digunakan sebagai senjata biologi.

Pemberian vaksin *small pox* telah diberhentikan semenjak tahun 1976. Memandangkan penyakit ini telah dibasmi, penghasilan vaksin juga telah diberhentikan tetapi stok vaksin yang terhad masih ada disimpan di Amerika Syarikat. Jika penyakit ini timbul semula, WHO bersedia untuk membantu bagi mendapatkan vaksin.

Selain dari persediaan bekalan ubat bagi rawatan, makmal Institut Penyelidikan Perubatan dan Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan, Sungai Buloh di dalam perancangan untuk ditingkatkan keupayaan mereka, bagi mengesan penyakit-penyakit yang disebabkan oleh bakteria atau virus yang menyebabkan kadar kematian yang tinggi.

Kementerian Kesihatan sedang berusaha bagi mendapatkan peruntukan pembelian peralatan dan kelengkapan *dekontaminasi* serta alat perlindungan diri di tempat kejadian bagi menghadapi sebarang kemungkinan ancaman senjata biologi yang lain. Terima kasih.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian sama ada kerajaan kita ada menyimpan stok, *culture virus* dan bakteria penyakit-penyakit yang mudah merebak seperti *anthrax* dan *small pox*. Dan juga mungkin penyakit-penyakit seperti *Japanese encephalitis*, *Coxsackie A* dan *B* yang pernah melanda negara kita ini.

Jadi, sekiranya ada kita menyimpan stok ini, dengan tujuan untuk membuat kajian, saya ingin bertanya kepada kerajaan juga, apakah langkah-langkah yang diambil untuk menentukan supaya virus seperti ini tidak akan jatuh ke tangan pengganas-pengganas untuk merosakkan masyarakat. Sekian, terima kasih.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, di negara kita, kita memang tidak ada stok bakteria *anthrax* di mana-mana makmal di dalam negara kita ini, bakteria-bakteria lain memang kita menyimpan sedikit sebanyak bakteria tersebut untuk kajian seterusnya bagi menangani masalah tidak perlu membuat kajian tetapi semua bakteria yang disimpan di dalam makmal di dalam negara kita adalah disimpan di tempat yang selamat dan sentiasa kita memastikan bahawa ianya tidak dapat mudah diperoleh oleh mana-mana pihak, kecuali pihak makmal yang tersebut dan kesemua makmal ini adalah di bawah pihak kerajaan.

Dato' Dr. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada stok vaksin '*cipro*' ataupun '*doxeycline*' di negara kita, jika ada satu serangan oleh *anthrax* bolehkah kita mendapat vaksin-vaksin itu dengan mudah dan daripada institusi mana?

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, vaksin ini adalah sebagai satu pencegahan sahaja tetapi sekiranya ada ancaman seperti yang saya telah terangkan tadi, memang kalau tidak dapat maka dalam keadaan demikian, kita cuma terpaksa bergantung kepada antibiotik yang ada untuk merawat sesiapa sahaja yang diserang. Tetapi kita memberi jaminan bahawa di negara kita ini, kita adalah selamat kecuali jika ada ancaman dari luar negara dan sekiranya terdapat sesuatu kejadian seumpama itu, maka ianya boleh dirawat dengan menggunakan antibiotik.

3. Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) apakah definisi negara Islam oleh pihak kerajaan dan apakah faktor yang menyebabkan beliau mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam; dan
- (b) sehubungan dengan itu, adakah kerajaan berhasrat untuk mengubah apa-apa sistem negara yang berasaskan sekular yang telah diguna pakai sekian lama khususnya Perlembagaan Malaysia itu sendiri

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Brig. Jen (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin]: Tuan Yang di-Pertua, negara Islam ialah yang ketua negaranya orang Islam. Di mana umat Islam dapat hidup aman, damai menunaikan tanggungjawab agamanya dengan warganya yang bukan Islam dapat menikmati keamanan dan kedamaian yang sama.

Faktor yang menyebabkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan secara terbuka bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam, adalah bertujuan untuk menyedarkan sesetengah pihak yang telah lupa bahawa negara ini sebuah negara Islam sejak sekian lama.

Kerajaan tidak bercadang mengubah mana-mana sistem yang telah diguna pakai selama ini, khususnya Perlembagaan Persekutuan itu sendiri, selagi ianya dapat menjamin keamanan dan keselamatan serta memberikan kebaikan kepada semua pihak dan tidak bercanggah dengan ajaran Islam.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kerana kerajaan telah mengisytiharkan negara ini negara Islam. Walaupun sebelum ini rakyat telah diwarw arkan bahawa Islam tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya di negara ini dengan alasan masyarakat majmuk. Jadi, persoalan saya, apakah model negara Islam yang diguna pakai oleh negara kita hari ini dan di mana kedudukan Al-Quran dan Sunnah yang sepatutnya menjadi sumber rujukan utama dalam Perlembagaan negara selain daripada *Ijmak* dan *Qias* di dalam kita membentuk sebuah negara Islam sebagaimana yang telah dibina oleh Junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w.

Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat, saya kira Yang Berhormat aga ketinggalan zaman bahawa negara Malaysia begitu terserlah di kancah antarabangsa yang telah diakui, diiktiraf oleh semua pihak bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam yang begitu terserlah, yang begitu maju, malah banyak negara Islam yang ingin menjadikan negara Malaysia sebagai sebuah negara Islam contoh atau model. Maka justeru itu, Malaysia tidak memerlukan contoh-contoh lain kerana apa yang kita amalkan selama ini sebagai sebuah negara Islam adalah sudah begitu menyeluruh dan telah pun kita amalkan, mendapat keharmonian dalam masyarakat umat ataupun warganegara

Malaysia di sini. Begitu juga soal Al-Quran dan Sunnah, memang sedari awal kita menghormati dan Malaysia meletakkan setinggi-tingginya.

Sebab itulah, kalau kita perhatikan semua perancangan kerajaan dalam bentuk pembangunan yang telah dilaksanakan adalah berdasarkan ataupun bersumberkan Al-Quran dan Sunnah itu sendiri. Cubalah kita perhatikan apa juga perancangan kerajaan, apabila usaha kita untuk membasmi kemiskinan, untuk memberi peluang kepada semua pihak telah dapat menikmati kehidupan yang selesa dan sebagainya, semuanya ini adalah merupakan sebagai suruhan agama, suruhan Al-Quran dan Sunnah itu sendiri.

Apabila kita mementingkan bahawasanya soal pendidikan amat penting, ianya merupakan sebagai prasyarat untuk negara ini maju ke hadapan, maka secara awal lagi negara Malaysia telah melaksanakan apa yang dikehendaki oleh budaya ilmu, budaya *iqraq* itu sendiri hingga kita telah peruntukan sekian banyak belanjawan untuk bidang pendidikan itu sendiri.

Kalau Al-Quran menekankan bahawa betapa pentingnya keamanan itu diwujudkan dalam sesebuah masyarakat atau negara, tidak usah atau mesti dielakkan segala kecelaruan, kerosakan, kemusnahan maka kita telah memperuntukkan semua perancangan keamanan dan keselamatan ini berdasarkan kepada Al-Quran dan Sunnah. Jadi, semuanya kita ambil kira, semua pembangunan, semua projek dan sebagainya berdasarkan kepada Al-Quran dan Sunnah, tidak sekali-kali kerajaan ini membelakangkan Al-Quran dan Sunnah. *[Tepuk]*

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Saya hendak tumpang tanya kepada Yang Berhormat Menteri dan kerajaan berkenaan definisi negara Islam. Apakah setakat ini apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mencabar PAS supaya menyediakan satu *blue print*, dengan izin, sebuah negara Islam yang diimpikan oleh PAS, apakah sudah PAS menyediakan pelan ataupun *blue print* berkenaan setelah lebih daripada 40 tahun PAS wujud.

Dan kalau boleh, bolehkah kerajaan menegaskan kepada kita dan rakyat bahawa negara Islam ini memang tidak berada di dalam tuntutan Al-Quran dan Hadis, tetapi negara Islam ini wujud mengikut sejarahnya yang diketuai oleh Rashid Raddha pada tahun 1924 hingga 1926.

Jadi, apakah kedudukan kita ini sebagai sebuah negara Islam yang berorientasikan kepada asas-asas yang dikehendaki oleh agama kita. Jadi apakah juga pendirian kerajaan bahawa PAS hanya merupakan sebuah parti retorik yang hanya menggunakan agama semata-mata... *[Tepuk]* Untuk kepentingan, seperti di Terengganu dan Kelantan memang berlaku kemiskinan yang amat tinggi dan berlaku peniruan dalam undang-undang dan enakmen yang digubal baru-baru ini yang dcedok daripada undang-undang dan enakmen yang telah lama dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional, lebih daripada 15 tahun yang lalu. Terima kasih. *[Tepuk]*

Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Saya kira apa yang telah diperjelas oleh Ahli Yang Berhormat itu merupakan sebagai penegasan lagi, penambahan lagi kepada apa yang telah saya katakan cuma sebagaimana yang termaklum bahawa kita belum lagi jelas letak duduk sebuah negara Islam seperti yang dikehendaki oleh parti PAS.

Dan kita memang sedari awal, sedari dahulu lagi negara ini realitinya siapa pun tidak dapat memejamkan mata kalau mereka yang memejamkan mata bahawa Malaysia sebagai sebuah negara Islam, hanya memperlihatkan suatu kesombongan yang begitu ketara. Terima kasih.

4. **Dato' Haji Mazlan bin Abu** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan berapakah jumlah pengangguran yang sebenarnya setelah institusi-institusi kewangan di negara ini di mana pekerja-pekerja diberi VSS, stesen minyak menggunakan khidmat "Layan Diri" dan pembuangan pekerja-pekerja kilang. Apa tindakan kerajaan bagi menolong pekerja-pekerja yang hilang pekerjaan.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua bagi tempoh 1 Januari 2001 hingga 17 November 2001 seramai 34,502 pekerja telah

diberhentikan pekerjaan mereka. Namun demikian dalam tempoh yang sama sebanyak 120,915 kekosongan baru telah diwujudkan di dalam negara kita.

Dalam usaha membantu pekerja-pekerja yang kehilangan pekerjaan, kementerian melalui Jabatan Buruh berusaha memastikan pekerja diberhentikan bukan sahaja dibayar pampasan sewajarnya, tetapi juga prosedur yang dipersetujui dalam perjanjian bersama akan diikuti. Bagi majikan-majikan yang tidak mengikuti prosedur yang telah ditetapkan mereka boleh di bawa ke mahkamah.

Di samping itu kementerian telah melaksanakan berbagai langkah untuk mengatasi masalah kehilangan pekerjaan. Langkah-langkah tersebut merangkumi aspek-aspek pemantauan, kebajikan pekerja, pendapatan dan meningkatkan *flexibility* pasaran buruh.

Bagi langkah untuk mengatasi masalah pemberhentian kerja, Kementerian Sumber Manusia telah mengadakan berbagai program menggalakkan pekerja menjalani latihan semula atau mempertingkatkan kemahiran dan dalam bidang-bidang kemahiran yang ada permintaan yang luas di pasaran kerjaya. Pembangunan Sumber Manusia Berhad di bawah Kementerian Sumber Manusia telah pun diperuntukkan sebanyak RM130 juta baru-baru ini dengan tujuan memperluaskan untuk melaksanakan program membantu pekerja-pekerja yang hilang pekerjaan dan siswazah yang menganggur bagi meningkatkan kemahiran-kemahiran mereka.

Sasaran tahun ini sehingga tahun 2002 adalah seramai 20,000 akan diberi pertolongan. Kursus yang ditawarkan adalah kursus bagi bidang teknologi maklumat dan juga bidang-bidang lain yang di mana ada peluang pekerjaan yang luas dan juga bahasa. Bagi peserta kursus sepenuh masa mereka boleh dibayar elaun sehingga RM500 sebulan dan juga mereka ikuti kursus sepenuh masa mereka boleh dibayar elaun yang maksimum sehingga RM300 sebulan.

Kementerian Sumber Manusia pula ambil langkah-langkah berikut bagi menangani masalah pekerja yang hilang pekerjaan:

- (i) menggiatkan usaha-usaha pendaftaran pencari kerja dan kekosongan jawatan serta mempertingkatkan hubungan baik dengan majikan-majikan dan kesatuan-kesatuan sekerja melalui lawatan kemajuan yang lebih kerap. Selain melakukan pendaftaran di pejabat-pejabat Jabatan Tenaga Rakyat di peringkat negeri dan daerah, kakitangan Jabatan Tenaga Rakyat juga akan dihantar melakukan pendaftaran di syarikat-syarikat yang membuang pekerja untuk memudahkan mereka ditemuduga oleh syarikat-syarikat yang lain;
- (ii) selain itu Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Rakyat lagi juga telah membuka pusat pendaftaran dan penerangan di kaunter imigresen Johor untuk memberi bantuan kepada para pekerja Malaysia yang telah diberhentikan pekerjaan mereka di Singapura; dan
- (iii) menganjurkan program *job fair* atau pesta pekerjaan untuk memberi bantuan kepada pekerja-pekerja yang telah hilang pekerjaan mereka dari segi membolehkan mereka ditemuduga oleh syarikat-syarikat yang lain dan juga dari segi memberi nasihat dan sebagainya. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kalau kita melihat pengangguran yang ada di dalam negara kita, pengangguran adalah bukan sahaja berpunca daripada pemberhentian pekerja-pekerja kilang dan sebagainya, tetapi juga berpunca daripada para graduan lepasan pelajar-pelajar dari institusi pengajian tinggi yang tidak mendapat peluang pekerjaan dalam kerajaan ataupun swasta.

Jadi, soalan saya apakah persediaan yang disediakan oleh kerajaan setakat ini dan memastikan setiap rakyat negara kita mempunyai peluang pekerjaan yang cukup terutama lepasan-lepasan pelajar yang mana mereka dibebankan dengan pinjaman, dalam pembelajaran dan mereka terpaksa membayar balik pinjaman. Jadi

apakah persiapan yang dibuat oleh kerajaan sekarang untuk memastikan supaya bebanan ini tidak berlaku kepada pelajar-pelajar kita?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua. Memang keadaan di Malaysia jauh baik dibandingkan dengan keadaan negara-negara yang lain, khususnya negara-negara jiran. Dalam usaha kita menghadapi atau mengatasi masalah cabaran ekonomi baru-baru ini, tidak boleh nafikan bahawa asas Malaysia telah kuat.

Seperti yang saya terangkan dalam masa tahun ini, iaitu Januari hingga November jumlah bilangan kekosongan baru telah diwujudkan iaitu lebih kurang 120,000 kekosongan baru yang telah diwujudkan dibandingkan dengan 34,000 orang yang telah diberhentikan. Ertinya jumlah kekosongan adalah jumlah peluang-peluang pekerjaan baru jauh melebihi dibandingkan dengan mereka yang telah diberhentikan kerja.

Dalam keadaan itu, jadi Malaysia masih perlukan bantuan pekerja-pekerja asing. Namun demikian, tujuan Kementerian Sumber Manusia ialah untuk mengatasi masalah *mismatch* kerana kemahiran yang diperolehi oleh sekumpulan siswazah mungkin tidak memenuhi keperluan sektor swasta. Jadi di program yang baru-baru ini telah dilancarkan oleh Kementerian Sumber Manusia. Kementerian Sumber Manusia telah diberi peruntukan untuk menjalankan kursus-kursus latihan semula bagi siswazah yang masih menganggur.

Dalam konteks ini Kementerian Sumber Manusia akan terus salurkan mereka untuk mengikuti kursus yang akan mempertingkatkan kemahiran khususnya kursus ICT dan juga kursus bahasa khususnya kursus Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Mandarin. Ini dengan tujuan supaya mereka boleh mempertingkatkan kemahiran mereka dan juga boleh dengan secara lebih tepat memenuhi keperluan dengan sektor swasta.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Soalan tambahan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan juga kementerian yang telah mengambil beberapa langkah untuk mendapat ataupun mewujudkan peluang-peluang kerja untuk golongan yang hilang kerja.

Yang Berhormat Menteri juga telah menyatakan bahawa dalam negara kita ada 120,000 kekosongan dan bilangan penganggur adalah 34,000. Mungkin ini adalah *mismatch* dengan kemahiran atau pengetahuan yang diperolehi golongan penganggur dan juga dengan peluang-peluang kerja baru. Walaupun kementerian telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan *mismatch* ini, saya juga ingin tahu bahawa adalah salah golongan yang baru iaitu graduan-graduan dari universiti-universiti. Adakah sesuai jika kita beri kursus-kursus ICT dan juga kursus-kursus bahasa Mandarin dan juga bahasa Inggeris, mereka boleh menyertai dalam kekosongan 120,000 itu.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu. Tadi saya telah terangkan di bawah program latihan semula untuk siswazah yang masih menganggur, Kementerian Sumber Manusia akan menyalurkan mereka di bidang ICT dan juga di bidang bahasa. Soalnya adalah selepas mereka mengikuti kursus ini bolehkah kita jamin agar mereka mendapat pekerjaan. Memang tak boleh jamin, tapi Kementerian Sumber Manusia yakin bahawa dengan adanya kemahiran yang baru ini khususnya di bidang bahasa mereka boleh berkomunikasi dan juga boleh menggunakan ICT.

Kementerian Sumber Manusia yakin bahawa dengan ada kemahiran yang baru ni, mereka akan lebih tepat memenuhi keperluan sektor swasta. Bukan saja di dalam negara tetapi juga di dalam konteks wilayah Asia Timur yang merupakan satu tempat yang akan terus bangun dengan pesat dan saya yakin sebahagian mereka akan dapat pekerja atau dalam negeri dan juga forum antarabangsa. Ini adalah hasrat Kementerian Sumber Manusia kerana kita boleh transformasikan mereka untuk dijadikan sebagai pekerja pengetahuan yang setanding dengan keperluan dunia.

5. **Yang Berhormat Puan Hajah Azizah bin Datuk Seri Panglima Hj. Mohd Dun** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan perancangan serta langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh kementerian untuk memastikan pembangunan di kampung-kampung berjalan secara teratur mengambil kira keperluan asas penduduk-penduduk kampung di samping memenuhi cita-cita untuk menjadikan kampung dan desa lokasi yang menarik.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kelapan kerajaan menekan tumpuan utama dasar dan strategi pembangunan luar bandar adalah untuk melahirkan masyarakat desa yang berjati diri, menyusun semula struktur ekonomi desa yang lebih mencabar dengan peningkatan kualiti prasarana dan kemudahan, amenity sosial dilaksanakan dengan lebih terancang serta menyediakan masyarakat desa dengan pengetahuan dan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi ICT agar tidak wujud jurang digital di antara bandar dan luar bandar. Tumpuan pembangunan ini adalah juga untuk meningkatkan pendapatan masyarakat desa.

Tuan Yang di-Pertua untuk maklumat sepanjang Rancangan Malaysia Ketujuh kerajaan telah melaksanakan beberapa strategi pembangunan untuk mempercepatkan liputan kemudahan infrastruktur dan utiliti infrastruktur dan mempertingkatkan usaha-usaha pemodenan desa. Dari segi kemudahan jalan kampung PJK sejumlah 10,830 projek sepanjang 9,573 km dengan kos sebanyak RM725.6 juta telah dibina di seluruh negara. Pembinaan jalan-jalan ini telah memberi kemudahan kepada 1.6 juta pengguna di luar bandar termasuk kampung-kampung.

Dari segi bekalan air pula sejumlah 3,253 projek dengan kos RM319.846 juta telah disiapkan di seluruh negara. Projek-projek ini telah memberi manfaat kepada 262,403 buah rumah. Manakala bekalan elektrik pula, sejumlah 1,704 projek telah dilaksanakan di seluruh negara dan ianya memberi kemudahan kepada 83,548 buah keluarga. Di samping itu dalam usaha memodenkan desa, kerajaan telah melaksanakan program pusat pertumbuhan desa dan menyusun semula kampung di mana sejumlah 98 projek dengan kos RM68 juta telah disiapkan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh. Usaha-usaha memodenkan desa ini akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Program pembangunan luar bandar akan memberi tumpuan kepada mengubah kawasan luar bandar menjadi lebih baik untuk pelaburan serta tempat kediaman yang menarik dan menikmati semua kemudahan asas infrastruktur dan perkhidmatan sosial yang berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini kemudahan infrastruktur sedia ada termasuk telekomunikasi akan diperbaiki dan dipertingkatkan. Penyediaan kemudahan infrastruktur dan sosial akan diperluaskan lagi ke kawasan pedalaman dan ladang-ladang kecil. Kementerian juga akan melaksanakan satu program baru iaitu untuk memasang lampu jalan kampung. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajah Azizah.

Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun: Terima kasih atas jawapan yang diberikan. Soalan tambahan saya. Tadi dalam jawapan itu dimaklumkan bahawa ada rancangan untuk menyusun semula kampung-kampung. Apakah rancangan kerajaan yang telah dilakukan dalam menyusun semula kampung-kampung ini? Maksud saya seperti di bandar-bandar terdapat Majlis Perbandaran dan juga Majlis Daerah. Adakah juga di desa-desa atau di kampung-kampung akan diwujudkan majlis pembangunan desa misalnya untuk memastikan segala penyusunan semula dan program-program yang akan diadakan di kampung dan keperluan-keperluan kampung dapat diatur dengan lebih tersusun dan teratur seperti mana berlaku di bandar-bandar? Terima kasih.

Dato' G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kementerian tidak bercadang untuk mewujudkan pertubuhan atau badan baru untuk memantau projek-projek pembangunan di kawasan luar bandar atau untuk melaksanakan dasar-dasar kerajaan sebab sekarang kita mempunyai JKK di tiap-tiap kampung dan JKK akan menjadi badan akar umbi untuk melaksanakan dan juga memantau semua projek kerajaan dengan kerjasama wakil rakyat dan lain-lain badan di peringkat kampung. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Jamilah.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Banyak projek-projek terlaksana dan akan dilaksanakan oleh kerajaan bagi memastikan masyarakat luar bandar terbela. Setakat ini sudahkah kerajaan mengenal pasti masih berapa peratus tahap pembangunan di kampung dan penghuninya yang memerlukan pembelaan?

Dato' G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sudah mengenal pasti program-program yang perlu dilaksanakan di peringkat kampung dan akan mengenal

pasti program-program yang kita perlu dalam lima tahun akan datang dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan. Sekian terima kasih.

6. Dato' Dr. Chin Fook Weng minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah perjumpaan YAB. Perdana Menteri Malaysia dengan Presiden Amerika Syarikat di Shanghai pada 20 Oktober 2001 telah membawa kefahaman yang lebih mendalam tentang perhubungan dua hala.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad] : Tuan Yang di-Pertua, semasa perjumpaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Presiden Amerika Syarikat di Shanghai baru-baru ini kedua-dua belah pihak telah bersetuju untuk mempertingkatkan lagi hubungan dua hala antara kedua-dua negara bagi kepentingan bersama kedua-dua negara. Kedua-dua belah pihak juga telah memahami satu sama lain mengapa ada kalanya mereka mengambil pendirian yang berbeza atas beberapa isu.

Seperti mana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum Amerika Syarikat merupakan rakan dagangan utama Malaysia. Jumlah dagangan dua hala pada tahun 2000 mencecah RM128.4 bilion atau US\$33.8 bilion. Nilai eksport Malaysia ke Amerika Syarikat pada tahun 2000 bernilai 76.6 bilion manakala import dari Amerika pula berjumlah RM51.9 bilion. Imbangan perdagangan yang berjumlah 24.7 bilion berpihak kepada Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia juga adalah penting kepada Amerika Syarikat. Menurut statistik Amerika Syarikat, Malaysia adalah rakan dagang ke 11 terbesar negara berkenaan. Jadi, jumlah eksport Amerika Syarikat ke Malaysia adalah lebih daripada jumlah gabungan eksport Amerika ke Rusia, India dan Indonesia.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih. Soalan tambahan saya. Selepas perjumpaan yang telah diadakan pada 20 Oktober itu saya terbaca dalam surat khabar bahawa Perdana Menteri kita telah menulis sepucuk surat kepada Presiden Amerika untuk menyatakan beberapa perkara. Dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberitahu satu dua daripada perkara itu dalam surat khabar. Soalan tambahan saya, adakah selepas surat itu dihantar ada apa-apa perkembangan dan adakah pendapat-pendapat itu diberi perhatian yang serius oleh Amerika? Terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad : Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pun telah menulis satu surat memberi pandangan beliau atas kejadian dan memberi simpati kepada pihak kerajaan Amerika dan rakyat mereka selepas kejadian 11 September yang lalu dan sebelum perjumpaan di Shanghai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa dengan pandangan yang telah diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kepada pihak Presiden Bush dan juga Perdana Menteri Tony Blair bahawa pandangan-pandangan kita diambil kira untuk mereka memahami lebih lagi usaha-usaha untuk mengambil tindakan atau pertimbangan dalam tindakan mereka dan juga untuk menghormati pendirian-pendirian negara-negara Islam dalam kejadian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Hamzah.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah selepas mendengar ulasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tentang soalan yang pertama, saya difahamkan bahawa masih ada lagi rakyat negara kita yang pergi ke Amerika untuk merosakkan kefahaman dan hubungan dua hala dan juga merosakkan maruah kepimpinan negara kita. Saya hendak tahu bagaimanakah tindakan kerajaan dan apakah tindakan kerajaan terhadap mereka ini yang selalu merosakkan nama negara kita walaupun mereka tahu tentang kepentingan dua hala di antara Amerika dan negara kita. Terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad : Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat memang di negara kita rakyatnya bebas keluar masuk ke negara kita dan untuk melancong dan sebagainya kerana kita adalah sebuah negara yang berdemokrasi dan liberal kepada rakyatnya. Walau bagaimanapun ini usaha kita menerusi pihak media dan cara-cara kedutaan luar kita dan agensi-agensi yang lain untuk kita menyebarkan maklumat-maklumat yang dapat mematahkan apa yang disebar oleh pihak yang tidak begitu senang dengan kerajaan kita dan dengan tujuan untuk merosakkan imej kita di luar negara.

Walau bagaimanapun, pada masa kini dengan peranan negara kita Malaysia dan dengan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri lebih lagi dalam pembangunan pada masa kini yang ada di bidang antarabangsa dan peranan kita di mana pertimbangan atau pandangan kita diambil kira. Lebih-lebih lagi kerana ini menunjukkan bahawa pandangan-pandangan pihak yang tertentu yang masih begitu giat untuk merosakkan imej negara kita Malaysia. Ini adalah boleh dikatakan petunjuk kepada mereka bahawa mereka ini sudah kian hari pada masa kini kurang diterima dan pandangan mereka adalah tidak begitu diterima oleh pihak-pihak luar negara pada masa kini. Dan ini adalah satu pencapaian yang baik untuk kita dan kita nampak juga seterusnya bahawa pelaburan-pelaburan kepada negara ini masih meningkat walaupun ia tidak begitu besar seperti dulu kerana ini adalah sebab-sebab luar atau sebab-sebab ekonomi sejagat dan bukan kerana apa-apa sebab. Tetapi nampaknya pandangan-pandangan positif masih ada pada negara kita dan khususnya pada pimpinan dan kerajaan yang memegang negara kita Malaysia pada masa kini.

7. Puan Nosimah binti Hashim minta Menteri Pembangunan Wanita Dan Keluarga menyatakan apakah pihak Kementerian bercadang merangkakan beberapa program untuk meringankan beban ibu-ibu yang ditinggalkan suami dan berapakah jumlah ibu-ibu yang ditinggalkan di seluruh negara setakat ini.

Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga [Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin memohon untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat sekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail pada 6 Disember 2001 kerana beliau telah membangkitkan isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat Jabatan Perangkaan pada tahun 2000 terdapat 895,000 isi rumah yang diketuai oleh wanita. Angka ini termasuk keluarga di mana wanita yang belum berkahwin menjadi ketuanya. Bilangan ibu tunggal yang berdaftar dengan Persatuan Ibu Tunggal pula di seluruh negara setakat ini berjumlah 17,246 orang. Sebagai jentera kerajaan yang bertanggungjawab terhadap pembangunan wanita kementerian ini amat prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh wanita termasuklah ibu-ibu tunggal. Bagi membantu golongan ini kementerian sedang dan akan terus melaksanakan langkah-langkah berikut:

- (i) menyelaraskan penyediaan khidmat sokongan termasuk kaunseling;
- (ii) memperluas peluang mendapat kemahiran bagi meningkatkan keupayaan mencari rezeki dan mengatur program keusahawanan yang meliputi cara mengenal pasti peluang-peluang perniagaan dan modal-modal.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita Dan Keluarga tidak mempunyai peruntukan kewangan daripada Perbendaharaan untuk diagih-agihkan kepada ibu-ibu tunggal oleh kerana ini adalah satu program kebajikan. Namun begitu, kementerian yang baru ini akan membantu wanita-wanita yang memerlukan bantuan dengan cara dan kaedahnya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Christina.

Datuk Christina Tibok Vanhouten: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga memberitahu apakah tindakan ataupun prosedur dan saluran yang digunakan oleh kementerian pada masa ini untuk mengenal pasti dan mendaftarkan ibu-ibu tunggal di peringkat daerah dan negara? Terima kasih.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini kementerian mendapati bahawa begitu banyak sekali persatuan-persatuan ibu tunggal telah pun diwujudkan oleh individu-individu wanita untuk memberi perhatian kepada isu-isu ibu tunggal. Memandangkan ini adalah satu langkah tidak begitu memuaskan maka pihak kementerian telah pun mengadakan mesyuarat dengan pengerusi-pengerusi persatuan-persatuan ibu tunggal yang didapati di peringkat nasional, negeri dan juga kawasan-kawasan Parlimen serta daerah dan diminta supaya diwujudkan satu majlis di mana apa jua isu-isu yang memerlukan perhatian kerajaan dapat disalurkan melalui satu persatuan ibu tunggal ataupun satu majlis khas untuk ibu-ibu tunggal. Saya difahamkan bahawa majlis ini akan ditubuhkan di bawah pengawasan kementerian dengan secepat mungkin dan insyaAllah dengan adanya

majlis ini maka saya percaya bahawa isu-isu khususnya untuk ibu tunggal dapat ditangani dengan cara lebih teratur.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Jamilah.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Soalan tambahan saya, sejauh manakah positifnya kerjasama yang boleh didapati dari kementerian-kementerian lain yang mungkin ada rangkaian bagi memastikan hasrat dan objektif kementerian ini tercapai dengan sepenuhnya?

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah kami di kementerian yang baru ini dapati bahawa kerjasama dan sokongan yang diterima daripada menteri-menteri dan juga kakitangan kementerian-kementerian yang lain begitu baik sekali. Malah saya ingin memaklumkan bahawa apabila kita lihat kuasa yang ada pada kementerian yang baru ini kita tidak mempunyai satu pun undang-undang di bawah pengawasannya ataupun agensi pelaksana. Kejayaan kementerian yang baru ini banyak terletak kepada kerjasama dan sokongan yang diberi oleh menteri-menteri dan kementerian-kementerian yang lain dan seperti mana yang saya kata alhamdulillah setiap isu yang dibangkitkan, yang diutarakan melalui jawatankuasa antara menteri yang diwujudkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga mendapat reaksi dan sokongan yang positif dan saya berdoa bahawa sikap ini daripada menteri-menteri yang lain akan dapat terjalinlah buat selama-lamanya. Terima kasih

8. **Dato' Poo Yew Choy** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan implikasi ke atas sektor pelancongan negara kita selepas serangan dahsyat ke atas Amerika Syarikat pada 11 September dan apakah usaha Kerajaan untuk terus mencergaskan sektor pelancongan.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya negara kita memang sedikit sebanyak mengalami kesan buruk akibat kejadian September 11 dan juga kesan dari kemerosotan ekonomi merata-rata yang kian meruncing selepas September 11 itu. Ingin saya menyatakan bahawa antara bulan 1 sehingga bulan 8, hitung panjang pelancong yang datang ke Malaysia adalah sekitar 1.2 juta sebulan tetapi pada bulan 9 dia jatuh kepada lebih kurang 950,000 orang dan pada bulan 10 pula jatuh ke 50% lebih iaitu kepada 562,000 orang sahaja. Ini satu kejatuhan yang cukup ketara dan cukup membimbangkan. Namun demikian, kita sedang mengambil pelbagai langkah untuk mengatasi masalah ini iaitu dengan menggiatkan lagi, mempertingkatkan lagi usaha promosi kita khususnya di negara-negara yang kita rasa akan lebih mudah lagi dapat pulangan iaitu negara-negara yang biasanya mereka pergi bercuti ke Amerika Syarikat ataupun Europe iaitu Australia, Jepun, Korea, Timur Tengah dan sebagainya.

Di samping itu juga kita sedang mempergiatkan juga usaha-usaha kita di negara-negara jiran seperti Singapura, Thailand dan Indonesia. Ini kita membuat dengan cara menjemput media massa dan juga agensi-agensi pelancongan dari negara-negara ini untuk melawat negara kita lihat sendiri dengan keadaan yang terdapat di negara kita ini dan keduanya kita juga mengadakan pelbagai rombongan galakan pelancong ke negara-negara itu. InsyaAllah kita berharap keadaan pada bulan Disember sekurang-kurangnya dapat pulih dari apa yang telah berlaku dalam masa bulan 9, 10 dan 11 ini. Terima kasih.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah mengambil begitu banyak usaha dalam menarik lagi pelancongan terutama sekali baru-baru ini bila diadakan mesyuarat khas menteri-menteri pelancongan negara Islam (OIC). Saya rasa pendekatan ini amat baik sekali. Di antara negara-negara diberi tumpuan oleh pihak kementerian saya ingin bertanya adakah diberi pengkhususan kepada mana-mana daerah atau kawasan umpamanya negara Islam, adakah diletak pada tahap kepentingan yang pertama kerana mereka ini banyak wang dan selalunya banyak mereka belanja di daerah Eropah dan sebagainya., dan adakah pakej promosi itu diubah suai untuk selera kumpulan sasaran dunia Islam dan sebagainya? Terima kasih.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, tumpuan utama kita adalah kepada negara-negara jiran. Di mana-mana pun dalam dunia pelancong utama yang datang ke sebuah negara itu adalah datang dari negara-negara jiran. Jadi tumpuan kita adalah kepada Singapura, Thailand, Indonesia, Brunei, India dan China. Dari negara-negara Asialah di samping negara-negara jiran, negara-negara

Asia. Timur Tengah ini adalah satu pasaran yang baru kepada kita, memang peningkatannya cukup ketara pada tahun 1998 hanya lebih kurang 20,000 sahaja dari Asia Barat tetapi pada tahun 1999 dia naik 100% lebih kurang kepada 50,000 dan pada tahun sudah naik lagi 100% kepada 100,000 dan sebagainya tetapi walaupun 100,000, 120,000 ini adalah 120,000 dari jumlah pelancong yang datang ke negara kita ini iaitu 10.2 juta tahun sudah misalnya. Jadi peratus dari Asia Barat masih kecil tetapi mereka ini very visible, bila datang ke Malaysia ini banyak dia suka berada di sekitar bandar dan pakaiannya juga agak luar biasa sedikit. Jadi kita nampak ketara tetapi banyak pelancong ke negara kita ini adalah dari negara jiran dan juga dari Asia.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hasan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, beberapa bulan yang lalu pencapaian maksimum pelancong melebihi satu juta. Apakah angka ini akan menjadi satu angka optimum ataupun matlamat Kementerian supaya kita dapat menyediakan alternatif persediaan sebagaimana Yang Berhormat Menteri katakan tadi. Jadi apakah faktor sebenarnya yang telah meningkatkan baru ini peningkatan satu juta lebih beberapa bulan berturut-turut dan akhir sekali saya hendak ucap terima kasih baru-baru ini saya terima kad Happy Deepavali daripada Dato'. Terima kasih.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, peningkatan pelancong ke negara kita ini adalah oleh sebab satunya promosi yang bersungguh-sungguh dan semua pihak yang berkait dalam industri pelancongan ini bekerja sebagai satu pasukan. Jadi, ini adalah antara perkara-perkara yang telah menyebabkan kita meningkat dengan begitu jayanya.

Di samping itu, kita sekarang juga sedang menonjolkan imej negara kita ini sebagai sebuah negara yang sentiasa berpesta, berfestival, berkarnival dan dengan rakyat yang ceria sepanjang masa dan oleh sebab itu kita selalu mencari-cari apakah festival dan karnival yang kita boleh jadikan sebagai satu festival pelancongan dan Jemaah Menteri telah juga memutuskan bukan sahaja sebagai usaha satu pelancongan tetapi juga untuk merapatkan perhubungan antara kaum di negara kita ini iaitu semua perayaan-perayaan utama di negara kita ini dijadikan perayaan nasional iaitu Hari Raya, Hari Raya Qna, Hari Raya Puasa, Deepavali, Krismas dan Hari Keamatan dan juga Hari Gawai. Enam pesta utama kaum-kaum Malaysia yang sekarang ini adalah perayaan nasional.

Jadi, kita telah pun merayakan Hari Raya Puasa di Istana Budaya, kita rayakan Hari Raya Cina peringkat nasional di George Town, di Pulau Pinang, Deepavali baru-baru ini di Istana Budaya, Krismas kita akan rayakan juga begitu juga kita telah merayakan Pesta Keamatan dan Gawai secara besar-besaran di Kota Kinabalu dan juga di Kuching. Ini telah pun menjadi satu daripada acara-acara pelancongan yang cukup menarik tetapi di samping itu saya dapati bahawa ianya telah pun memberi sumbangan yang cukup baik untuk menggalakkan semua rakyat Malaysia merayakan bersama semua perayaan utama ini.

9. **Puan Safinah binti Jusoh** minta Perdana Menteri menyatakan bentuk-bentuk harta yang dimiliki oleh Petronas dan jumlahnya masing-masing sehingga kini. Siapakah pemegang amanah bagi segala harta yang dimiliki oleh Petronas dan dimanakah dana/harta tersebut disimpan atau dilaburkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah harta dan aset Petronas bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2001 ialah RM139,040 juta terdiri daripada dengan izin, Property Plan and Equipment - RM66,154 juta; pelaburan dalam Syarikat Associate - RM9,239 juta, Trade Inventories dan Receivables - RM15,584 juta; Other Investment - RM2,956 juta; Cash and Fund Investment - RM45,107 juta.

85% dari harta berkenaan adalah dalam Malaysia, selainnya adalah di luar negara di mana Petronas membuat pelaburan seperti di Afrika Selatan, Sudan, Iran, Vietnam, Myanmar, Australia dan Argentina. Semua harta berkenaan telah dipegang oleh Petronas dan anak-anak syarikatnya. Petronas dan anak-anak syarikatnya tidak menggunakan pemegang amanah bagi pemegang harta.

Puan Safinah binti Jusoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akta Petroleum 1974 bolehlah disinonimkan dengan Petronas yang di antaranya membolehkan negeri Terengganu menerima royalti petroleum selama 20 tahun yang

lalu. Cuma saya ingin tahu Tuan Yang di-Pertua, apakah prosedur yang diguna pakai oleh Kerajaan Malaysia sehingga wang royalti petroleum itu boleh diubahkan kepada wang ihsan sedangkan Akta Petroleum 1974 itu belum dibubarkan lagi? Terima kasih.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan royalti petroleum dan wang ihsan, ia mempunyai dua kaedah berbeza, wang royalti ini terpulang kepada Kerajaan Pusat ataupun Petronas untuk memberi kerajaan-kerajaan negeri yang sepatutnya ataupun yang diberi wang royalti kepada mereka. Wang yang dipegang oleh kerajaan sekarang ialah kalau diberi kepada kerajaan yang kurang cekap seperti kerajaan di Terengganu, royalti ini kita pasti bahawa wang ini akan disalahgunakan. Dengan itu Kerajaan Pusat telah mengambil ketetapan supaya wang ini ditadbirkan sendiri oleh Kerajaan Pusat untuk memberi kemudahan-kemudahan kepada rakyat terus di negeri Terengganu.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Beberapa bulan dahulu kita dapat mengetahui bahawa terdapat masalah dalam sebuah syarikat yang dilaburkan dengan banyak oleh pihak Petronas iaitu syarikat perdagangan MITCO yang telah mengalami kerugian lebih RM200 juta kerana penyelewengan ahli pengurusan sendiri dan dilaporkan juga bahawa kes undang-undang itu dibicarakan di mahkamah di Singapura. Saya ingin mengetahui apakah perkembangan kes ini dan apakah tindakan pihak Petronas untuk menentukan bahawa penyelewengan dalam satu syarikat besar begini tidak akan berlaku di masa hadapan? Terima kasih.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, saya tidak ada angka ataupun perkara Yang Berhormat telah bangkitkan. Walau bagaimanapun, pelaburan besar bagi harta tetap Petronas dilaksanakan ialah jenis pelaburan yang besar harta tetap dalam bentuk hartanah, kilang, loji dan peralatan adalah seperti kilang, hartanah, kapal-kapal pengangkutan, tanah, bangunan dan lain-lainnya. Jadi yang lainnya Petronas melabur dalam segi bon, dari sekuriti dan sebagainya. Barangkali Yang Berhormat telah sebutkan berkenaan dengan syarikat yang telah disebutkan ialah salah satu masalah yang barangkali telah timbul apabila pelaburan telah dilakukan. Walau bagaimanapun, saya berkeyakinan bahawa Petronas akan mengambil tindakan yang sewajarnya jika penyelewengan terdapat di atas pelaburan yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. .

10. **Puan Hajah Melati binti Ali** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah bentuk pelaksanaan sistem meritokrasi yang akan diguna pakai oleh kerajaan bagi memastikan para pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) khususnya untuk meningkatkan pencapaian dan persaingan di kalangan para pelajar bumiputera di negara kita.

Menteri Pendidikan [Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad]: Tuan Yang di-Pertua, sistem merit akan dilaksanakan pada kemasukan sesi akademik 2002/2003. Pelaksanaan sistem ini dilakukan secara berperingkat seperti berikut, Syarat minimum kemasukan ke IPTA akan ditingkatkan. Semua pelajar STPM mesti mempunyai sekurang-kurangnya tiga principal E berbanding dengan dua principal E di dalam pelaksanaan kemasukan terdahulu. Peningkatan ini melibatkan semua program yang ditawarkan oleh IPTA. Selain daripada itu, markah potongan untuk kemasukan juga akan ditingkatkan secara beransur-ansur setiap tahun. Dengan peningkatan syarat ini, pelajar-pelajar di peringkat persekolahan diharapkan akan lebih menumpukan perhatian kepada pelajaran dan berusaha dengan lebih gigih bagi mengejar kecemerlangan pendidikan. Konsep merit juga akan dilaksanakan untuk pelajar-pelajar yang sedang menuntun di IPTA. Pelajar-pelajar dikehendaki mempunyai Grade Point Average (GPA) 2 ke atas setiap semester. Seandainya mereka gagal untuk memperolehi gred tersebut, biasiswa pinjaman akan digantung sehingga mereka memperolehi GPA yang diperlukan.

Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Tinggi akan memantau dan menilai prestasi kemasukan dan prestasi pelajar di IPTA untuk memastikan konsep merit tersebut dapat dilaksanakan dengan lancar. Sekian.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Ghazi.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan yang lebih lanjut daripada pihak Kementerian Pendidikan mengenai takrif dan kefahaman perkataan 'merit' ini kerana kalau tidak salah, saya membaca

pandangan Yang Berhormat menyebut bahawa soal kokurikulum yang dahulunya dimasukkan diambil kira dalam merit, sekarang ini tidak diambil kira lagi dalam segi pengenalan. Sedangkan mengikut fahaman saya, kalau merit cemerlang itu kita hendak seseorang individu cemerlang secara menyeluruh, bukan hanya dari segi akademik, kita ingin membentuk pendidikan yang menyeluruh, *holistic approach* Jadi, kalau pendekatan kita tidak mengambil kira kecemerlangan seseorang dalam bidang kokurikulum dalam aktiviti apa pun, mungkin ini akan rosak dari segi perancangan mendidik seseorang individu masa depan. Jadi, saya cuba hendak dapatkan penerangan lebih jelas daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Terima kasih Datuk. Pendidikan di negara kita adalah berlandaskan kepada falsafah pendidikan negara. Falsafah pendidikan negara ini merangkumi beberapa aspek termasuk aspek akademik, aspek rohani, aspek jasmani dan sebagainya. Jadi, pendidikan di sekolah dan juga di universiti memang berasaskan kepada falsafah pendidikan ini. Jadi, jikalau hendak dikatakan bahawa kokurikulum tidak dilaksanakan langsung dalam pendidikan kita, itu tidak betul kerana di sekolah pun kokurikulum memang diwajibkan. Perkara yang dimaksudkan itu ialah berkaitan dengan kemasukan ke universiti. Kemasukan ke universiti itu pada masa dahulu menggunakan kokurikulum sebagai asas kemasukan, 10% diberikan kepada markah kokurikulum, 90% untuk markah akademik. Oleh kerana ada masalah dalam kemasukan pada tahun lalu dan juga terdapat kes-kes di mana pelajar-pelajar yang mempunyai merit akademiknya begitu tinggi tidak dapat masuk kerana merit kokurikulumnya terlalu rendah, timbul keadaan di mana kemasukan itu dianggap tidak adil.

Jikalau kita lihat cara kemasukan di mana-mana negara pun, didapati bahawa asas kemasukan adalah asas akademik, tidak bergantung kepada kokurikulum. Mungkin bagi sesetengah kursus ada temu duga yang dijalankan bagi pelajar-pelajar tertentu bagi menentukan tahap pencapaian mereka dalam bidang kepimpinan dan sebagainya. Namun, markah kurikulum itu tidak pernah di lain-lain tempat digunakan untuk kemasukan ke universiti. Oleh itu, kita mengatakan bahawa biarlah kemasukan ke universiti itu berasaskan merit akademik semata-mata. Jikalau ada satu *tie up* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, antara dua atau lebih *candidate*, maka kita akan menggunakan markah kokurikulum untuk membezakan mereka.

Jadi, sebagai ringkasnya, saya mengatakan bahawa kita memberi penekanan kepada kokurikulum bukan dengan menggunakan kokurikulum sebagai asas kemasukan, tetapi dengan mewajibkan kokurikulum di sekolah-sekolah dan menentukan aktiviti kokurikulum ini mendapat penekanan yang semestinya. Sekian.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang kita tahu penuntut-penuntut dari Sabah dan Sarawak adalah ketinggalan sedikit daripada penuntut-penuntut di sini. Adakah pertimbangan diberikan kepada penuntut-penuntut dari Sabah dan Sarawak di dalam pengambilan masuk ke IPTA atau universiti. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Kemasukan ke universiti adalah berasaskan kepada konsep merit dan bergantung kepada keputusan yang diperolehi oleh pelajar-pelajar dan apa yang kita lakukan untuk menentukan pelajar-pelajar ini yang mempunyai masalah-masalah tertentu berkaitan dengan prasarana dan sebagainya adalah untuk memperbaiki prasarana bagi menentukan pelajar-pelajar di luar bandar terutamanya dapat mencapai satu tahap pendidikan yang sempurna. Tetapi bagi Sabah dan Sarawak, kita ada memberi sedikit kelonggaran bagi mereka terutamanya dari kawasan luar bandar dan ini telah dijalankan setiap tahun di setiap universiti.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi Jawab Lisan telah cukup.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 43 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA 2001

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.23 pagi.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk menubuhkan Perbadanan Harta Intelek Malaysia untuk mengadakan peruntukan bagi fungsifungsi dan kuasa-kuasanya dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Perbadanan Harta Intelek Malaysia yang dicadangkan ini ialah penting untuk memajukan lagi sistem Harta Intelek Negara. Harta Intelek yang termasuk paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian dan hak cipta merupakan salah satu komponen penting dalam pembangunan ekonomi negara. Aktiviti reka cipta dan kreativiti yang menghasilkan teknologi dan produk baru dari semasa ke semasa mewujudkan peluang-peluang pelaburan dan perdagangan dalam dan luar negara. Dengan demikian, pembangunan harta intelek yang kukuh dan mantap adalah penting dalam meningkatkan daya saing negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kefahaman dan minat orang ramai atas harta intelek adalah masih rendah. Apabila disebut harta intelek, mereka menganggap ianya suatu yang teknikal dan perlu diberi perhatian oleh golongan intelektual sahaja. Sebenarnya harta intelek adalah merupakan aset yang berharga. Ia sangat dekat dengan kita semua dan digunakan oleh kita setiap hari sama ada di rumah, pejabat malah pada diri kita sendiri. Misalnya, jenama pakaian yang kita pakai serta reka bentuknya adalah dikelaskan sebagai harta intelek. Begitu juga dengan peralatan yang kita gunakan di rumah ataupun di pejabat seperti TV, radio, komputer, alat-alat ubatan dan lain-lain yang dikeluarkan dengan pelbagai jenama dan reka bentuknya adalah mempunyai elemen harta intelek iaitu dari segi teknologinya, jenama dan reka bentuknya.

Begitu juga dengan hasil-hasil kerja seni dan penulisan seperti sajak, buku, muzik, filem dan perisian komputer, semuanya dikelaskan sebagai harta intelek. Ia dikategorikan sebagai hak cipta. Hasil-hasil ciptaan itu diberi perlindungan undang-undang dan pemiliknya diberikan hak eksklusif untuk mengawal dan mengeksploitasikannya dalam tempoh tertentu, misalnya 20 tahun bagi paten. Pihak-pihak lain tidak boleh meniru tanpa kebenaran pemiliknya. Dengan perlindungan hak yang diberikan di bawah undang-undang, harta intelek boleh menjadi aset yang berharga kepada pemiliknya dan negara. Ia boleh memberi sumber kekayaan kepada pemiliknya apabila dikomersialkan dan negara juga mendapat faedah dari segi pembangunan perindustrian tempatan dan mendapat sumber tukaran asing jika ianya berjaya menembusi pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kita bukan tidak mempunyai teknologi atau tidak dapat menikmati produk-produk baru, tetapi teknologi dan produk itu kebanyakannya dimiliki oleh orang asing. Kita terpaksa membayar teknologi dan produk itu dengan kos yang tinggi. Dengan itu, alangkah beruntungnya negara kita sekiranya teknologi dan produk yang digunakan itu dihasilkan sendiri oleh rakyat tempatan. Apa yang berlaku sekarang ini ialah penghasilan reka cipta tempatan didapati masih kurang. Bilangan permohonan paten setiap tahun hanya kira-kira 200 permohonan sahaja atau kira-kira 4% daripada jumlah permohonan yang diterima setiap tahun. Selebihnya adalah permohonan daripada luar negara terutamanya daripada Amerika Syarikat, Jepun dan Eropah sebagai langkah mencapai taraf negara maju pada tahun 2020. Kedudukan ini perlu diperbaiki kerana kemajuan negara juga adalah bergantung kepada penghasilan harta intelek khususnya reka cipta di kalangan rakyat tempatan. Kalau diambil contoh, negara Jepun misalnya, bilangan permohonan paten tempatan dalam tahun 2000 adalah kira-kira RM400 ribu, manakala

negara Korea pula bilangan permohonan paten tempatan dalam tahun 2000 adalah kira-kira RM100 ribu

Tuan Yang di-Pertua, di samping kekurangan hasil reka cipta tempatan, banyak lagi aspek yang berkaitan dengan pembangunan harta intelek yang perlu diberikan perhatian. Ini termasuklah pertama, aspek perlindungan harta intelek. Ada di antara pemilik harta intelek kurang memberi perhatian ke atas kepentingan pendaftaran harta intelek mereka khususnya bagi paten, cap dagangan dan reka bentuk perindustrian. Tanpa pendaftaran, mereka tidak akan mendapat hak dan ia mungkin ditiru oleh pihak lain. Selain daripada itu, pendaftaran dan perlindungan harta intelek adalah bersifat kenegaraan, dengan izin, *territorial* di mana ia dilindungi di negara negara yang ianya didaftarkan sahaja. Dengan itu, pemilik harta intelek perlu mendapat harga intelek mereka, mendaftar harta intelek mereka di setiap negara yang ingin dipasarkan harta intelek tersebut.

Kedua, hasil penyelidikan yang bertindih atau tidak baru. Ada di antara para penyelidik menjalankan penyelidikan mereka tanpa merujuk kepada rekod-rekod penyelidikan yang telah dijalankan oleh pihak lain. Ini menyebabkan hasil penyelidikan mereka mungkin sama dengan hasil penyelidikan yang telah dibuat oleh orang lain. Sekiranya ini berlaku, mereka tidak akan mendapat hak ke atas hasil penyelidikan itu kerana ia dianggap tidak lagi baru. Ini adalah kerana kriteria utama pemberian paten adalah berasaskan prinsip siapa yang mencipta dan mendaftar dahulu, dialah yang mendapat hak perlindungan.

Ketiga, pengurusan harta intelek yang kurang sempurna. Ada di antara agensi-agensi kerajaan termasuk institusi penyelidikan yang menghasilkan harta intelek tidak menguruskannya dengan baik dan tidak berusaha untuk mengkomersialkan. Ini adalah kerana kurang kefahaman di kalangan mereka mengenai pentingnya harta intelek sebagai aset negara. Perkara ini akan merugikan negara kerana tidak berpeluang memperolehi sumber pendapatan daripada harta intelek yang berkenaan.

Keempat, kurang tenaga pakar dalam mengendalikan pendaftaran harta intelek. Pada masa ini, bahagian harta intelek Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna tidak mempunyai tenaga pakar yang mencukupi untuk mengendalikan hal-ehwal pembangunan harta intelek khususnya dalam memproses permohonan paten. Ini adalah kerana kesukaran untuk mendapat tenaga kerja profesional seperti jurutera dan ahli sains untuk berkhidmat sebagai pegawai pemeriksa paten disebabkan skim perkhidmatan yang kurang menarik bagi mereka. Maka, dengan sebab itu proses permohonan paten mengambil masa yang agak lama. Pada masa ini, bilangan pemeriksa paten yang ada adalah seramai 20 orang sahaja. Bilangan ini agak kecil berbanding dengan bilangan pemeriksa paten di beberapa negara ASEAN yang lain seperti Filipina dan Indonesia yang mempunyai lebih 50 orang pemeriksa paten.

Bagi negara-negara maju seperti Jepun dan Amerika Syarikat, tenaga pekerja profesional yang berkhidmat dengan agensi harta intelek mereka adalah melebihi 1,000 orang. Negara Korea yang sedang pesat membangun mempunyai tenaga pakar seramai kira-kira 400 orang di mana kira-kira 100 orang berkelulusan Ph.D. Dengan keupayaan tenaga pakar yang terhad di bahagian harta intelek sekarang, ia hanya dapat memberikan tumpuan ke atas aspek pendaftaran harta intelek sahaja, manakala aspek-aspek penggalakan dan pembangunan harta intelek tidak dapat diberikan tumpuan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memperkemas dan memantapkan lagi pembangunan harta intelek tempatan, penubuhan sebuah badan berkanun baru yang dinamakan Perbadanan Harta Intelek Malaysia adalah diperlukan bagi mengambil alih fungsi bahagian harta intelek di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna. Melalui Perbadanan Harta Intelek Malaysia yang akan ditubuhkan nanti, ia diharapkan dapat menarik bilangan tenaga pakar yang secukupnya untuk melaksanakan program dan aktiviti pembangunan harta intelek tempatan dengan lebih berkesan. Perbadanan itu juga dapat bertindak dengan lebih cekap bagi menyelesaikan sesuatu isu yang berbangkit selaras dengan perkembangan di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi perlindungan harta intelek, negara kita telah pun sedia mempunyai undang-undang yang mencukupi. Undang-undang itu adalah seperti berikut:-

- (i) Akta Paten 1983;
- (ii) Akta Cap Dagangan 1976;
- (iii) Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996;
- (iv) Akta Hak Cipta 1987;
- (v) Akta Petunjuk Geografi 2000;
- (vi) Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000.

Undang-undang yang sedia ada itu adalah setanding dengan standard antarabangsa dan mematuhi kehendak-kehendak perjanjian antarabangsa yang disertai oleh Malaysia seperti berikut:-

- (i) Konvensyen Paris iaitu mengenai paten, cap dagangan dan reka bentuk perindustrian;
- (ii) Konvensyen Berne iaitu mengenai hak cipta;
- (iii) Perjanjian TRIPS - dengan izin *Trade Related Aspects of Intellectual Property Rights* yang merangkumi semua jenis harta intelek.

Perlindungan harta intelek yang diwujudkan melalui Akta-akta tersebut mampu menyediakan iklim pelaburan yang baik di negara ini. Ini terbukti dengan kemasukan pelaburan asing yang berterusan ke negara ini dengan membawa teknologi dan produk baru. Dari segi sokongan para-penyelidik dan usahawan tempatan, kerajaan melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ada menyediakan skim-skim bantuan khusus untuk para penyelidik dan pengusaha tempatan termasuk:-

- (i) Skim Geran Penyelidikan dan Pembangunan Industri;
- (ii) Skim Geran Penyelidikan dan Pembangunan Koridor Raya Multimedia;
- (iii) Tabung Pengkomersialan Penyelidikan dan Pembangunan.

Walau bagaimanapun, skim-skim seumpama itu masih belum dapat meningkatkan penghasilan hasil kreativiti tempatan ke paras yang diharapkan. Dengan itu, penubuhan sebuah badan berkanun baru yang lebih kukuh dan mantap adalah penting bagi membolehkannya memainkan peranan yang lebih cekap dan meluas dalam pembangunan harta intelek tempatan. Ia akan mengambil alih fungsi bahagian harta intelek di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna. Badan baru yang dicadangkan itu akan ditubuhkan dengan berasaskan prinsip autonomi penuh dari segi kewangan dan perjawatan. Ini bermakna bahawa badan itu akan menguruskan sendiri hal-ehwal kewangan dan perjawatannya tanpa perlu merujuk kepada agensi pusat.

Dengan kuasa autonomi penuh itu, kerajaan yakin badan itu nanti mampu mendapatkan tenaga kerja profesional yang sesuai dan mencukupi untuk melaksanakan program-program Pembangunan Harta intelek dengan lebih cekap dan berkesan. Dari segi kewangan, badan itu dijangka mampu membiayai sendiri perbelanjaan operasinya melalui kutipan hasil yang diperolehi daripada bayaran *fee* pendaftaran yang pada masa ini dianggarkan sebanyak RM20 juta setahun.

Badan baru yang dicadangkan itu akan diletakkan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna. Ia akan ditadbirkan oleh sebuah Lembaga Pengarah yang terdiri daripada seorang pengerusi dan lapan orang ahli yang dilantik oleh Menteri. Urusan pentadbiran akan dijalankan oleh seorang Ketua Pengarah dengan dibantu oleh beberapa Timbalan Ketua Pengarah yang dilantik oleh Menteri. Dengan penubuhan badan baru yang lebih kukuh dan mantap itu, ia dijangka dapat melaksanakan program dan aktiviti yang lebih kemas dan meluas termasuk:-

- (i) menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan kepada pemilik harta intelek, khususnya perkhidmatan pendaftaran;

- (ii) menyediakan sumber maklumat yang lebih lengkap untuk rujukan dan panduan pihak awam khususnya para penyelidik;
- (iii) memberikan latihan dan kesedaran awam yang lebih berkesan kepada pelbagai golongan masyarakat mengenai kepentingan harta intelek khususnya mengenai pentingnya ia didaftarkan supaya tidak mudah ditiru oleh pihak lain;
- (iv) melaksanakan program dan aktiviti khusus untuk menggalakkan aktiviti reka cipta dan kreativiti di kalangan rakyat tempatan dan seterusnya menjadikan rakyat Malaysia sebagai rakyat yang kreatif bermula di peringkat sekolah lagi;
- (v) menyediakan khidmat nasihat dan garis panduan kepada pelbagai pihak untuk memajukan reka cipta dan pengurusan harta intelek negara.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan badan itu adalah selaras dengan trend di kebanyakan negara yang menjadikan agensi harta intelek sebagai sebuah badan kerajaan yang mempunyai autonomi dari segi kewangan dan perjawatan. Sebagai asas kepada penubuhan badan tersebut, Rang Undang-undang Perbadanan Harta Intelek 2001 yang dicadangkan ini menyediakan peruntukan-peruntukan yang lengkap mengenai hal-ehwal perbadanan tersebut. Ia mempunyai 41 Fasal yang dibahagikan kepada enam bahagian seperti berikut:-

- (i) Bahagian I Rang Undang-undang memperuntukkan permulaan tarikh kuat kuasa akta dan tafsiran yang berkaitan dengannya;
- (ii) Bahagian II mengandungi peruntukan-peruntukan berkaitan dengan penubuhan perbadanan termasuk hal-ehwal perantikan anggota perbadanan, perantikan Ketua Pengarah dan Timbalan-timbalan Ketua Pengarah dan kuasa-kuasa Menteri ke atas perbadanan;
- (iii) Bahagian III Rang undang-undang memperuntukkan fungsi dan kuasa-kuasa perbadanan;
- (iv) Bahagian IV memperuntukkan mengenai hal-ehwal pengambilan pekerja serta terma dan syarat-syarat perkhidmatan;
- (v) Bahagian V adalah berkaitan dengan hal-ehwal kewangan perbadanan;
- (vi) Bahagian VI pula mengandungi peruntukan-peruntukan am termasuk hal pendakwaan kerahsiaan dan kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan yakin dengan penubuhan Perbadanan Harta Intelek Malaysia sebagai sebuah badan berkanun yang mempunyai autonomi dari segi kewangan dan perjawatan, ia akan menjadi badan yang berkeupayaan mentadbir dan mengurus sistem harta intelek serta akta-akta yang berkaitan dengan lebih cekap dan berkesan selaras dengan standard antarabangsa. Badan ini dengan punca sumbernya sendiri dan kuasa autonominya akan berfungsi dengan lebih cepat dan berkesan dalam menangani perubahan-perubahan di bidang harta intelek. Dengan penubuhan perbadanan ini, maka infrastruktur dan pentadbiran harta intelek akan lebih baik dan ini akan dapat meningkatkan keyakinan pereka cipta dan para pelabur dari dalam dan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal [Tuan Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu akta untuk menubuhkan Perbadanan Harta Intelek Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi-fungsi dan

kuasa-kuasa dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas.

Dijemput Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan.

11.41 pagi.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya memulakan pandangan beberapa minit ini, saya merakamkan ucapan tahniah kepada dua rakan kita yang baru mengangkat sumpah sebentar tadi dan semoga kehadiran kedua-dua Ahli Yang Berhormat ini akan memberi kekuatan baru kepada Dewan yang mulia ini. Kedua-dua mereka adalah sahabat-sahabat lama kita.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perbadanan Harta intelek 2001 ini adalah merupakan satu inisiatif yang amat baik dan kita merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan kerajaan kerana telah menyediakan satu cadangan untuk mewujudkan Perbadanan Harta Intelek Malaysia ini untuk mengemas kini beberapa akta yang dilihat agak tidak bersepadu dan semoga beberapa akta yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi akan dapat diterjemahkan melalui gerak kerja sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, melalui satu penyesuaian dasar dan pelaksanaan melalui Perbadanan Harta Intelek Malaysia atau kalau Yang Berhormat Menteri bersetuju, dengan dipendekkan Perbadanan Harta Intelek Malaysia ini dengan dinamakan PERHIMA. Tetapi, Yang Berhormat Tan Sri cari perkataan barulah, kalau itu sebagai cadangan awal daripada saya.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap berkenaan dengan cap dagangan, paten, reka bentuk, hak cipta dan sebagainya, kita telah agak ketinggalan sebagaimana dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, maka adalah sesuai di alaf baru ini, di zaman kita menghadapi.....

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: [Bangun]

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Datuk Ghazi hendak tanya saya kah ini?

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tidak.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tidak, okay. Sebab pasal bangun lama itu. Berkenaan dengan cap dagangan, paten dan reka bentuk serta hak cipta ini, adalah merupakan satu daripada perkembangan budaya masyarakat dalam perindustrian dan pembangunan intelek itu sendiri. Negara kita telah mengalami satu pembangunan yang agak baik terutama sekali berbanding dengan negara-negara membangun yang ketiga di negara-negara lain dan sama ada kita setuju atau tidak setuju, Malaysia telah menjadi satu daripada model kepada pembangunan negara kita. Apatah lagi, perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan pengeluaran dan reka cipta serta perkara-perkara yang berkaitan dengan harta intelek ini.

lanya agak hampir dengan kita sebagaimana yang Yang Berhormat menyatakan tadi, dan maka sampailah masanya dan kita merakamkan sekali lagi supaya Perbadanan Harta ini dapat diluluskan oleh kita. Semoga-moga ia akan memberi satu impak baru kepada pembangunan reka bentuk hak cipta, paten, cap dagangan dan sebagainya untuk negara kita. Apabila kita menemui satu zaman pelepasan ataupun zaman apabila AFTA dikuatkuasakan, sekurang-kurangnya kita mempunyai piawai dan standard yang agak relevan dan kompetitif berbanding dengan negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang dan peraturan yang kita buat biasanya untuk kebaikan pengguna, pengeluar dan juga kepada kerajaan dan rakyat. Tetapi kita tidak mahulah kalau boleh Perbadanan Harta Intelek ini akan menjadikan pereka cipta dan juga kepada usahawan-usahawan yang mengeluarkan serta institusi yang menyediakan, mengkaji selidik perkara-perkara yang berkaitan dengan harta intelek ini akan melembapkan usaha-usaha kerajaan untuk membangunkan harta intelek di negara kita.

Oleh kerana perbadanan yang dicadangkan ini adalah sebuah perbadanan yang agak sudah *matured*, dengan izin, – telah matang dengan sedia adanya beberapa akta, tetapi kalau boleh saya mencadangkan supaya perkara-perkara yang berkaitan dengan hasil dan *fee* dengan melalui pendaftaran ini, tidak meletakkan sebagai asas untuk memajukan perbadanan ini. Banyak di antara perbadanan-perbadanan yang dilahirkan oleh kerajaan sebelum ini meletakkan *fee* dan hasil

sebagai asas pengurusan kewangan organisasi mereka dan kita tidak mahu membebankan pereka cipta yang berdaftar dengan perbadanan ini nanti akan menambahkan kos mereka walaupun mereka akan diberi perlindungan secara jangka panjang dan juga mendapatkan hak-hak tertentu. Tetapi kita berharap perbadanan ini harus mempunyai satu *cost management* ataupun, dengan izin, pengurusan kewangan yang tidak berorientasikan kepada hasil dan *fee* daripada pereka cipta semata-mata.

Kita berharap juga perbadanan ini akan menjadi organisasi yang menentang plagiat. Tuan Yang di-Pertua tahu plagiat ini...

Timbalan Yang di-Pertua: Tiruan.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Ya tiruan. Jadi perkataan "tiru" yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tetapi Perbadanan Harta Intelek Malaysia ini akan menjadi sebuah organisasi yang akan menentang plagiat.

Tuan Yang di-Pertua, ada negarane-negara yang sedang membangun seperti Taiwan, apabila ada satu produk baru dikeluarkan pada hari ini di Jepun dalam tahun 70-an dan 80-an, mereka mempunyai satu kumpulan untuk meniru daripada teknologi ataupun bahan-bahan pengeluaran ataupun produk-produk yang berorientasikan paten dan juga *design-design* baru. Di Jepun pada hari ini besok hari akan keluar di Taiwan. Taiwan adalah sebuah negara yang dianggap menjadi sebuah negara plagiat yang hebat malah banyak produk-produk yang dikeluarkan di Eropah ketika itu pada awal tahun 80-an dan juga negara-negara seperti Amerika dan Australia diplagiat oleh negara Taiwan.

Jadi para usahawan dan pengilang-pengilang serta pengeluar-pengeluar di Taiwan ketika itu menggunakan kaedah plagiat sebagai satu sumber untuk merangsang pembangunan industri di negara mereka. Malah kalau kita kaji beberapa peralatan teknologi, Taiwan dapat menyediakan peralatan yang agak setanding dengan negara-negara yang besar seperti Jepun, Amerika dan sebagainya tetapi tidak mempunyai mutu yang baik. Jadi melalui Perbadanan Harta Intelek ini kita berharap kerajaan dapat mewujudkan pakar-pakar dan ahli-ahli profesional sebagaimana diminta oleh Yang Berhormat Menteri tadi, bersesuaian dengan aktiviti dan suasana yang ada pada hari ini.

Jadi kita berharap, Perbadanan Harta Intelek bukan sahaja menjadi satu daripada organisasi yang akan membangunkan harta intelek di negara kita tetapi akan menjadi pembimbing dengan menyediakan program-program pendedahan kepada pereka cipta tempatan kita di samping kita dapat melonjakkan lagi piawai yang kita kehendaki.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, apakah undang-undang pada hari ini melalui Akta-akta Cap Dagangan, Paten, Hak Cipta mencukupi untuk menekan ataupun mempertahankan supaya isu plagiat ini tidak akan berlaku dengan sewenang-wenang. Sebagai contoh, baru-baru ini apabila perisian berkenaan dengan VCD tiruan yang agak hebat berlaku di negara kita, dan kita ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri, sekurang-kurangnya kita dapat meminimumkan. Dengan banyak undang-undang yang berkaitan dengan kawalan kepada plagiat ataupun menyediakan peralatan-peralatan ataupun perisian dan perkara-perkara yang berkaitan ini secara plagiat ataupun secara tiruan ini dapat dibendung supaya keaslian pengeluar-pengeluar di negara kita dapat kita pertahankan di samping untuk menjaga kepentingan umum dan pengguna.

Jadi saya mengucapkan tahniah di atas usaha-usaha kementerian, dan banyak di antara negeri-negeri yang telah dapat mematuhi dengan meletakkan beberapa strategi sehingga kita agak nampak sekarang ini plagiat ataupun usaha-usaha untuk meniru dan menyediakan kilang-kilang haram VCD ini sekurang-kurangnya dapat kita minimumkan setakat ini. Dan kita berharap usaha-usaha Yang Berhormat Menteri dan kementerian ini dapat meletakkan kita dan rakyat yang menjadi tempat asas pengguna kepada negara kita akan menjadi lebih bersedia untuk menghadapi perkaraperkara yang tidak boleh memberi kebaikan kepada negara dan rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pakar dan profesional ini kita rasa institusi teknologi di negara kita termasuk universiti-universiti dan juga di beberapa institusi telah menyediakan beberapa program pembelajaran yang boleh melahirkan

profesional muda dan baru oleh rakyat Malaysia. Kita berharap persediaan setakat ini, apa yang lebih penting ialah satu penyediaan dana awal perlu diadakan oleh Perbadanan Harta Intelek supaya kita mempunyai struktur organisasi sebagaimana dicadangkan oleh kementerian tadi supaya kita mempunyai satu struktur organisasi dan *support staff* yang mencukupi, yang sekurang-kurangnya ia tidak akan menjadi satu daripada perbadanan, sebagai perbadanan yang hanya menerima pendaftaran dan akhirnya mengambil tindakan-tindakan yang akhirnya tidak memberi faedah secara jangka panjang kepada negara kita.

Dan kita sekali lagi mencadangkan kepada kerajaan supaya Perbadanan Harta Intelek Malaysia ini bukan sahaja akan menterjemahkan akta-akta yang sedia ada tetapi meletakkan satu pendekatan pentadbiran yang lebih saksama kerana kita tahu bahawa pegawai-pegawai di kementerian kita tidaklah berapa ramai dan tidak berapa terdedah dengan teknologi-teknologi baru. Saya berharap Yang Berhormat Menteri dengan lebih berani untuk menghantar pegawai-pegawai kita yang berkaitan dengan pengawalan harta intelek Malaysia ini supaya mereka lebih terdedah dengan kursus-kursus berkenaan teknologi yang lebih sesuai.

Umpamanya bila ada seminar dan konvensyen yang lebih besar di Amerika umpamanya di Eropah, Jepun dan sebagainya, supaya kita tidak melihat latihan biasa kepada pegawai kita kerana ini merupakan satu benda baru – benda yang melibatkan *intellectualism*, maka kita perlu pendedahan yang lebih awal kepada pegawai-pegawai kita. Ini berlaku apabila kita menekankan masalah beberapa produk-projek *simple*. Yang ada pun ramai di antara pegawai-pegawai kita tidak diberikan pendedahan yang sesuai.

Saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri dan kerajaan supaya meletakkan kepentingan yang saksama kepada pegawai-pegawai kita supaya mereka kalau tidak lebih *advance* pun mereka akan mempunyai satu pendedahan dan maklumat yang dapat menyesuaikan dengan era pertumbuhan teknologi semasa di peringkat antarabangsa. Jadi sekurang-kurangnya dengan cara itu apabila mereka melihat kepada peraturan-peraturan dan menyediakan cadangan-cadangan baru melalui perbadanan ini, mereka akan *at-par* dengan pereka cipta tempatan ataupun pengeluaran produk serta yang berorientasikan kepada teknologi yang sederhana dan tinggi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya sedikit-sebanyak memberi pandangan ini, moga-moga ianya dapat diberi perhatian oleh Yang Berhormat Menteri dan kementerian. Semoga pewujudan Perbadanan Harta Intelek Malaysia ini akan sekurang-kurangnya memberi satu pendekatan yang lebih baik kepada kita untuk masa-masa hadapan dan kita berharap ianya akan menjadi satu daripada usaha kerajaan sebagaimana telah dapat diselaraskan daripada enam akta yang telah sedia ada itu - Akta Cap Dagangan, paten, hak cipta reka bentuk perindustrian, susun atur litar dan juga petunjuk geografi. Selain daripada itu, perlu juga dikaji melalui akta-akta ini, apakah kesesuaian semasa ini telah mencukupi, kalau tidak perlu juga diadakan satu pindaan-pindaan baru supaya sesuai dengan masa pewujudan Perbadanan Harta Intelek Malaysia ini.

Dengan kata-kata itu saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: [Bangun]

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dab' Dr. Chin Fook Weng.

11.56 pagi

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada kementerian di atas usaha untuk membentangkan satu Rang Undang-undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia tahun 2001 itu. Saya sangat tertarik kerana ini dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri. Ini menunjukkan begitu penting perkara ini.

Baru-baru ini satu persidangan antarabangsa diadakan di Doha, Qatar iaitu satu persidangan perdagangan dunia iaitu satu persidangan WTO dan Malaysia telah menghantar satu rombongan yang penting untuk menghadiri persidangan ini dan di antara rombongan itu ada termasuk empat Ahli Parlimen dan saya bernasib baik

kerana dijemput menyertai rombongan ini bersama dengan Yang Berhormat Dato' Hamzah Zainudin mewakili Dewan Negara.

Perkara harta intelek itu merupakan satu perkara yang sangat penting dan saya sangat bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Menteri tadi berkenaan dengan kekurangan kefahaman dan mungkin kekurangan kesedaran tentang aspek aspek ini. Di dunia sekarang kita telah menandatangani banyak perjanjian dan semua perjanjian itu diperlukan oleh kerana Malaysia telah menjadi satu negara dalam WTO dan ahli-ahli WTO itu mempunyai tanggungjawab-tanggungjawab tersendiri dan tiap-tiap ahli itu dipaksa menjalankan tanggungjawab masing-masing.

Di antara tanggungjawab-tanggungjawab itu ialah mengadakan undang-undang tertentu untuk pengawasan perkara seperti harta intelek dan kita telah menandatangani perjanjian TRIPS iaitu Trade Related Aspects of Intellectual Property Rights dan di bawah undang-undang TRIPS itu kita memang perlukan banyak kawalan dan juga memberi perlindungan kepada harta intelek negara-negara lain dan oleh kerana itu kita di Malaysia terpaksa mengambil tindakan-tindakan tegas kepada rakyat kita sendiri kalau mereka melanggar undang-undang TRIPS ini

Ini bukan satu perkara yang kita suka lakukan tetapi oleh kerana kita telah menjadi satu negara yang bertanggungjawab dan menjalankan kewajipan kita dengan baiknya maka kita perlu berbuat demikian. Tetapi apakah pada masa yang sama kita juga memberi perlindungan kepada rakyat kita. Adakah semasa kita menjaga harta intelek orang-orang luar daripada Malaysia pada masa yang sama kita juga memberi perhatian yang secukupnya kepada rakyat kita dan juga mengajar mereka bagaimana mereka juga boleh mendapatkan paten dan sebagainya.

Pada masa sekarang kita ada banyak jenis makanan seperti nasi lemak, sup kambing, biskut ayam Bidor (sejenis biskut dari bandar Bidor), sate kajang dan sebagainya. Kalau kita sedar semua ini juga boleh menjadikan satu hak cipta kita. Kalau kita tidak mengawasi perkara ini maka tidak lama lagi kita kena membayar kepada orang luar untuk menjual sate kajang di Malaysia. Kalau kita tidak memberi perhatian yang secukupnya itu akan berlaku kerana banyak kegiatan tradisional kita, kita anggap itu tidak perlu mendapatkan paten dan sebagainya. Tetapi lama kelamaan kalau kita tidak menjaga kepentingan kita maka orang-orang di negara lain akan mendapatkan paten atau hak cipta intelek kepada perkara-perkara yang kita anggap sebagai kebiasaan di negara kita.

Jadi, penubuhan Perbadanan ini bagi saya adalah satu perkara yang sangat penting supaya rakyat kita sedar tentang aspek-aspek ini. Di Dhoha kami telah membahaskan satu perkara berkenaan dengan TRIPS dengan kesihatan awam. Oleh kerana perlindungan yang diberi kepada ubat-ubatan dalam TRIPS itu maka negara-negara yang miskin dan tidak ada keupayaan mereka kena membeli ubat-ubat ini dengan harga yang mahal tetapi harga ubat-ubat ini diperlukan untuk perlindungan kesihatan awam, seperti penyakit-penyakit HIV/AIDS, malaria, tibi dan sebagainya. Sungguhpun ubat-ubat itu diperlukan untuk mengawasi satu jangkitan yang besar tetapi sungguhpun demikian oleh kerana ada Perjanjian TRIPS maka semua negara itu kena membeli ubat-ubatan itu dengan harga yang mahal dan itu sudah terkeluar daripada keupayaan mereka.

Oleh kerana itu di Dhoha kami telah membincangkan sama ada boleh ada sedikit kelonggaran demi kepentingan kesihatan awam dan isu ini telah hangat dibahaskan kerana firma-firma besar yang mengeluarkan ubat-ubatan itu ada melobi mereka. Dan negara seperti Switzerland, Amerika Syarikat mereka telah memberi perlindungan kepada firma-firma yang menjual ubat-ubatan itu sehingga di Afrika, di Sub-Sahara di negara-negara miskin mereka tidak sanggup membelinya dan di Dhoha kami semacam kena merayu kepada pihak-pihak ini supaya memberi sedikit kelonggaran kepada orang-orang di negara-negara yang miskin.

Oleh kerana itu, contoh ini menunjukkan begitu penting bagi kita memahami konsep-konsep itu dan bila kita telah menandatangani perjanjian-perjanjian antarabangsa itu di mana ada satu implikasi yang sangat besar kepada kita. Dengan penubuhan Perbadanan ini saya lihat fungsi-fungsi dan kuasa-kuasa perbadanan seperti yang disebutkan di dalam Bahagian 3 Rang undang-undang ini dan saya hanya ingin menyentuh tentang beberapa fungsi yang pada saya sangat penting. Satu di antara fungsi yang disebutkan di bawah (e) ialah menggalakkan dan

meningkatkan latihan dan penyebaran pengetahuan dan maklumat mengenai harta intelek. Ini adalah satu perkara yang harus dibuat.

Saya juga bimbang sama ada dengan kemudahan-kemudahan yang terhad itu sama ada perbadanan dapat memainkan peranan yang begitu penting ini. Semasa kami berada di Dhoha, kami diberitahu bahawa banyak kemudahan telah disediakan di forum-forum antarabangsa di bawah apa yang disebutkan sebagai pembinaan kapasiti atau *capacity building*. Di bawah *capacity building* atau pembinaan kapasiti apa yang dimaksudkan ialah mereka yang kurang berupaya diberikan bantuan supaya meningkatkan kesedaran, meningkatkan kefahaman dan sebagainya tentang apa yang penting semasa kita menandatangani perjanjian-perjanjian antarabangsa dan sebagainya. Bagaimana kita boleh menghantar pegawai-pegawai kita untuk berkursus, bagaimana mereka boleh meningkatkan pengetahuan dan sebagainya supaya tiap-tiap negara itu sama ada kecil atau besar mempunyai keupayaan untuk mengatasi masalah-masalah yang akan timbul disebabkan oleh perjanjian-perjanjian antarabangsa itu.

Dari segi senarai saya dapati Malaysia juga ada disenaraikan dalam negara yang boleh mendapatkan bantuan untuk pembinaan kapasiti untuk mengatasi masalah-masalah ini. Saya berharap untuk menjalankan fungsi di bawah (e) ini kita juga akan mengambil kira bahawa ada peruntukan-peruntukan di forum-forum dunia di mana kita boleh menghantar pegawai-pegawai kita, di mana kita boleh menjalankan fungsifungsi publisiti di negara kita dengan menggunakan peruntukan yang ada. Di WTO sendiri mereka juga ada peruntukan dan banyak negara-negara industri seperti Amerika Syarikat, EC dan sebagainya, mereka juga ada peruntukan bantuan dalam skim *capacity building* ini. Jadi, saya berharap kita akan menggunakan ini untuk meningkatkan lagi kesedaran rakyat kita tentang perkara ini kerana kalau kita hanya mengharapkan peruntukan sendiri mungkin itu tidak mencukupi.

Di bawah (g) ada disebutkan fungsi ialah memelihara kepentingan Malaysia. Saya amat bersetuju dengan perkara ini oleh kerana kita ada kepentingan dan kita haruslah mengadakan pegawai-pegawai yang mencukupi terlatih dan mempunyai pengetahuan yang luas supaya kita dapat memelihara kepentingan Malaysia ini.

Di sini saya tahu bahawa pejabat MITI di Geneva itu mempunyai pegawai yang sangat berpengalaman dalam perkara-perkara harta intelek itu. Saya berharap Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dengan pihak MITI akan bekerjasama rapat supaya kedua-dua kementerian ini dapat memelihara kepentingan Malaysia. Itu adalah harapan saya. Saya tahu semasa saya berada di Dhoha, pegawai-pegawai di pejabat MITI di Geneva itu sudah tahu banyak aspek tentang perkara-perkara ini dan kerja-kerja ini dan mungkin kalau sesuai, beberapa orang itu boleh juga diminta bertugas dalam Kementerian Perdagangan Dalam Negeri untuk memberi satu lagi aspek pengetahuan yang akan membolehkan mungkin perbadanan ini memainkan peranan yang lebih efektif.

Mereka mungkin boleh ditukarkan atau boleh ditugaskan di perbadanan ini untuk membolehkan maklumat dan pengetahuan mereka itu dikongsikan dengan pegawai-pegawai yang sedia ada dalam perbadanan sekarang.

Saya juga ingin menyebut sedikit tentang aspek (h) iaitu untuk menasihati kerajaan mengenai pembangunan di peringkat antarabangsa. Untuk memainkan peranan ini kita perlukan pegawai-pegawai kita bukan sahaja memahami apa yang berlaku tetapi terdedah kepada proses-proses ini di peringkat antarabangsa. Ini memerlukan mereka dihantar sama ada menyertai kursus, menghadiri persidangan antarabangsa dan sebagainya supaya perkembangan yang terbaharu dalam aspek-aspek ini mereka boleh memahami dan selepas itu menasihatkan kerajaan tentang apakah undang-undang yang kita patut bentangkan di Parlimen? Apakah pindaan-pindaan yang kita harus buat dan apakah pejabat-pejabat perdagangan kita di tiap-tiap negara luar itu harus buat dan sebagainya.

Semua ini adalah perkara-perkara yang penting dan kalau mereka tidak mempunyai pengetahuan yang cukup, maka mereka tidak dapat memberi nasihat yang baik kepada kerajaan. Saya dapati untuk membuat kerja-kerja semacam ini ia sangat teknikal dan ia memerlukan bukan sahaja seorang yang ada pengalaman tetapi mungkin orang yang membuat kerja ini tidak dapat atau tidak boleh dipindahkan kepada kementerian-kementerian lain atau tidak boleh dipindahkan daripada

perbadanan ini ke pejabat lain. Kerana kalau ini berlaku, maka ilmu pengetahuan dan pengalaman itu akan hilang kalau mereka dipindahkan.

Oleh kerana itu saya harap perbadanan akan mewujudkan jawatan-jawatan yang tinggi supaya mereka yang ada di perbadanan itu tidak perlu meminta kenaikan pangkat di tempat-tempat lain tetapi terus boleh berkhidmat dalam perbadanan ini sehingga mereka penceen atau bersara supaya kita tidak kehilangan pengetahuan orang-orang yang berpengalaman ini. Kalau kita menghantar seorang pegawai muda, kita tidak boleh mendapatkan hasrat kita iaitu untuk menasihati kerajaan dan tiap-tiap orang itu kena mengadakan budaya kerja yang betul. Mereka kena banyak membaca, mereka kena menghadiri kursus dan sebagainya supaya dapat meningkatkan pengetahuan mereka.

Oleh kerana banyak daripada perjanjian ini ialah dalam bahasa Inggeris dan mungkin bahasa Perancis, Sepanyol dan sebagainya, mungkin pegawai-pegawai kita juga harus menghadiri kursus-kursus semacam kursus bahasa dunia supaya mereka boleh memahami dengan lebih mendalam aspek-aspek. Kerana di Doha, kami tiap-tiap kali mempertikaikan perkataan, mungkin satu perkataan, semacam contoh '*desirability*', itu satu kehendak, tapi dia mempunyai makna yang begitu luas sehingga kami membahaskan beberapa jam tentang satu perkataan.

Oleh kerana itu, maka pegawai-pegawai kita yang dihantar itu harus mengadakan maklumat yang mencukupi dan kita harus mengadakan peguam-peguam yang bukan tahu sahaja tentang undang-undang kita tetapi memahami undang-undang antarabangsa supaya dapat menjaga kepentingan Malaysia ini.

Tentang aspek fungsi di bawah (i) itu, iaitu menjalankan penyelidikan dan mempromosikan kajian, ini adalah satu perkara yang boleh melibatkan kepakaran yang ada di negara kita iaitu pihak-pihak universiti, IPTA, IPTS dan sebagainya. Semua ini boleh digalakkan untuk bekerjasama dengan Perbadanan ini supaya kita dapat menjalankan penyelidikan dan juga kita boleh meminta pihak-pihak tertentu menjalankan kajian-kajian supaya segala aspek komitmen kita, tanggungjawab kita dan juga hak kita, kita memahami dengan mendalam.

Dan, di bawah seksyen 23(2) ini, ada disebutkan 'Perbadanan boleh melantik dan mengambil kerja perunding dan agen'. Ini, pada saya adalah satu peruntukan yang sangat bagus dan saya harap Perbadanan akan mengambil kira dan di mana tidak mencukupi kepakaran maka peruntukan di bawah 23(2) ini akan digunakan untuk menambah orang yang boleh bekerjasama dengan Perbadanan supaya kita dapat menjaga kepentingan Malaysia dalam aspek ini.

Dari segi kewangan, di bahagian 5, saya dapati ada disebutkan satu tabung akan diwujudkan, tetapi peruntukan berapa banyak dan sebagainya dalam tabung itu tidak disebutkan. Dan, dalam Rang Undang-undang ini tidak juga disebutkan implikasi kewangan, berapa banyak yang diperlukan dan sebagainya, oleh kerana mungkin pada peringkat ini masih tidak diketahuilah berapa banyak kita perlukan.

Tetapi memandangkan kerja ini sangat penting, saya harap kementerian akan diberi satu peruntukan yang mencukupi supaya membolehkan Perbadanan ini menjalankan tugasnya dengan baik. Kita tidak boleh jimat dalam perkara ini, kalau kita jimat dalam perkara ini maka kita akan kehilangan hak kita.

Di negara-negara industri, tiap-tiap daripada aspek ini dipentingkan, mereka ada lobi. Semua firma-firma telah sumbang kepada proses ini semasa kami ada di Doha, semua firma-firma perubatan, semua ada wakil-wakil mereka bersama dengan rombongan-rombongan itu untuk memberi nasihat, untuk memberi pendapat, untuk membincang bersama dan sebagainya.

Oleh kerana itu, kalau kita tidak juga mengikuti proses ini, maka kita akan kehilangan, kecuali kita ambil inisiatif yang besar. Jadi, di sini saya harap kita akan memberitahu kepada semua orang yang ada Paten di Malaysia bahawa mereka juga kena memainkan peranan, mereka juga kena membantu kerajaan dalam aspek-aspek ini dan mereka seharusnya menjaga kepentingan tiap-tiap sendiri melalui satu kerjasama yang rapat dengan Perbadanan ini.

Saya lihat ini memang berlaku di negara-negara industri. Mereka mungkin tidak mencukupi peruntukan tetapi oleh kerana pihak-pihak yang ada kepentingan juga datang bersama, bekerjasama maka itulah mempunyai satu sumber yang begitu luas

untuk menjaga kepentingan mereka. Dan, saya harap Perbadanan ini juga akan mengambil kira perkara itu dan mengguna contoh yang sama, di mana semua yang diberi Paten di Malaysia patut juga diberi satu saluran tertentu kepada Perbadanan supaya sebaik sahaja ada apa-apa kepentingan mereka terjejas, mereka akan beritahu dan kita akan mengambil kira dan terus mengambil tindakan yang tegas.

Saya terdengar tadi bahawa dari segi kewangan hanya ada lebih kurang RM20 juta, itu yang disebutkan oleh Menteri tadi. Bagi kerja ini kerana Perbadanan ini bukan sahaja menjaga aspek ini tetapi Perbadanan juga akan menjaga harta kerajaan Malaysia, hak dan *liability* Kerajaan Malaysia, menjadi Pendaftar Cap Dagangan, Pendaftaran Paten, Pendaftar Reka Bentuk Perindustrian, Pendaftar Petunjuk Geografi, Pengawal Hak Cipta, maka ini adalah satu beban yang begitu besar bagi Perbadanan ini.

Dan, sama ada untuk menjalankan tugas yang begitu penting ini, peruntukan-peruntukan yang telah dicadangkan itu mencukupi. Saya minta supaya satu kajian yang lebih teliti diadakan dan saya minta demikian oleh kerana saya tidak mahu Perbadanan ini tidak dapat menjalankan tugas dengan baik oleh kerana dihadkan dari segi kewangan, dari segi kakitangan, dan dari segi lain-lainlah.

Kita patut menjadikan ini sebagai satu projek nasional iaitu setiap lapisan rakyat yang ada kepentingan dalam hal ini kena digalakkan memainkan peranan mereka. Kalau kita jadikan itu sebagai satu projek nasional, maka saya ada keyakinan bahawa kita bolehlah menjaga kepentingan Malaysia ini dengan baiknya. Dan saya minta Kementerian memberi pemantauan yang mencukupi selepas perbadanan ini ditubuhkan supaya kita mahu mereka menjalankan tugas dengan baik.

Dan, sekiranya mereka menghadapi sebarang masalah, mereka patut – kalau dari segi perundangan mungkin terus balik ke Parlimen untuk mendapatkan peruntukan undang-undang yang akan membolehkan mereka memainkan peranan ini. Mereka harus memahami bahawa kalau kita tidak menjaga kepentingan kita sendiri, maka tidak ada orang yang akan menjaga itu.

Ada negara-negara di dunia yang kurang kapasiti, oleh kerana itu mereka telah menandatangani perjanjian dan lepas itu apabila implikasi itu diketahui, maka sudah terlambatlah bagi mereka mengatasinya. Di dunia juga ada banyak NGO. NGO-NGO ini juga memainkan peranan yang penting. Saya harap Perbadanan di Malaysia ini akan selalu berkongsi maklumat dengan NGO-NGO itu. NGO-NGO yang ada di Doha itu memang menggunakan forum itu untuk menyebarkan kesedaran tentang aspek-aspek yang negatif di antara perjanjian-perjanjian yang kita telah terima pakai di Malaysia ini.

Satu daripada aspek yang telah dikatakan ialah kita telah memberi hak kepada orang-orang lain supaya datang ke sini kerana dilindungi oleh TRIPS dan sebagainya. Tetapi kita sendiri tidak menggunakan peluang itu untuk masuk ke negaranegara lain dan juga untuk menjaga kepentingan sendiri.

Jadi, banyak daripada NGO-NGO itu, mereka ada pendapat yang baik dan saya harap Kementerian dan juga Perbadanan ini akan mengadakan satu sifat terbuka dan berdialog dengan mereka supaya kita dapat *input*, dan *input* daripada ini semuanya mungkin percuma, kita tidak perlu bayar apa tetapi kita juga tahulah NGO-NGO ini juga menjadikan satu lobi. Tetapi kalau kita dengar apa pendapat mereka kita boleh tahu sedikit sebanyak tentang aspek-aspek ini. Satu daripada NGO yang ditubuhkan di Malaysia ialah Third World Network. Ini adalah salah satu daripada NGO yang akan cuba membawa kesedaran tentang apa implikasi dan sebagainya. Dan, kita haruslah mengadakan perbincangan dengan NGO semacam ini, supaya kita dapat bekerjasama.

Dan saya tadi ada menyatakan ini harus dijadikan satu projek nasional – itu dialah. Kalau siapa ada pendapat yang boleh menolong dalam proses ini, kita patutlah memberi mereka satu peluang.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Parlimen akan sentiasa diberitahu maklumat-maklumat yang terperinci dan kemaskini supaya kita dapat membantu dalam hal ini. Saya dapati ini adalah satu perkara yang memerlukan banyak usaha. Dan, kalau kami di sini diberitahu dari segi laporan dan lain-lain pembentangan kepada Parlimen, maka semua di sini dari segi Parlimen, dari segi Kementerian, dari segi Perbadanan, semua dapat bekerjasama demi kebaikan Malaysia.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu.

12.30 tgh.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna atas membentangkan satu rang undang-undang yang penting.

Saya berpendapat bahawa rang undang-undang ini adalah amat penting dalam konteks perubahan persekitaran antar abangsa dalam perdagangan. Beberapa faktor adalah penting mempengaruhi, memperkenalkan dan menguatkuasakan akta ini. Daripada beberapa faktor adalah proses globalisasi dan penubuhan WTO dan AFTA.

Semua pertubuhan perdagangan regional dan juga antarabangsa membawa implikasi bukan sahaja kepada perdagangan tetapi juga kepada hak-hak intelek yang diwujudkan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pengenalan multimedia super corridor iaitu MSC, konsep K-Ekonomi dan Visi 2020 semua itu adalah implikasi kepada hak intelek di negara kita. Untuk mencapai tujuan MSC, K-Ekonomi dan Visi 2020 rakyat kita harus melahirkan idea-idea baru. Ciptaan baru dan juga mempunyai ciri-ciri kreatif, inovatif dan pemikiran luas ataupun lateral.

Saya berasa bangga bahawa rang undang-undang ini akan memberi fokus atas aspek-aspek latihan dan penyelidikan. Tujuan rang undang-undang ini adalah untuk menubuhkan satu perbadanan yang mempunyai kuasa untuk mengawal selia harta intelek di Malaysia.

Konsep ini walaupun baru di negara-negara yang membangun, negara-negara yang maju telah menguatkuasakan Rang Undang-undang Harta Intelek ataupun Intellectual Property Rights (IPR) untuk melindungi harta intelek seperti hak cap dagangan, paten, hak cipta reka bentuk perindustrian dan rahsia perdagangan dan sebagainya.

Negara kita pun telah mula memberi perhatian serius kepada aspek-aspek harta intelek mulai tahun 1976 di mana Akta Cap Dagangan telah dikuatkuasakan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun tidak ada satu definisi dalam rang undang-undang ini mengenai harta intelek tetapi Yang Berhormat Menteri telah menjelaskan apakah konsep harta intelek. Saya ingin menyentuh sedikit atas Bahagian III iaitu Fasal 17 dan 18 di mana ada penjelasan skop fungsi dan kuasa perbadanan itu.

Fungsi-fungsi yang mencatatkan adalah luas. Fungsi-fungsi yang mencatatkan dalam Fasal 17 dan 18 adalah luas dan komprehensif. Saya ingin menyentuh sedikit atas fasal-fasal itu. Untuk mewujudkan idea-idea baru dan ciptaan baru, penyelidikan dan pembangunan adalah amat penting. Perbelanjaan atas R & D sebagai peratusan atau ratio KDNK menunjukkan berkaitan dengan penciptaan baru. Microsoft di Amerika Syarikat telah memperuntukkan US\$5.3 bilion ataupun 'RM20 billion' untuk perkembangan perisian komputer dan juga teknologi platform.

Saya ingin tahu bagaimanakah Perbadanan ini akan memulakan usaha-usaha R & D. Satu laporan daripada MIER menyatakan kemahiran IT di kalangan pekerja adalah rendah di negara kita. Serta ratio R & D dengan KDNK pun rendah. Digital divided di antara bandar dan luar bandar pun adalah tinggi dan pada masa kini institusi kerajaan dan universiti-universiti menjalankan beberapa kegiatan R & D. Saya berpendapat bahawa institusi-institusi ini harus mempertingkatkan lagi dan menghebatkan usaha-usaha mereka.

Sumbangan dari sektor swasta tidak begitu menggalakkan. Sektor swasta harus mengambil bahagian dengan aktif melalui menubuhkan lagi beberapa institusi penyelidikan bertaraf antarabangsa.

Negara kita telah menyumbang kepada dunia dalam beberapa aspek pertanian dan juga perubatan. Institusi-institusi penyelidikan seperti RRI, PORIM, MARDI, IMR, FRI telah menyumbang beberapa penemuan mereka kepada dunia.

Saya tidak tahu jika sesuatu institusi pendidikan yang terkemuka dibiayai oleh sektor swasta. Saya harap mereka harus terlibat dengan aktifnya untuk mencipta harta intelek di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita mempunyai infrastruktur dan semangat untuk menjalankan R & D tetapi peruntukan yang lebih dan tenaga penyelidikan harus diwujudkan.

Satu aspek lagi saya ingin menyentuh adalah mengenai perlindungan sumber-sumber asli negara kita dan bagaimanakah kita menghalang 'bio-piracy' iaitu eksploitasi sumber-sumber asli seperti tumbuh-tumbuhan hutan, haiwan, organisma mikro oleh penyelidik-penyelidikan asing dan mereka mendapat paten untuk penemuan-penemuan mereka.

Saya harap rang undang-undang ini akan melindungi aspek-aspek sumber-sumber asli di negara kita.

Yang Berhormat Menteri telah pun menyatakan bahawa permohonan untuk paten adalah di negara kita 2,000 permohonan tetapi di negara-negara yang lain iaitu Jepun dan Korea, permohonan adalah tinggi dan jika kita melihat permohonan di antarabangsa pada tahun 1985 adalah permohonan 1 milion permohonan dan pada tahun 1999 ini telah meningkat 7 milion dan di US pada tahun 2000, paten dan trade marks yang telah diluluskan adalah 165,509. Dan ini menunjukkan perkembangan pengetahuan yang baru iaitu development dan discovery new knowledge, dengan izin.

Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, berapakah untuk paten dalam tempoh 5 yang kebelakangan iaitu kita boleh memantau bahawa ini adakah permohonan itu ada meningkat atau tidak.

Penguatkuasaan rang undang-undang ini akan membawa manfaat kepada negara kita seperti peningkatan FDI (Foreign Direct Investment) juga penyelidikan-penyelidikan kita mendapat pasaran dunia. Ini sebagaimana disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri untuk memasarkan penciptaan dan penemuan mereka di antarabangsa.

Satu aspek yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Menteri adalah kekurangan tenaga pakar dan profesional. Ini satu aspek yang penting dan saya harap Kementerian akan berusaha untuk mendapat peruntukan untuk melatih tenaga pakar dan juga tanah profesional. Dan saya juga ingin tahu rang undang-undang ini dan beberapa pindaan yang akan dibuat bagi rang undang-undang *consequential* yang berkaitan di Dewan ini memenuhi syarat-syarat yang diperlukan TRIPS iaitu Trade Related Intellectual Property Rights.

Harta intelek adalah satu topik yang baru dan specialist dan rang undang-undang ini mempunyai peruntukan untuk memberi latihan kepada kakitangan supaya rang undang-undang ini dikuatkuasakan dengan cekap dan efisien. Dengan itu saya ingin menyokong Rang Undang-undang Harta Intelek Malaysia 2001. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Puan Ziti Zailah.

12.40 tgh.

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Terlebih dahulu saya mulai perbahasan saya ini dengan mengucapkan sembah takziah kepada Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Siti Aishah dan juga DYMM Sultan Selangor, Sultan Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Sallahuddin Abdul Aziz Alhaj serta kaum kerabat Diraja Selangor Darul Ehsan. Begitu juga kepada seluruh rakyat Malaysia yang turut berduka di atas kemangkatan Almarhum Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang merupakan seorang raja yang berjiwa rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di bawah kepimpinan Yang Berhormat Menteri, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Yassin kerana telah menyediakan undang-undang ini di samping beberapa undang-undang pindaan yang bersifat '*consequent*' dengan izin yang dibentangkan berikutnya.

Pada hemat saya, hasil daripada penggubalan rang undang-undang ini tentunya akan mewujudkan satu lagi prasarana undang-undang perdagangan, kreativiti dan reka cipta negara.

Allah SWT telah menganugerahkan kepada manusia akal dan daripada akal inilah lahirnya nilai intelek yang tinggi. Jadi dengan tergubalnya undang-undang ini kita mengharapkan dalam satu usaha murni kerajaan dalam memperkembangkan dan untuk memperkasakan lagi pembangunan harta intelek yang mencakupi paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian dan hak cipta.

Semua ini merupakan salah satu komponen penting dalam pembangunan ekonomi, jati diri dan maruah masyarakat manusia.

Melalui Rang Undang-undang ini maka kementerian akan menubuhkan satu perbadanan atau corporation bagi membangun bidang harta intelek dalam negara kita selaras dengan perubahan dan perkembangan yang berlaku di peringkat domestik dan antarabangsa. Justeru itu adalah diharapkan agar banyak masalah sebelum ini akan dapat diatasi seperti contohnya masalah tempoh proses pendaftaran paten yang memakan masa yang agak lama yang kita difahamkan berlaku akibat masalah kekurangan pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja yang mempunyai kemahiran dalam bidang ini.

Sehubungan dengan itu saya juga mengharapkan agar pihak kementerian dalam memenuhi objektif perwujudan penggubalan rang undang-undang ini dapat memperbanyakkan serta mempelbagaikan lagi aktiviti-aktiviti anjuran pihak kementerian bagi menyemaikan dan mempertingkatkan kefahaman bahkan minat orang ramai ke atas harta intelek yang umumnya masih begitu rendah dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kesedaran berkaitan harta intelek dan segala undang-undang yang berkaitan yang perlu dipupuk bagi melahirkan kelompok masyarakat yang berilmu dan sentiasa bermotivasi di dalam memperdalamkan lagi ilmu mereka di samping mempertingkatkan lagi kreativiti dan berinovasi yang mampu berdaya saing.

Harta intelek ini sebenarnya ada pada semua orang, pada semua tempat dan keadaan. Tinggal lagi sama ada mereka sedar atau tidak dan sama ada mereka mampu membangunkannya sehingga ke satu peringkat yang diiktiraf atau tidak. Bahkan hasil kerja seni, penulisan, muzik, perisian komputer sebenarnya semuanya dikelaskan sebagai harta intelek. Segala apa juga hasil kerja manusia yang menggunakan kreativiti masing-masing-masing untuk mencipta teknologi menghasilkan produk, design, tulisan dan karya-karya seni merupakan juga harta intelek.

Sesiapa sahaja tidak terhad kepada golongan cerdik pandai mampu menghasilkan sesuatu melalui kemahiran dan daya kreativiti mereka dan hasil inilah yang diiktiraf sebagai harta intelek.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tertubuhnya Perbadanan Harta Intelek Malaysia ini, saya amat-amat mengharapkan agar usaha merangsang dan menggalakkan perkembangan budaya intelek dalam masyarakat Malaysia dapat dijanakan sehebat yang mungkin tanpa sikap *bias* dan prejudis kepada mana-mana pihak ataupun mana-mana individu.

Perkembangan dan kemajuan hasil karya penulisan para sasterawan terdahulu, contohnya adalah kerana sikap berani mereka, bahkan umumnya menyedari betapa kepincangan-kepincangan sosial dan pemerintahan dalam abad-abad yang sebelum ini, khususnya di Tanah Melayu itu sendiri telah dibongkar oleh para penulis dan penyair yang ikhlas.

Jadi, kita mengharapkan contohnya sebagaimana keberanian penulis-penulis seperti Pendeta Za'aba yang diiktiraf sebagai Bapa Sastera Moden, contohnya, bagaimana mereka di kalangan penulis ada di kalangan mereka ini takut untuk meletakkan nama mereka dalam hasil-hasil karya penulisan mereka ketika itu.

Jadi, kita lihat bagaimana keberanian Pendeta Zaaba telah membuktikan hal-hal yakni dapat membongkar sesuatu yang boleh memanfaatkan kepada rakyat khususnya. Dan tentunya harta intelek ini hanya akan mampu lahir dengan nilai yang cukup tinggi, lantaran ianya tercerna melalui pengamatan, penaakulan dan perumusan daripada hati nurani sikap pertanggungjawaban bahkan kesedaran yang tulen daripada para pencipta atau penghasilnya.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan objektif pihak kementerian dan apa yang telah saya katakan sebentar tadi, maka saya menegaskan di sini, ingin mencadangkan

agar permit pengeluaran akhbar tabloid *Harakah* dikembalikan kepada jumlah pengeluaran yang asal sebelum ini iaitu dua kali se minggu atau lapan kali sebulan.

Begitu juga kepada beberapa majalah yang telah ditarik permit pengeluarannya, maka sejajar dengan rang undang-undang ini permit tersebut perlu dikembalikan segera. Jika sekiranya terdapat penyelewengan atau ketidaktepatan dalam fakta-fakta dalam mana-mana penerbitan, maka pihak kerajaan boleh mengambil tindakan ke atas perkara-perkara yang berkaitan, tanpa perlu mengehadakan atau mengharamkan semuanya.

Seperti mana yang saya nyatakan sebelum ini, bahawa pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di bawah Yang Berhormat Menteri, perlu tegas dalam soal penggalakan dan pembangunan perlindungan harta intelek ini tanpa sebarang sifat *bias* dan prejudis kepada mana-mana pihak, mahupun individu.

Dan saya yakin dan percaya, kementerian di bawah Yang Berhormat Menteri sebenarnya kelihatan sekarang ini, lebih bertanggungjawab berdedikasi dan semakin perkasa dalam komitmennya terhadap keadilan. Perlindungan dan pembangunan harta intelek hanyalah akan berlaku dan berlangsung dalam suasana yang cukup kondusif dan strategik. Kementerian bertanggungjawab untuk melahirkan suasana-suasana yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tertubuhnya Perbadanan Harta Intelek Malaysia ini, maka sebenarnya badan ini juga bertanggungjawab kepada negara Malaysia seluruhnya untuk mencipta suatu suasana dan mencipta kreativiti di kalangan rakyat dan masyarakat Malaysia dan usaha ini tidak akan mampu dilakukan dan dijayakan tanpa ada satu pelan tindakan yang sistematik dan bersungguh-sungguh.

Badan ini sewajarnya mampu mempengaruhi atau bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan misalnya untuk menjalankan usaha-usaha ataupun aktiviti perlindungan dan pembangunan harta intelek. Budaya intelek ini mesti bermula daripada peringkat sekolah lagi sampailah kepada peringkat menara gading.

Kita kena akur mengakui bahawa sebenarnya sekolah-sekolah dan universiti kita memang melahirkan sebegitu ramai orang yang pandai, terdidik dan terpelajar. Tetapi tidak dibina intelek mereka. Sepatutnya sekolah dan universiti juga mesti mewujudkan suatu suasana yang kreatif dan berinovatif. Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) juga perlu dikaji semula dan mana-mana peruntukan yang menghalang kepada usaha-usaha perlindungan dan pembangunan harta intelek mesti dihapuskan segera.

Adalah suatu yang tidak wajar apabila kita bersungguh-sungguh untuk sampai kepada satu tempat tertentu sedangkan laluan ke arah itu dibiarkan suram, kelam dan penuh dengan segala macam halangan yang bakal mencalarkan diri kita. Dengan ini tentunya satu keadaan di mana kita mendepankan satu kejahatan yang muktamad terhadap orang ataupun pihak lain sebagaimana menurut pandangan seorang sosiologi Barat yang bernama Paolo Freyre (Brazil) menyebutkan iaitu "Dengan mendepankan satu kejahatan yang muktamad terhadap orang lain, maka ianya adalah suatu ciri ideologi penindasan".

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa penggubalan rang undang-undang ini sebenarnya amat berkait rapat khasnya dengan hasrat keekonomi, yang sehingga ini pelan tindakannya masih belum dapat disiapkan oleh pihak kerajaan meski pun kerajaan telah bebas menggunakan dan mewarwarkan istilah keekonomi ini.

Di samping itu juga, rang undang-undang ini juga berkaitan dengan kebebasan menerbitkan, mengolah, memikir dan seumpamanya Justeru itu, perkara yang paling utama sebenarnya ialah kita perlu terlebih dahulu membebaskan harta intelek ini daripada sekatan-sekatan yang ada.

Sehubungan dengan itu juga, dalam perbahasan ini izinkan saya menyentuh berkaitan dengan persoalan penyelidikan dan pembangunan yang banyak telah disentuh oleh beberapa Ahli Dewan ini.

Saya difahamkan bagaimana peruntukan R&D dalam negara kita adalah terendah berbanding dengan negara-negara lain, iaitu kurang daripada 1% ataupun mungkin iaitu lebih kurang 0.4% sahaja, berbanding dengan negara-negara maju yang

memperuntukkan lebih daripada 2%, bahkan saya difahamkan di Thailand sebuah negara jiran kita di utara Semenanjung Malaysia sendiri memperuntukkan lebih kurang 16% untuk tujuan R&D dalam negara mereka.

Ini pastinya memeranjatkan kita, dan sekiranya kita telah mampu menubuhkan satu perbadanan yang bertujuan melindungi dan membangunkan harta intelek, maka mengapa tidak kerajaan menambahkan peruntukan kepada R&D dalam negara sejajar dengan tertubuhnya perbadanan ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin mengingatkan bahawa yang paling penting dalam satu-satu usaha kita ialah pelaksanaan. Justeru itu, organisasi perbadanan ini mestilah dapat dibina sebaik mungkin dan mampu diterjemahkan dalam bentuk fungsi, peranan dan pelaksanaan. Memandangkan organisasi perbadanan itu sendiri merupakan jentera pelaksana, maka ianya mesti terdiri daripada mereka yang bertanggungjawab dan berdedikasi cekap dan beramanah.

Pihak kementerian juga mestilah memastikan agar pejabat-pejabat perbadanan ini mudah dihubungi oleh mana-mana pihak yang memerlukan khidmat mereka di mana sahaja.

Jadi, dengan kata-kata itu saya turut menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim.

12.48 tgh.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya juga turut mengucapkan takziah dengan ucapan yang disampaikan oleh sahabat saya tadi iaitu Yang Berhormat Senator Siti Zailah.

Tamadun Islam berkembang melalui ilmu dan nilai manusia berbeza dengan makhluk lain ialah minda dan akal dengan akal manusia menjadi intelek. Satu akta yang sedang kita bincang sekarang iaitu Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2001.

Saya ingin mengambil bahagian dalam memberi pandangan positif untuk menyokong kerana saya berkeyakinan penuh dengan kewujudannya nanti.

Pertama, saya merasakan kewujudan perbadanan ini merupakan satu galakan kepada pengusaha-pengusaha dan pereka-pereka atau reka cipta dan juga paten.

Kedua, ianya merupakan satu inspirasi dan memberi galakan dan keyakinan kepada pereka ataupun reka cipta yang akan berjaya di atas potensi inisiatif hasil seni yang mereka menguasai dan menjamin hak milik mereka.

Ketiganya, dengan kewujudan perbadanan ini mempunyai hak memantau dan hak kuasa mengawal, maka sudah pasti terjamin segala hasil dan inisiatif kepada usaha-usaha paten dan juga kepada reka cipta yang dilakukan oleh rakyat tempatan.

Dengan kewujudan kuasa ini, dapat memastikan ciptaan tertentu, terpelihara daripada sebarang kecurian ataupun rompak dan cipta.

Dalam bidang kajian profesional, ramai intelek negara yang menemui formula-formula baru dalam bidang perubatan contohnya. Hasil daripada usaha bersungguh-sungguh dan usaha kaji mereka dengan bertungkus-lumus, maka yang mereka lakukan, yang paling kurang mereka dapat kembalikan hasil usaha dalam meningkatkan ekonomi mereka kerana hak mereka terpelihara dan disebabkan mereka mesti daftar.

Seorang *researcher*, pengkaji berhasil telah bertemu dengan satu formula iaitu bagi mengatasi penyakit bengkak lutut, untut. Penyakit berpunca daripada nyamuk. Maka dengan kewujudan perbadanan ini sudah pasti hasil kajian yang dilakukan oleh individu itu terkawal hak miliknya dan akan menjadi aset kepada ianya sendiri.

Dan saya rasa akhirnya, dengan kewujudan Perbadanan Harta Intelek ini, maka sudah pasti pihak kerajaan dapat melahirkan tenaga pegawai dan pakar-pakar yang mencukupi bagi mengatasi kehendak negara agar ianya setanding dan selaras dengan negara-negara maju demi untuk menjaga imej dan nama cemerlang Malaysia. Cuma yang saya ingin mencadangkan di sini supaya bagi peringkat permulaan ini, maka pihak kerajaan tidak lokek untuk membantu ataupun memberi sokongan dengan kewangan awal dan saya minta pihak kerajaan, kalau tidak saya silap tadi, saya

terdengar pihak menteri menyebut mengenai yuran. Saya rasa yuran yang saya dengar tadi, saya kurang pasti, agaknya tinggi, jadi bagi menggalakkan kepada inisiatif usaha mereka yang akan menjerumuskan hasil karya mereka ini tentulah dipertimbangkan yuran itu bagi pendaftarannya.

Jadi, saya rasa itu sahajalah pandangan saya secara singkat dan secara umumnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri.

12.58 tgh.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2001.

Saya hanya ingin membahaskan sedikit sahaja daripada rang undang-undang ini iaitu tentang keanggotaan perbadanan yang disebut dalam Perkara 6A, B dan C. kerana perkara 6 ini memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri untuk melantik orang-orang yang difikirkan patut, layak, sesuai untuk menduduki jawatankuasa perbadanan ini ataupun ahli-ahli perbadanan ini.

Dan di sini juga saya ingin mengambil peluang sejajar dengan hujah-hujah yang dikemukakan oleh sahabat-sahabat Ahli-ahli Yang Berhormat yang terdahulu tadi, tentang peri pentingnya perbadanan ini sendiri dalam menjana perkembangan harta intelek di negara kita ini tetapi juga untuk menjana kemajuan ekonomi negara dan juga pembangunan pemikiran rakyat di negara kita ini, maka saya ingin mengesyorkan walaupun hari ini tentu tidak akan diterima, mungkin pada sidang kita yang akan datang, supaya selain daripada seorang pengerusi, ditambah lagi dengan seorang timbalan pengerusi.

Dan saya juga ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri, tentang tiga orang yang dipilih iaitu dalam Perkara 3C, tiga orang anggota lain yang mempunyai pengetahuan atau pengalaman tentang harta intelek, dan segala perkara yang berhubungan dengannya

Saya ingin mengesyorkan ataupun mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat kerana masa sudah cukup, boleh sambung selepas rehat nanti.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan Majlis Mesyuarat Dewan iri sehingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Hassan

2.30 ptg.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menyambung perbahasan yang telah saya mulakan pada pagi tadi. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri tentang pelantikan-pelantikan atau bakal orang-orang yang akan dilantik untuk menjadi anggota kepada perbadanan yang akan ditubuhkan apabila rang undang-undang ini dikuatkuasakan.

Saya ingin memohon kepada Yang Berhormat Menteri kerana pada petang ini, agak baik kerana Menteri sendiri yang membentangkan. Saya ucapkan tahniah. Saya mohon supaya ahli-ahli yang terkandung dalam perenggan (c) dilantik daripada orang-orang yang mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam bidang-bidang yang berkaitan sekurang-kurangnya dalam bidang yang disebutkan dalam jadual yang kedua rang undang-undang ini.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian berkaitan dengan kuasa menteri bagi melantik pengarah dan juga beberapa orang timbalan pengarah. Saya mengharapkan supaya Yang Berhormat Menteri akan melantik pengarah atau timbalan-timbalan pengarah ini, daripada orang-orang yang mempunyai keahlian dalam bidang-bidang yang sesuai dengan akta ini apabila ia dikuatkuasakan nanti.

Selain daripada itu saya juga ingin menyentuh kebenaran yang diberikan oleh akta ini dengan persetujuan menteri iaitu soal melaburkan kewangan yang dimiliki oleh perbadanan ini. Saya ingin mendapat penjelasan bahawa jika sekiranya wang badan ini berlebihan dan saya juga ingin menegaskan di sini supaya pelaburan yang akan disertai oleh perbadanan ini hendaklah dalam syarikat-syarikat yang dijamin keselamatan kewangannya kerana saya melihat bahawa sesungguhnya seperti yang di sebutkan oleh sahabat-sahabat saya tadi, jawatankuasa perbadanan ini adalah mempunyai tanggungjawab yang amat besar bagi melicinkan pergerakan Perbandaran ini kelak.

Saya juga mengharapkan semoga dengan tertubuhnya Perbandaran ini, kerja-kerja yang berkaitan dengan harta intelek ini akan dijamin oleh kerajaan yang sekali gus akan memelihara kepentingan kerajaan itu sendiri. Saya rasa setakat itulah Tuan Yang di-Pertua dan saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Ghazi Haji Ramli

3.32 ptg.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian menyokong rang undang-undang mengenai Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2001. Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan khususnya Yang Berhormat Menteri sendiri. Yang Berhormat Menteri turut hadir daripada pagi membentangkan dengan begitu jelas dan membuat rekod tersendiri dengan mengikuti perbincangan.

Sebenarnya tengah hari tadi saya sembahyang Zuhur dan minta doa bila tengah hari ini Yang Berhormat Menteri tetap turut dalam perbincangan. Alhamdulillah bila saya tegur saja rakan saya, sahabat saya di sebelah, masuk Yang Berhormat Menteri. InsyaAllah, Tuhan kata panjang umur Tan Sri.

Saya amat tertarik dengan penuh ikhlas dengan pendekatan yang di ambil oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Saya rasa prestasinya begitu amat cemerlang sekali semasa Yang Berhormat Menteri memimpin hal-hal pengguna sudah sampai masuk ke dalam jiwa raga rakyat. Malah prestasi cemerlang baru-baru ini diikuti dengan memberi penumpuan pengkhususan kepada wanita, kerana wanita adalah kuasa untuk membeli, yang di belakangnya untuk membeli. Oleh kerana itu fokus ini adalah amatlah begitu strategik sekali dan saya dengan ikhlas saya mengucapkan tahniah. Lebih-lebih lagi bila *diclimate* dengan penyampaian oleh Yang Berhormat Menteri mengenai harta intelek atau IC (*Intellectual Capital*).

Saya amat tertarik kerana tajuk ini secara kebetulan saya pun cuba-cuba belajar sejak 3 hingga 4 tahun yang lepas dan alhamdulillah saya mendapat peluang untuk belajar sedikit sebanyak dengan berjumpa dengan orang-orang yang tertentu dan melawat di tempat-tempat yang tertentu untuk memahami dan menghayati tajuk ini kerana pada saya, saya ingin juga menekankan sekali lagi walaupun disebutkan oleh rakan-rakan saya terdahulu. Tajuk ini begitu amat *relevan* sekali dengan ke-ekonomi yang diwujudkan, begitu relevan sekali dengan kewujudan multimedia super corridor dan saya rasa tepatnya pihak kementerian masukkan, mewujudkan perbadanan ini, menjalankan peranan-peranan dengan 11 fungsi yang telah dimasukkan ke dalam akta itu adalah begitu amat tepat sekali.

Soalnya sekarang keputusan kita untuk mewujudkan perbadanan ini amat begitu amat tepat, fungsinya ialah pun disenaraikan 11 nampaknya menyeluruh, merangkumi segala-galanya dan perkara pokok sekarang ialah bagaimanakah langkah pelaksanaan rancangan bertindak kita, rancangan strategik kita pada masa depan dan badan-badan harta intelek sendiri yang akan menganggotai perbadanan ini di mana peringkat sekali pun diharapkan akan seimbang, selaras dengan hasrat murni pihak kerajaan mewujudkan perbadanan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada satu buku yang saya diberi secara persendirian oleh *authornya* "Lif Anderson and Michael as Melon, tajuk dia 'Intellectual Capital'. Saya amat tertarik dengan ini kerana dia punya blur *highlightnya* begini saya baca dengan izin 'the proven way to establish your companies real value by measuring it hidden brain power. Pendekatan yang sebenarnya untuk mengukur nilai yang sebenarnya bagi sesuatu organisasi dengan mengukur kekuasaan mental, akal, intelek yang tersembunyi.

Saya rasa inilah yang tersirat dalam perwujudan dalam Perbadanan Harta Intelek yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Saya nampak penyampaiannya yang saya nak beri penekanan yang saya amat tertarik sebelum saya komen tentang buku ini ialah highlight beliau tentang adanya paten kita dalam negara sekadar 20 sahaja. 200 dalam masa setahun kalau dibandingkan dengan US, Jepun dan Eropah. Paten di Jepun hingga menjangkau 400,000 dan Korea sampai 100,000 berbanding dengan kita agak begitu rendah. Dan penekanan angka-angka lain kurangnya tenaga pakar dalam hal pembangunan harta intelek yang 20 orang kita ada sedangkan Filipina, Indonesia, negara begitu terlalu agak mundur dibandingkan dengan kita pun ada lebih 50 orang dan di Jepun dan US ada lebih 1,000 orang dan di Korea kita lebih ada 400 orang. 100 atau suku daripadanya adalah Ph.D. Saya ingin menekankan ini, meng*highlight* kerana kenyataan-kenyataan ini amat baik dan relevan dan agak bersesuaian dengan hujah yang akan saya bawa nanti.

Saya juga tertarik dengan penekanan Yang Berhormat Menteri mengenai perbadanan ini yang akan mempunyai autonomi penuh. Saya nampak begitu komersial orientated sekali. Boleh buat keputusan. Jadi harapan kita begitu amat tinggi dan harapan kita untuk merealisasikan wawasan 2020 melalui MSC yang telah diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri sendiri Insya-Allah akan tercapai sekiranya perbadanan ini menjalankan fungsinya dengan begitu efektif sekiranya komponen-komponen lain dalam kerajaan dan juga masyarakat akan turut membantu dan meng*compliment*kan di antara satu sama lain. Lagi satu yang saya tertarik bila Yang Berhormat Menteri tadi menekan tentang aspek latihan dan program-program khusus supaya penekanan tentang aspek kreativiti begitu amat tepat sekali.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin tekankan di sini ialah kerana kita tidak mempunyai bilangan yang mencukupi dalam apa yang telah pun dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Oleh kerana itu, saya rasa amat bertepatan kalau sekiranya kita melihat aspek untuk membuat penilaian tentang harta intelek ini menjadi satu bidang *research* yang telah pun disebut sebagai fungsi tadi. Di antara fungsi ialah mengorientasikan, mewujudkan, *organize* satu *research* besar-besaran tentang harta intelek. Dan yang amat berkenaan dengan hal ini ialah kerana dalam dunia perniagaan khususnya dalam bidang organisasi lain pun biasanya kita menyebut bahawa sumber manusia itu adalah begitu amat mustahak. Manusia merupakan kuasa yang terlalu kuat sehingga ia akan menyebabkan semuanya berlaku.

Malah dalam tangan saya kalau boleh saya petik apa kata Lester Thurow dalam bukunya "Building Wealth" katanya, *quote*, dengan izin, "The world's wealthiest man, Bill Gates, owns nothing tangible, no land, no gold or oil, no factories, no industrial processes or no armies. For the first time in human history the world's wealthiest man owns only knowledge." Dalam dunia ini yang hanya dia ada ialah ilmu tetapi orang yang hanya ada ilmu orang itu ialah Bill Gates yang telah dikenal sebagai terkaya sekali di dalam dunia. Oleh kerana itu kita ingin melihat dari aspek macam mana kita hendak menilai seseorang manusia anggota masyarakat itu. Kalau hendak menilai ini, kalau mengikut aspek sekarang dunia perakaunan yang biasanya kalau kita tengok *balance sheet* semua harta disebut – harta benda rumah, tanah, *factory* (kilang), pejabat, alat tulis, *hardware* dan sebagainya. Tetapi tidak ada satu tajuk yang mengatakan apakah nilai *human capital* atau *human asset* itu.

Yang dikatakan aset sebagai satu harta tidak ada sebut. Ini memberi ruang kepada kepada saya di antara aspek yang patut diberi penekanan utama ialah membuat penilaian tentang harta intelek ini kerana inilah sebenarnya yang cuba diilhamkan oleh kedua penulis ini mengatakan dia ada gambar pokok, di sini di bawahnya akar (*roots*) dan di atasnya cabang-cabang dan ranting-ranting, daun, buah-buahan dan sebagainya. Ikut kata penulis ini *balance sheet* kita sekarang mengikut ilmu perakaunan yang 300 tahun lamanya sekarang ini *produce result* membuat kenyataan berdasarkan hanya kepada ranting-ranting, daun-daun dan pokok-pokok bunga dan buah-buah sahaja. Yang pokoknya yang mengeluarkan hasil itu

sebenarnya ialah dari akar itu. Bagaimana akar itu kuat atau tidak, adakah dia disemai dengan *environment* yang betul dengan baja yang baik dan dipupuk dan dinilai dengan baik.

Oleh kerana itu, pada saya oleh kerana dunia Malaysia sudah pun terkenal di dunia dengan mewujudkan MSC walaupun orang lain pun sudah *copy* kita dan menjadi satu saingan sekarang itu bab lain. Tetapi pokoknya kita juga hendak ke hadapan dengan adanya perbadanan ini. Di antara satu tugas yang patut kita ambil ialah untuk membuat penilaian ini. Dan kerana itu kita boleh buat sampingan bersama-sama dengan universiti-universiti multimedia ataupun beberapa konsortium universiti diilhamkan melalui Perbadanan Harta Intelek (PHIM) ini supaya dibuat kajian bagaimanakah kita boleh merubah bentuk perakaunan yang *follow accounting standards* sekarang ini supaya membuat penilaian kepada manusia. Kerana apabila membuat penilaian kepada manusia, manusia mempunyai harga seperti mana juga dengan harta-harta yang lain, rumah, tanah, *factory* dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan di sini bahawa oleh kerana saya bernasib baik berjumpa *author* ini yang menulis dalam tahun 1997, "*To Datuk, I see the future in the new part of IC.*" Dia cuba memberi mesej bahawa bab harta intelek ini masih ada *future* yang lebih daripada *future – the future of future*. Ini jadi cerita. Oleh kerana itu, badan ini telah mewujudkan apa yang kita panggil sebagai *future centre* yang mewujudkan satu suasana, satu *environment* yang begitu amat baik untuk menganalisa tentang hal-hal mengenai harta intelek dan mewujudkan suasana yang baik untuk mewujudkan pemikiran yang kreatif supaya segala bentuk inovasi akan wujud daripada situ. Benda ini telah wujud dengan begitu jayanya di Stockholm, Sweden dan saya berkesempatan melawat, bercakap, berbincang dan mendapat banyak ilmu terutama sekali dengan pameran yang diletakkan. Dan pameran-pameran ini, sebenarnya yang dipamerkan secara strategik ialah bahan-bahan lama yang boleh mengimbuai pemikiran kita kepada produk-produk inovasi yang dahulu dilihat sebagai teruk.

Kalau dulu kita kata Jepun Square nampaknya teruk tetapi benda-benda seperti *typewriters* yang 100 tahun dan *wheelbarrow* yang pernah ditolak dalam pejabat diangkat fail sekarang diletakkan sebagai pameran. Apabila saya bertanya "Apa ini?", dia kita "You tidak kenal? *This is the old word processor*" - dengan izin - sebab *wheelbarrow* itu bawa semua bahan-bahan cetakan pejabat dari satu pejabat ke pejabat yang lain. Yang saya hendak menekankan di sini ialah - mungkin ingin saya syorkan - supaya perbadanan yang mempunyai kuasa autonomi yang begini amat hebat dan *environment* Malaysia yang mempunyai kepakaran *intellectual capital* yang begitu rendah yang statistiknya disebut oleh Yang Berhormat Menteri mungkin terdapat peluang sekarang untuk kita mewujudkan suatu pusat yang mungkin dapat kita kenali sebagai pusat harta intelek Malaysia (MIMKHIM). Saya hendak sebut Inggerisnya ialah Malaysian IC Centre (MICC).

Saya teringat Malaysian jangan salah pula kata "Muhyiddin Intellectual Capital Centre." Kalau tidak, tidak mengapa Tan Sri kerana M itu juga Mahathir dan Malaysia. Jadi, PHI ini saya berkenan kerana ada ungkapan *peace, harmony and innovation*. Kita juga ingin mewujudkan insan yang menuju ke arah keamanan (bukan kejahatan), harmony, kesejahteraan dan dengan penuh inovasi. Saya rasa ini dapat diwujudkan sebagai satu daya usaha di bawah naungan perbadanan kerana kita tahu perbadanan hanya akan mengawal selia dan mentadbir.

Jadi, kena ada satu badan implementasi yang akan dapat mengkoordinasikan segala aspek harta intelek dalam Malaysia. Oleh kerana itulah saya melihat ini sebagai satu langkah bijak, pintar oleh Yang Berhormat Menteri dengan mewujudkan perbadanan ini. Bayangkan kita semua kata semua orang ada harta intelek, kita individu ada harta intelek tetapi nilai tidak tahu. Sebab apa tidak tahu? Sebab tidak ada kriteria untuk mengukur. Kita dulu main bola di sekolah semasa kecil-kecil - sayalah - kalau tidak ada padang betul, kita main ada juga ukuran. Kita letak sabut di tepi ini mainlah, asalkan ada sikit. Kita main *court* badminton kecil-kecil dulu kalau tidak ada court betul kita letak juga apa-apa, agak-agak sahaja tetapi kita kira juga. Oleh kerana itu, ada usaha-usaha lain dalam kerajaan yang mempunyai aspek harta intelek ini dengan begitu hebat.

Saya melihat di antara tugas dan tanggungjawab Kementerian Tenaga Komunikasi dan Multimedia umpamanya mempunyai banyak aspek harta intelek. Mungkin aspek yang *basic* yang lebih layak atau lebih patut dimasukkan di bawah

naungan perbadanan harta intelek pada saya mungkin patut dimasukkan untuk penyelarasan dan keberkesanan yang meningkat. Begitu juga Yang Berhormat Menteri tadi sebut tentang penyelidikan.

Ada juga geran-geran IRPA dan sebagainya di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Mungkin kalau tidak semua pun geran itu tetapi aspek *research* semua itu - pada saya semua lagi baiklah - diuruskan oleh perbadanan ini sendiri kerana perbadanan ini bercakap tentang harta intelek.

Dia hendak pergi merata dunia, merata masyarakat hendak mengajak masyarakat supaya memberi nilai kepada inovasi kepada kreativiti. Kalau hendak menggalakkan individu, syarikat, institusi organisasi untuk memikir dengan lebih hebat daya kreatif dan daya inovasi untuk mengeluarkan sesuatu produk yang baru yang agak berlainan daripada sekarang yang daripada point ini mungkin saya boleh buat lain daripada hanya bercakap dengan menggunakan teknologi, saya boleh buat apa benda pun lebih eloklah juga kalau sekiranya perbadanan yang sama mempunyai kuasa dana untuk menggalakkan orang membuat penyelidikan, lebih-lebih lagi Yang Berhormat Menteri tadi bercakap masalah yang ada kadang-kadang ialah penyelidikan dibuat tetapi penyelidikan itu tidak dikomersialkan.

Baru-baru ini agak relevan saya ingin menyebut, saya ucap tahniah pada pihak kerajaan melalui Kementerian Pendidikan, IPTA dalam sejarah Malaysia yang saya tahu, pertama kali mewujudkan pameran tentang R&D oleh IPTA. Bayangkan kalau sekiranya ini dapat diuruskan oleh satu perbadanan yang begini saya rasa begitu amat efektif sekali.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan bila saya katakan perbadanan boleh jadi satu pusat yang boleh mengkoordinasikan segala bentuk penyelidikan, juga bab kewangan saya sebut, saya juga ingin menyebut tentang begitu perlunya mungkin di antara yang tugas pertama yang dibuat ialah mengumpulkan semua data dalam negara ini. *Create a big databank* dari segi harta intelek. Bank data maklumat, maklumat yang relevan mengenai harta intelek dan kemudian diklasifikasikan dalam bidang-bidang yang lain dan melihat apakah bentuk *progress*, tahap mana, 20%, 50% dan 90%. Mungkin ada di dalam perbadanan itu saya nampak boleh diwujudkan jawatankuasa. Sudah ada jawatankuasa lain yang boleh memberi penilaian sama ada keseluruhan *research* ini *on track or not* sebab kerja perbadanan juga untuk menggalakkan dan memberi *protection*, memberi perlindungan kepada badan-badan ini. Oleh kerana itu saya nampak usaha ke arah mewujudkan perbadanan ini dan sekiranya ianya dilaksanakan dengan begitu baik adalah terlalu amat tepat sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut Sweden sebagai model yang saya bercakap. Akhir-akhir ini saya sempat juga berkesempatan berjumpa dengan atas minat, ada orang kata "Eh you dah tengok Sweden, you kena tengok juga Australia *neighbour* dekat sahaja, tidak jauh". Di Blue Mountain, Sydney diwujudkan satu tempat yang dipanggil *thinking center*. *Thinking Center* ialah tempat orang boleh pergi berfikir, *create environment* yang begitu hebat kalau kita tahu tempat Blue Mountain memang tempatnya tinggi hanya satu jam sahaja lebih kurang daripada Sydney dan memang kita terasa tertarik untuk menghasilkan sesuatu sekiranya kita berada dalam tempat yang begitu.

Jadi saya sempat mengambil gambar bila saya melawat ini dan oleh kerana saya tertarik dengan perkataan yang diletak dalam pusat itu saya bawa depan ini, dia tulis di di tangga tu, dia letakkan besi *very creative*, "*I think therefore I am*" dan ada banyak lagi hasil-hasil nukilan ahli pemikir dunia jaguh, bilik-bilik itu semua dinamakan dengan para pemikir yang hebat-hebat dan ini saya bagi *summary* saya sebagai *highlight* yang paling agak relevan.

Pada saya ke arah mewujudkan suasana dan mendidik membuat semai ini begitu amat baik sekali. Kalau kita fikir hendak tanam padi yang baik kena ada tapak semaian, kena ada benih yang baik, kena jaga dia dengan elok. Kalau nak makan teppanyaki Jepun yang terhebat kena ambil daging kobe atau sebagainya, begitulah. Dengan harga nilai yang begitu tinggi, bagaimana hendak mendapatkan nilai yang tinggi? Dia kena *start* dengan *farm* untuk jaga, didik lembu-lembu ini supaya lembu-lembu ini naik jadi besar. Pada saya perbadanan ini menjadi satu jawapan kepada Malaysia yang berteraskan teknologi ICT, menuju ke arah Wawasan 2020, leverage atas kekuatan kita dengan izin, dan perbadanan inilah yang menjadi *champion* dalam

Malaysia untuk mengintegrasikan, mengkoordinasikan segala aspek mengenai harta intelek.

Oleh kerana itu umpamanya di antara jawatankuasa yang patut diwujudkan ialah jawatankuasa yang dapat dihubungkan dengan Kementerian Pendidikan kerana kita tahu pendidikan adalah teras segala-galanya. Kita tahu dalam sistem pendidikan ada pelajaran yang dinamakan KBKK (Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis). Ini sekarang dimasukkan ke dalam mata pelajaran sebagai sambilan, tidak diberi pengkhususan sedangkan pada saya kita hendaklah mengiktiraf bahawa berfikir itu memerlukan kemahiran yang amat sangat dan diletakkan pada tahap keistimewaan. Tahap *priority* yang tinggi dan *priority* yang tinggi ini kalau diambil alih oleh perbadanan ini masyarakat akan melihat akan *persist*, mendapat persepsi, wah sekarang harta intelek ada nilai, sekarang mereka membuat perancangan *research* mulai beberapa buah universiti untuk membuat penilaian harta intelek, sekarang kita mesti menggerakkan akal fikiran yang diberikan oleh Tuhan untuk mengeluarkan sesuatu, menghasil atas daya cipta anak Malaysia buatan keluaran MSC sendiri Kalau ini dapat diwujudkan apakah ini tidak menjadi idaman kita? Idaman akan hanya menjadi realiti kalau sekiranya usaha-usaha tegas dapat dimanfaatkan dapat dibuat supaya menukar rancangan yang baik, idaman yang baik, boleh direalisasikan sebagai realiti pada suatu hari nanti Insya-Allah.

Sekiranya akan wujud suasana ini maka anak-anak muda sekalian akan melihat bahawa bidang pemikiran adalah satu bidang yang *challenged* yang diberi nilai taraf yang tinggi yang ada peluang masa depan yang hebat kerana sekarang sudah ada orang tolong bisik pada kita "Eh, awak punya tu kenapa tidak dipatenkan dalam negara, kita tolong *protect* dan setelah dipatenkan ini, kita cuba patenkan pula di luar negara kerana kita nampak dengan *networking* yang ada pada kerajaan bahawa negara-negara ini memerlukan produk ini, oleh kerana itu kita kena pilih negara mana yang kita hendak patenkan barang-barang itu.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi bila saya sebut tentang hendak patenkan idea-idea inovasi baru di negara-negara luar, satu yang jelas datang pada pemikiran saya setelah berbincang-bincang dengan kawan ialah kata mereka, dengan izin, *easier said than done*, betul *easier said than done*. Inilah langkah yang baik ada perbadanan ini kerana akan ditugaskan pegawai nombor satu yang mempunyai mutu kualiti yang baik, kalau tak cukup pergi belajar, ilmu ada; kalau hendak melawat pergi melawat di Blue Mountain umpamanya, dan dapat dijadikan sebagai panduan supaya kita mempunyai harta intelek yang tinggi dalam menjalankan perbadanan ini. Oleh kerana itu, keperluan kewangan hendaklah juga diberi galakan untuk mempatenkan benda-benda ini di luar negara kerana ini kadang-kadang oleh kerana tidak diberi penekanan jadi orang tidak nampak.

Oleh kerana itu, dalam perancangan Kementerian Kewangan umpamanya oleh kerana tidak ada satu desakan, satu kesedaran yang menonjol bahawa ini diperlukan, maka peruntukan kewangan diagihkan ke tempat lain. Tetapi sekiranya dengan inisiatif yang baik melalui perbadanan ini, insya-Allah, aspek-aspek ini akan diberi penekanan juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada satu aspek lain dari segi definisi ataupun makna intelektual kapital yang akan memberi kait mengait juga dengan usaha kita ke arah merealisasikan apa yang kita harap melalui program-program yang akan kita susun nanti. Kalau mengikut seorang penulis sebuah buku lagi ialah *Intellectual Capital - The New Wealth of Organization* by Foremost A Steward yang memberi penekanan bahawa *intellectual capital* sebenarnya ialah campuran di antara, modal manusia (*human capital*), harta manusia dengan harta struktur. Ini berlaku dalam semua bentuk organisasi. Saya katakan ini kerana dalam semua organisasi, badan kerajaan, swasta sekolah dan sebagainya semuanya dalam dua bentuk. Satu dalam bentuk manusia, satu bentuk strukturnya. Dalam bentuk manusia yang jadi harta inteleknya ialah ilmu, kemahiran, inovasi, nilai, budaya dan falsafahnya. Ini yang saya hendak tekankan. Ini yang saya ingat Yang Berhormat menteri maksudkan bila ia merangkumi ahli-ahli seni, artis, budaya dan sebagainya.

Tadi Yang Berhormat cuba membuat saranan menyatakan orang seni pun patut masuk dalam jawatankuasa. Saya tidak tahu sama ada saya boleh bersetuju 100% tetapi saya percaya Yang Berhormat Menteri akan melihat kepada aspek keseluruhan secara menyeluruh, sedangkan kita mengiktiraf orang seni, orang budaya, orang itu dan ini memang relevan dengan harta intelek, tetapi pada saya mungkin

penilaian yang lebih baik yang akan diambil oleh pihak Yang Amat Berhormat Menteri untuk melantik ialah keseluruhan, kesepaduan ataupun *holistic - A multi dimensional person* yang boleh memahami harta intelek dengan aspek-aspek lain, merangkumi ilmu ICT dengan aspek seni Islam dan sebagainya umpamanya. Pada saya keseluruhan *multi dimensional* ini mungkin akan memberi kekuatan yang lebih kepada pihak perbadanan kerana aspek-aspek yang saya sebut tadi - ilmu, kemahiran, inovasi, nilai, budaya dan falsafah itu sendiri merupakan harta intelek bagi manusia.

Harta struktur ialah hardware (perkakasan), software (perisian) data base, yang kita hendak wujudkan yang saya sebutkan tadi, *national database on intellectual capital*. Wah, imagine kita tidak ada sekarang, tetapi kalau ada melalui ICT, kita boleh meng'access'kan ini dan mengetahui juga paten trademark dan sebagainya. Jadi, kalau kita dapat asingkan ini, penujuan kita ke arah mempertingkatkan hal-hal mengenai harta intelek, pada saya akan menjadi lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf saya tertarik balik tadi dalam catitan yang saya tulis, Stockholm Sweden Future Centre, Sydney Australian Thinking Centre, Cyberjaya Malaysia IC centre Saya sahaja hendak bagi lengkap sahaja. Tentang penilaian. Tersebut sedikit dalam buku ini dari segi penilaian. Tentang hal ini, kita tahu bagaimana kita menilai sesebuah syarikat melalui nilai saham (*stock valuation*). Oleh kerana kita membuat penilaian mengenai nilai saham, maka wujud satu pasaran saham - *stock exchange*. Dari segi pemikiran futuristik oleh hamba Allah yang saya sebut ini, ini merupakan peluang bagi Malaysia pada saya. Dia hanya menyebut sepintas lalu tetapi saya ambil ini sebagai satu yang berat, yang patut diberi perhatian untuk membuat research ialah 'mewujudkan *stock exchange* yang khusus, khas untuk intellectual capital.'

Oleh kerana sudah ada nampak tadi, data bank mengenai intelektual kapital, satu, oleh kerana usaha untuk membuat penilaian, tidak payah tunggu *perfect*, jangan tunggu sampai *perfect system*, buat dahulu. Kata Dr. Mahathir semasa membentangkan kalau tidak silap saya RMK-7 atau RMK-8, jangan tunggu rancangan yang unggul, yang ideal sebab rancangan yang paling teruk rancangan ideal yang tidak dilaksanakan. Lebih baik tidak ideal tetapi kita buat sekurang-kurangnya kita tahu di mana salah. Sekurang-kurangnya kita akan belajar daripada kesalahan itu. Inilah bentuk atau *characteristic*, budaya mencari ilmu dan mencari kemajuan.

Pada saya, tidak begitu menjadi satu impian kalau kita memikirkan, mewujudkan satu stock exchange berdasarkan *intellectual capital* kerana *intellectual capital* mempunyai nilai yang tersendiri. Ada yang harga RM1,000, ada yang RM1 juta, ada yang RM10 juta. Kalau seluruh masyarakat didedahkan dengan pendekatan, definisi *human capital* ini begini, *human capital*, *structure capital* begini, begini, nilainya ada, boleh dipasarkan walaupun ini dimulakan hanya dengan RM1 juta umpamanya atau RM1,000 cagak kecillah, tetapi yang RM1,000 bila dikumpulkan dengan satu konglomerat akan dapat dipasarkan melalui satu stock exchange ala Malaysia berteraskan *intellectual capital* ataupun harta intelek. Saya rasa ini akan menjadi selaras dengan kehebatan Malaysia di bawah pimpinan Dr. Mahathir mewujudkan Multimedia Super Corridor, dengan kehebatan Malaysia mewujudkan beberapa bidang undang-undang, cyber law untuk mengimplementasikan Multimedia Super Corridor. Jadi penyelarasan kita tidak boleh berhenti sebab orang lain sudah datang compete. Dubai Internet City sudah hebat, adalah sebabnya, Hong Kong Cyber City sudah hebat, ada sebabnya. Jadi, kalau kita hendak laju lagi, hendak masih *take the leadership role*, pada saya perbadanan ini merupakan satu pendekatan yang strategik yang sungguh tepat pada masanya dan kena pada orangnya membentangkannya. Ini saya kata dengan ikhlas, sebab saya pernah berhubung secara persendirian dengan Yang Berhormat mengatakan sesuatu yang begitu ikhlas dan jujur. Jadi saya berani bercakap depan dia begini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menekankan tentang tajuk 'Latihan dan Penyebaran, Pengetahuan dan Maklumat' yang termasuk dalam salah satu akta - seksyen 17 kalau tidak salah saya dan ini terlalu mustahak. Kadang-kadang oleh kerana nampak senang, kita faham mungkin kadang-kadang kita tersalah pandang menganggap yang orang nampak. Samalah juga dengan budaya ICT yang kita sebut yang kita hendak galakkan orang ramai. Mungkin ini memberikan satu peluang lain untuk menghebahkan ini secara besar-besaran, mengadakan satu promosi, forum, seminar, *road show* yang begitu hebat, terancang dan dikoordinasikan. Sepintas lalu dapat kita dedahkan dengan budaya fikir yang kreatif kerana mewujudkan harta intelek

yang tinggi dengan menggunakan teknologi ICT, jadi terdapat kesepaduan dalam usaha ini kerana kadang-kadang kalau disampaikan kepada masyarakat umum khususnya masyarakat luar bandar juga yang disebut tadi, ada orang yang menyebut tentang jurang digital antara bandar dan luar bandar, ini amat relevan. Kita hendaklah berusaha bercakap benda yang agak subjektif, yang agak tinggi dengan bahasa yang senang, dengan cara yang paling *real* supaya dia percaya pada kita.

Oleh kerana itulah pendekatan yang agak praktikal ini hendaklah diberi perhatian dan saya cukup menyokong kuat kalau sekiranya program-program tertentu yang lebih kreatif dan inovatif dalam usaha untuk mempelopori tajuk harta intelek melalui latihan dan penyebaran pengetahuan dan maklumat ini kerana definisi harta intelek sendiri telah meletakkan satu tekanan kepada pengurus-pengurus dalam perbadanan ini bahawa mereka juga hendaklah mempunyai keyakinan diri dan memperlihatkan nilai harta intelek yang tinggi melalui program-program yang dilaksanakan khususnya program-program yang melibatkan masyarakat kerana masyarakat sekarang kita galakkan menjadi masyarakat berilmu, masyarakat yang sentiasa berfikir. Kanak-kanak sekolah pun telah diajar berfikir secara kreatif dan kritis. Oleh kerana itu, bila mereka mengikuti program-program yang dianjurkan oleh perbadanan ini nanti, Insya-Allah, mereka juga akan melihat keberkesannya, baik buruknya, lemah atau tidak kekuatannya dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut di sini, bahawa oleh kerana kewujudan perbadanan ini begitu amat tepat, saya juga ingin menyarankan kepada pihak kementerian supaya juga diwujudkan *strategic partnership* dengan badan-badan lain yang berkaitan supaya kalau tidak kita kawal secara *direct*, seperti yang saya telah cuba cadangkan awal tadi, ada badan-badan lain yang boleh kita wujudkan perkongsian pintar supaya dapat dimanfaatkan segala usaha-usaha yang dibuat oleh badan-badan lain itu melalui perbadanan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat kesimpulan atas apa yang telah saya cuba hujahkan tadi, mengatakan bahawa kalau pada awalnya, kewujudan perbadanan amat tepat, pertamanya hendaklah dibuat kajian 'textured' tentang kewujudan keseluruhan harta intelek dalam Malaysia ini. So, *data bank on IC, on the intellectual capital* dan di samping membuat kajian yang sama, juga hendaklah membuat kajian serentak di dunia, melihat model-model yang saya sebutkan tadi ataupun sebagainya untuk kita memperkemaskan lagi. Sekiranya dapat, bolehlah diwujudkan yang saya sebutkan di Cyberjaya MICC - *Malaysia IC Center* di bawah payung kuasa Perbadanan Harta Intelek yang saya katakan tadi. Kemudian, kalau baiknya lagi, disediakan juga pelan strategik selama 10 tahun supaya dapat melibatkan masyarakat dalam usaha menyediakan pelan strategik ini, supaya idaman kita mencapai dalam bidang kreatif multimedia yang boleh digabungkan dengan usaha *mewujudkan e-village, entertainment village* dan sebagainya akan dapat direalisasikan melalui perbadanan ini. Terima kasih dan saya turut menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Melati.

3.14 ptg.

Puan Hajah Melati binti Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang untuk saya turut serta bagi membahaskan Rang Undang-undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2001 pada petang ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak kementerian kerana dapat membentangkan dan mencadangkan serta untuk mewujudkan sebuah perbadanan yang sememangnya dinanti-nantikan oleh rakyat Malaysia dan tepat pada waktu dan masanya dalam negara Malaysia yang sedang membangun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin menyentuh berhubung dengan perkara keanggotaan perbadanan dan ramai rakan saya telah menyentuh berhubung dengan keanggotaannya termasuk Pengerusi yang telah mencadangkan supaya Timbalan Pengerusi Perbadanan diwujudkan. Saya ingin menyentuh berhubung dengan Perkara C iaitu, tiga orang anggota yang akan dilantik oleh menteri kerana memandangkan dari segi tugas dan peranan yang begitu berat yang akan dimainkan oleh perbadanan ini, saya ingin mencadangkan supaya tiga dijadikan lima keanggotaannya. Saya rasa tenaga ini amat kita perlukan, kalau hanya tiga sahaja tenaga yang akan dilantik oleh pihak menteri, kemungkinan keberkesanan kita tidak dapat capai dengan begitu baik.

Jadi, dalam pada itu, saya juga ingin menyarankan kepada pihak menteri. Di antara lima itu, janganlah lupa juga kepada tenaga profesional wanita.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya kuasa yang ada di perbadanan ini diturunkan ke negeri-negeri dan daerah bagi memberikan keberkesanan dari segi aspek penyeliaan dan pengawasan isu-isu berhubung dengan harta intelek ini.

Yang ketiga, bagi tujuan menggalakkan dan meningkatkan latihan serta penyebaran pengetahuan, terutama kepada rakyat keseluruhannya. Kita memerlukan tenaga profesional yang begitu berpengalaman. Jadi, saya lihat tadi Yang Berhormat Yang Berhormat telah pun menyentuh supaya ditambahkan, saya juga ingin mencadangkan supaya tenaga yang 20 orang ini ditambahkan lebih banyak lagi untuk membantu kerajaan menjayakan program-program di bawah perbadanan ini. Jadi, justeru itu, saya turut menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2001. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

3.18 ptg.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kelapan-lapan Ahli Yang Berhormat yang telah pun bangkit dan bangun untuk membahaskan rang undang-undang yang kita bentangkan pada hari ini iaitu Rang Undang-undang Perbadanan Harta Intelek 2001 ini. Saya rasa cukup berbangga kerana minat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap rang undang-undang ini begitu tinggi. Malahan, kualiti perbahasan pun adalah cukup memuaskan dengan pelbagai pandangan dan idea-idea termasuklah rujukan kepada pakar-pakar lain dan buku-buku yang disebutkan oleh beberapa Yang Berhormat dan ini adalah suatu harapan yang cukup menggalakkan bagi pihak kerajaan dan khasnya kementerian untuk terus mengambil langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang dianggap sesuai dan perlu supaya suatu sistem harta intelek yang mantap dapat ditubuhkan di negara kita ini.

Kesan yang berkaitan dengan harta intelek ini telah pun dilaksanakan oleh pihak kementerian menerusi satu bahagian yang kita panggil Bahagian Harta Intelek sekian lama dan walaupun agak terbatas dari segi keupayaan, kerana kita dikekang dengan beberapa peraturan-peraturan dari segi perkhidmatan dan juga ganjaran dan kewangan. Tetapi, kita telah pun dapat mampu untuk melaksanakan apa yang kita fikirkan terbaik untuk memastikan supaya Malaysia tidak tertinggal di belakang berbanding dengan negara-negara maju yang lain, dalam usaha untuk melaksanakan dan juga memberikan perlindungan kepada harta-harta intelek yang ada, baik di negara kita ataupun yang didaftar oleh pihak orang-orang asing.

Sebab itu kita telah pun menjadi ahli dan juga menjadi sebahagian ataupun terlibat dalam banyak perjanjian yang sudah pun kita meterai di peringkat antarabangsa sebagaimana yang terkandung dalam TRIPS Agreement, dengan izin, dan konvensyen-konvensyen yang terlibat dengan harta intelek seperti Bern Convention dan juga Paris Convention. Namun begitu, lama-kelamaan kerana bidang pembangunan harta intelek sudah menjadi satu bidang yang begitu mencabar, malahan Yang Berhormat yang membahaskan rang undang-undang tadi pun mengakui bahawa ia sudah menjadi suatu aspek yang cukup penting bagi negara kita kerana selama ini kemajuan dan pembangunan negara di dunia kita banyak bergantung kepada khazanah dari segi sumber asli yang mereka terokai daripada hasil bumi ataupun hutan rimba dan sebagainya.

Dan sebab itu waktu-waktu yang lalu kekayaan sesebuah negara lebih banyak bergantung kepada sebanyak mana mereka mempunyai seperti contoh, minyak, kayu-kayu ataupun hasil-hasil tanaman mereka. Tetapi kita sedari bahawa sumber-sumber seperti ini semakin hari semakin kurang dan sebab itu dalam aspek perkembangan yang terkini, dunia sudah berubah dan beralih pandang kepada bidang-bidang yang lain yang harus diteroka supaya khazanah negara dapat ditingkatkan dan tidak lagi bergantung hanya kepada sumber-sumber tradisional sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Maka oleh sebab itulah pembangunan harta intelek ini merupakan satu bidang yang cukup penting malahan ia boleh dikatakan yang terpenting kalau kita Malaysia mahu maju dan setanding dengan negara-negara lain di dunia dan ini memerlukan kita memberikan perhatian yang lebih utama kepada aspek-aspek untuk membangunkan bidang harta intelek, dari aspek untuk menyedarkan masyarakat kita tentang pentingnya harta intelek ini, tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan undang-undang yang sudah pun kita kuat kuasakan dan seharusnya dihormati oleh anggota masyarakat kita seperti perlindungan kepada harta intelek, paten, cap dagangan, perihal dagangan dan sebagainya. Yakni dianggap adalah satu perkara yang tidak boleh kita elakkan.

Oleh sebab itulah kita melihat keperluan untuk menubuhkan sebuah perbadanan yang mempunyai kuasa-kuasa yang lebih luas dan tidak terikat kepada perkara-perkara yang biasa dilaksanakan di bawah peruntukan kerajaan ataupun di bawah beberapa peraturan-peraturan yang sedia ada. Pihak kita telah pun mencadangkan supaya perbadanan ini ditubuhkan dengan seberapa segera. Dan saya ingin mengucapkan terima kasih di atas sokongan yang telah diberikan oleh kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat yang membahaskan rang undang-undang sebentar tadi.

Saya ingin hendak menyentuh beberapa perkara yang telah pun dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat dalam ucapan-ucapan perbahasan sebentar tadi. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan telah pun membangkitkan tentang pentingnya kita berusaha bagi menentang kegiatan-kegiatan yang dianggap sebagai pelanggaran kepada hak harta intelek di negara kita. Kita lihat sekarang ini langkah-langkah penguatkuasaan yang diambil oleh pihak kementerian saya dibuat secara berterusan.

Bolehlah saya katakan di sini, ini bukanlah suatu tindakan yang dianggap mudah kerana kita dapati bahawa tahap kesedaran dan juga pemahaman masyarakat kita tentang apa yang dimaksudkan dengan harta intelek itu masih rendah. Maka sebab itu berlakulah beberapa kes yang dianggap pelanggaran kepada undang-undang yang berkaitan dengan perlindungan harta intelek. Sebagai contoh, langkah yang kita ambil untuk membanteras cetak rompak bagi hasil pengeluaran reka cipta penyanyi, penggubah lagu dan juga pengeluar-pengeluar filem dan sebagainya yang pada ketika ini sebagaimana yang kita sedari agaknya berlaku secara begitu berleluasa sehinggalah langkah diambil oleh pihak kerajaan untuk mengharamkan penjualannya secara terbuka dan menghadkan tempat-tempat tertentu untuk digunakan oleh peniaga-peniaga bagi mengedarkan barang-barang yang dianggap asli sahaja.

Dan alhamdulillah, langkah ini nampaknya sudah mula menunjukkan hasil tetapi saya kurang yakin bahawa kalau tindakan penguatkuasaan ini tidak kita teruskan, sama ada kes-kes dan insiden-insiden pelanggaran ini akan terus dapat kita kekalkan dengan kedudukan yang sedia ada ataupun dia akan bertambah lagi. Pada waktu mana mereka beranggapan bahawa pihak kementerian saya tidak ada cukup kakitangan untuk menjalankan tindakan penguatkuasaan dan kita juga terpaksa memikul tugas-tugas yang lain maka pihak-pihak yang tertentu mengambil kesempatan daripada masalah itu untuk terus menjalankan kegiatan-kegiatan yang dianggap mencemarkan ataupun melanggar peruntukan undang-undang walaupun peruntukan undang-undang yang telah Yang Berhormat sendiri meluluskan di Parlimen telah pun memperuntukkan hukuman-hukuman yang berat – denda termasuklah penjara, tetapi masih berlaku pelanggaran seperti itu.

Jadi ini membuktikan bahawa kesedaran dan tahap pemahaman masyarakat kita bukan sahaja mereka yang terlibat dengan industri ini tetapi juga masyarakat umum dengan soal-soal yang berkaitan dengan perlindungan hak cipta dan juga perlindungan kepada harta intelek itu masih terbatas. Sebab itu antara langkah yang akan kita ambil ialah untuk memberikan pendidikan dan juga kesedaran kepada orang ramai tentang betapa pentingnya mereka menghormati undang-undang dan juga sentiasa menilai segala hasil reka cipta dan kreativiti yang telah pun dikeluarkan oleh pencipta-pencipta, baik dari dalam mahupun luar negara, dan tidak mengambil suatu langkah yang boleh membawa kesan yang buruk kepada negara kita, seperti tindakan yang diambil oleh setengah-setengah pihak untuk mewartakan Malaysia sebagai antara mereka yang banyak melakukan kesalahan dan melanggar peruntukan undang-undang hak cipta dan sebagainya.

Saya mengucapkan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng yang telah pun memberikan banyak idea dan pandangan yang cukup baik

dan saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin yang telah terpilih dan beruntung untuk menghadiri satu persidangan WTO di Doha, yang antara lain telah pun membincangkan dengan begitu panjang lebar dan cukup hangat perkara-perkara yang ada berkaitan dengan soal harta intelek, khususnya perkara-perkara yang dianggap ada kepentingan bagi negara-negara membangun ataupun negara-negara yang mundur – *developing countries*, dengan izin ataupun *least developed countries* .

Dan nampaknya di penghujung persidangan itu beberapa keputusan telah pun dicapai yang bagi kita adalah suatu yang boleh dianggap positif dan menguntungkan, malahan boleh membantu Malaysia dalam beberapa hal untuk menangani masalah-masalah tertentu yang dihadapi oleh kita, terutamanya dari segi soal untuk membolehkan Malaysia sebagai contoh, membawa masuk ubat-ubatan ataupun bahan-bahan *pharmaceutical* yang amat diperlukan bagi kesihatan awam dalam bidang AIDS, HIV ataupun penyakit-penyakit yang berbahaya di negara kita.

Kementerian Kesihatan sebagai contoh, telah pun membawa perkara itu kepada pihak kami dan berpendapat bahawa langkah-langkah yang tertentu harus dibuat berdasarkan peruntukan undang-undang supaya keperluan negara untuk memberi bantuan dan rawatan dapat dilaksanakan dengan tidak melibatkan kos yang terlalu tinggi. Saya dimaklumkan bagi merawat seorang pesakit HIV setahun, kerajaan terpaksa menyediakan hampir RM15,000 seorang dan ini mungkin satu angka yang agak konservatif sedangkan jumlah pesakit yang dikatakan sebagai pesakit HIV yang dianggap serius lebih daripada 1,500 orang.

Jadi, ini bermakna kalau dikira dari segi peruntukan yang diperlukan mungkin RM40 – RM50 juta hanya untuk membiayai penyakit sejumlah 1,500 orang sahaja. Ini adalah disebabkan oleh kos bagi membeli ubat-ubatan seperti itu terlalu tinggi kerana pihak syarikat pengeluar yang memiliki paten bagi ubat-ubatan seperti itu mengenakan harga yang agak terlalu besar sehingga banyak negarayang miskin dan membangun tidak mempunyai kemampuan. Afrika sebagai contoh dan banyak negara-negara miskin yang lain tidak mempunyai keupayaan, mungkin Malaysia agak lebih baik sedikit, tetapi kita anggap bahawa masalah kita walaupun tidak serius, ia harus dibendung. Dengan sebab itu, langkah untuk merawat mereka yang terlibat ini dianggap cukup penting.

Ingin saya memaklumkan di sini dalam soal ini sebuah jawatankuasa telah pun ditubuhkan di antara kementerian saya dengan Kementerian Kesihatan dan beberapa agensi lain, dengan tujuan untuk mengadakan perundingan dengan pemilik-pemilik paten ubat-ubatan yang tertentu yang ditentukan oleh pihak Kementerian Kesihatan supaya kita dapat tawaran harga yang berpatutan dengan cara negotiation yang kita akan lakukan, kita berharap perkara-perkara sebegitu dapat dipersetujui atau kalau sekiranya dianggap perlu, maka langkah-langkah boleh diambil oleh pihak kerajaan untuk mengeluarkan lesen di bawah peruntukan *Compulsory licensing* di bawah Akta Paten sebagai contoh untuk menggalakkan sesiapa yang berminat untuk mengeluarkan ubat-ubatan itu dapat diberikan lesen dan ianya dapat digunakan untuk membekalkan ubat-ubatan yang diperlukan oleh negara kita.

Saya ingin juga memaklumkan apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng iaitu apakah peranan yang dapat dimainkan oleh pihak kita dalam hendak menyebarkan maklumat-maklumat dan juga usaha untuk meningkatkan pengetahuan bagi pegawai-pegawai. Ini adalah satu perkara yang sememangnya akan diberikan perhatian yang utama. Kerana kami tahu bahawa aspek pembangunan Harta Intelek ini ia begitu luas melibatkan banyak bidang dan juga yang berkaitan dengan soal bukan sahaja perundangan tetapi juga teknologi yang terkini. Ia memerlukan satu tahap pengetahuan dan kemahiran yang agak tinggi supaya dengan cara begitu kita dapat menguruskan perbadanan ini secara yang lebih berkesan.

Untuk makluman Yang Berhormat sumber kewangan kita berharap akan kita perolehi secara yang mencukupi sebahagiannya akan kita perolehi menerusi peruntukan geran pelancaran yang kita jangkakan sejumlah RM47 juta diperlukan untuk memulakan penubuhan perbadanan ini dan selain daripada itu setiap tahun kita akan memungut fee sebanyak RM20 juta ataupun lebih dan ini akan digunakan sebagai sumber dalaman kita. Di mana kita akan menggunakannya untuk memberikan bantuan-bantuan kewangan yang diperlukan dan juga pakar-pakar yang kita fikirkan

perlu kita lantik, kita akan melantiknya. Yang mana yang dianggap berpengalaman dan sesuai untuk membimbing perbadanan ini.

Di samping itu juga kita telah pun mendapat bantuan daripada badan-badan antarabangsa seperti World Intellectual Property Organization, dengan izin WIPO, European Patent Office dan juga Japan Patent Office. Ketiga-tiga organisasi antarabangsa ini telah pun memberikan banyak kerjasama kepada kita, melatih lebih daripada 120 orang tenaga pegawai dan juga kakitangan serta pakar-pakar daripada Malaysia yang perlu diberikan latihan yang intensif. Seseorang yang ingin menjadi pemeriksa sebagai contoh perlu diberikan latihan setidaknya-tidaknya dua tahun lamanya baharulah mereka itu layak untuk menjadi pemeriksa sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Di samping itu kita akan terus mengadakan seminar dan juga pergerakan kesedaran untuk memberitahu kepada orang ramai, lebih-lebih lagi kepada para penyelidik, ahli-ahli sains, pegawai undang-undang dan mereka yang kita fikirkan ada kepentingan dari segi harta intelek ini supaya dengan cara itu bukan setakat mereka tahu tetapi mereka dapat mengambil tindakan yang agak proaktif bagi membolehkan kita meningkatkan keupayaan kita dari segi pembinaan harta intelek bagi negara kita.

Bagi pegawai-pegawai perbadanan, latihan-latihan dan pendedahan secara berterusan akan dibuat dengan kita bekerjasama dengan badan-badan antarabangsa yang saya sebutkan tadi.

Yang Berhormat Dato' Dr Chin juga telah pun bertanya apakah langkah-langkah dan perhatian yang akan diberikan oleh perbadanan untuk memberikan perlindungan yang secukupnya untuk rakyat tempatan. Sebagaimana yang kita ketahui bahawa undang-undang harta intelek yang sedia ada sekarang ini juga memang memberikan perlindungan yang secukupnya bukan sahaja kepada rakyat tempatan tetapi juga kepada rakyat asing yang mendapat pendaftaran hasil kerjanya dibuat di negara kita.

Yang Berhormat juga telah pun membangkitkan cadangan untuk membolehkan supaya kementerian meminjam pegawai-pegawai daripada MITI yang berada di luar negara dan juga mewujudkan jawatan-jawatan penting untuk pakar-pakar harta intelek supaya kepakaran dan pengetahuan mereka dapat terus dikekalkan. Ada juga dicadangkan supaya jangan ditukar-tukarkan ke tempat lain.

Dengan penubuhan perbadanan ini tentulah kita dapat mengambil tenaga pakar kita sendiri. Walaupun ia bukanlah satu organisasi yang tertutup tetapi sebenarnya dengan adanya perbadanan ia berupaya bagi kita menawarkan skim perkhidmatan yang lebih baik dan juga gaji yang mungkin lebih lumayan berbanding dengan apa yang ada sekarang. Ini tentu akan dapat menarik minat pakar-pakar yang terpilih untuk menjadi ahli dan membantu urusan-urusan di dalam perbadanan ini.

Salah satu daripada tujuan mewujudkan perbadanan ini sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum ialah untuk mewujudkan tenaga ataupun tabungan tenaga pakar yang mencukupi dan ini insyaAllah apabila ianya ditubuhkan kita akan laksanakan. Sebenar-benarnya pegawai-pegawai MITI yang ada di Geneva ini bertanggungjawab dalam hal-hal perdagangan antarabangsa secara am walaupun agak mereka ada memberikan sedikit tumpuan kepada isu-isu yang berkaitan dengan TRIPS agreement tetapi mereka juga menguruskan hal-hal yang lain.

Kita bercadang dengan penubuhan perbadanan ini satu unit antarabangsa atau international affair unite akan kita wujudkan di mana isu-isu semasa yang berlaku di mana-mana sahaja di dunia yang ada kaitan dengan soal harta intelek akan juga dapat diketahui oleh kita dengan lebih dekat dan ianya akan juga dijadikan sebagai salah satu daripada tanggungjawab pihak perbadanan harta intelek ini.

Saya memang bersetuju dengan pandangan beberapa Ahli Yang Berhormat yang mencadangkan supaya kita mengadakan dialog secara berterusan dengan semua badan-badan bukan kerajaan baik di peringkat negara ataupun di peringkat antarabangsa yang dengan cara begitu akan dapat memperkukuhkan sistem maklumat kita. Perkara-perkara yang perlu kita peroleh daripada sumber-sumber luar dan kita mengetahui memang banyak badan-badan yang sudah pun ditubuhkan yang memberikan perhatian kepada soal pembinaan harta intelek. Di Malaysia memang ada, yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi third world network adalah antaranya selain daripada Malaysian Intellectual Property Association (MIPA) yang

memang selama ini telah pun memberikan kerjasama yang cukup erat dengan pihak kementerian.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Dato' Dr. T Marimuthu juga telah pun membangkitkan beberapa perkara dan bertanya apakah peranan perbadanan dalam hendak mengadakan usaha-usaha penggalakan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan ataupun research and development. Sebenarnya ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun menyentuh perkara ini dengan panjang lebar. Saya ingin mengucapkan terima kasih kerana saya juga bersetuju bahawa bidang penyelidikan ini adalah antara bidang yang cukup penting sekali. Yang perlu kita berikan perhatian tetapi yang juga perlu kita lihat di peringkat awal-awal ini selain daripada peranan yang harus dimainkan oleh perbadanan sendiri, menyediakan tenaga-tenaga penyelidikan dan pakar yang kita perlukan ialah untuk kita menghubungi pihak-pihak di luar agensi-agensi dan badan-badan penyelidik di dalam negara termasuklah institusi-institusi yang dimiliki oleh kerajaan, organisasi yang ada mempunyai keupayaan dari segi penyelidikan, universiti yang ada tenaga-tenaga penyelidik yang ramai dan mereka ini mempunyai kemampuan dan dengan cara begitu boleh dapat membantu kita. Kemungkinan besar juga kita akan *outsource* sebahagian daripada keperluan perkara-perkara yang berkaitan dengan penyelidikan dengan mereka-mereka yang saya sebutkan tadi.

Demikian juga kita bagaimana yang mungkin sudah diketahui telah pun menubuhkan *Intellectual Property Training Centre* iaitu pusat latihan bagi meningkatkan keupayaan tenaga-tenaga mereka yang terlibat dalam bidang harta intelek di negara kita. Sekarang ini dijalankan bersama-sama dengan INTAN tetapi selepas ini kita percaya dengan menubuhkan perbadanan secara sendiri maka perbadanan sendiri akan menguruskan bidang yang berkaitan dengan latihan ini.

Kita juga telah pun mengadakan rangka kerja secara erat dengan pihak-pihak yang terlibat dari segi pembangunan industri kecil dan sederhana. Sebagai contoh antara kelemahan industri kecil dan sederhana di negara kita ialah kurangnya minat untuk melebel atau *branding*, iaitu memberi jenama kepada barangan mereka. Sebahagian besar daripada mereka menjadi pengeluar kepada pekilang ataupun pengeluar-pengeluar yang lain yang membeli barangan daripada mereka, kemudian meletakkan jenama-jenama syarikat-syarikat sedangkan produk itu sebenarnya adalah produk yang dikeluarkan oleh kilang-kilang yang diusahakan oleh pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana.

Sebenarnya sudah pun diadakan satu seminar berkaitan dengan perkara ini beberapa minggu yang lepas dan dengan kerjasama kita, kita telah pun menekankan betapa penting antara aspek harta intelek yang harus dibangunkan oleh pengeluar-pengeluar kita dalam bidang *branding* atau jenama. Barangan yang harus diperkenalkan bukan atas nama barangan produk itu sahaja tetapi dengan mengenakan jenama-jenama yang perlu dipromosikan, yang perlu diberikan pengiklanan yang luas dan dengan cara itu meningkatkan nilai produk yang dikeluarkan oleh industri kecil dan sederhana ini.

Kita juga mencadangkan, mungkin selepas ditubuhkan perbadanan ini sebuah badan *subsidiary* ataupun anak kepada badan boleh ditubuhkan untuk menyebarkan maklumat-maklumat mengenai harta intelek, khususnya maklumat-maklumat mengenai reka cipta, hasil-hasil penyelidikan sains dan teknologi yang sudah pun dibuat oleh banyak pihak di luar negara kita.

Di negara-negara maju seperti di Jepun, kegiatan ini merupakan salah satu kegiatan yang menguntungkan. Ia boleh dikatakan dalam - dengan izin - *self-financing* kerana banyak pihak yang berminat membeli segala maklumat-maklumat itu dan ini digunakan untuk membiayai kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh pihak Perbadanan.

Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu juga telah pun bertanya, apakah peranan perbadanan dalam hendak menghalang *bio-piracy* yakni penciplakan ataupun perampokan, kalau dalam bahasa Indonesianya bahan-bahan semula jadi dan asli yang dikeluarkan oleh hutan belantara kita, sebagai contoh.

Kita mempunyai khazanah hutan belantara yang cukup berharga, banyak flora dan fauna yang dikatakan mempunyai pelbagai khasiat dan kualiti perubatan yang begitu tinggi. Mungkin Yang Berhormat sudah sedia maklum, seperti kajian berkenaan dengan tongkat ali, yang dikatakan mempunyai kuasa yang agak istimewa. Sudah ada

penyelidikan dilakukan dan banyak produk sudah dikeluarkan tetapi usaha ini masih lagi berterusan.

Demikian juga sebagai contoh, kerajaan Sarawak sudah membuat kajian berkenaan dengan nilai-nilai bentangor sebagai salah satu daripada tumbuhan yang mempunyai bahan-bahan yang boleh merawat penyakit kanser. Ini bermakna banyak produk di dalam hutan kita yang seharusnya boleh kita teroka.

Memanglah menjadi satu perkara yang cukup penting bagi Malaysia untuk memastikan tidak ada pihak yang tidak berhak mengambil hak kita. Kajian, umpamanya di bawa ke Amerika, ke Rusia, ke Jepun, lepas itu mereka mendapat satu hasil yang dikatakan mempunyai nilai perubatan yang tinggi, sebagai contoh. Kemudian dipatenkan produk itu dan dia kata, ini hak mereka. Ini satu kerugian yang cukup besar bagi kita, Tuan Yang di-Pertua.

Sebab itu, saya sukacita hendak memberitahu bahawa negeri Sarawak sebenarnya sudah pun mempunyai satu enakmen yang berkaitan dengan *bio-diversity*, iaitu diadakan satu undang-undang untuk mengawal supaya tidak ada pihak yang tidak berhak boleh mengambil apa-apa bahan daripada negeri Sarawak dan ianya digunakan untuk penyelidikan, lepas itu ia dipatenkan dan menjadi hak mereka. Saya dimaklumkan negeri Sabah juga berminat untuk mengambil langkah seperti itu.

Sebenarnya di peringkat Persekutuan, ianya masih lagi di peringkat perbincangan di antara pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan juga kementerian-kementerian yang lain termasuk kementerian saya tentang apakah boleh diwujudkan satu akta Persekutuan yang boleh melindungi perkara-perkara yang berkaitan dengan *bio-diversity* ini kerana Yang Berhormat sedia maklum, hal-hal yang berkaitan dengan perhutanan dan sebagainya adalah hak negeri dan kita perlu mendapat satu keputusan daripada mereka sebelum satu rang undang-undang untuk memberikan perlindungan kepada segala khazanah hutan belantara kita itu dapat kita kemukakan ke Parlimen.

Selain daripada perkara ini, kita juga akan mempertingkatkan hubungan kita dengan badan-badan penyelidikan yang ada di negara kita seperti di universiti dan juga institusi penyelidikan-penyelidikan yang telah pun menjalankan banyak penyelidikan di negara kita ini.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng juga telah pun menyentuh tentang pentingnya kita memastikan supaya fungsi perbadanan ini dapat dilaksanakan secara yang cukup berkesan. Dan, beliau telah pun mencadangkan supaya *capacity building* diadakan dengan menghubungkaitkan tugas di perbadanan ini dengan pihak-pihak yang lain termasuk di luar negara kita.

Ingin saya sebutkan di sini memang kita telah pun mengadakan kerjasama yang rapat dengan banyak badan-badan yang lain sebagaimana yang saya sebutkan WIPO, EPO dan juga Japan Patent Office untuk mendapatkan kerjasama bagi melatih pegawai-pegawai kita supaya dapat ditingkatkan keupayaan mereka.

Dari segi kewangan, sebenarnya kita belum ada cadangan untuk menubuhkan apa-apa tabung. Tadi mungkin ada tersilap kenyataan yang saya sebutkan. Sebenarnya ini adalah peruntukan kewangan dan memanglah saya mengucapkan terima kasih atas sokongan Yang Berhormat supaya peruntukan kewangan yang mencukupi disediakan. Ada juga Yang Berhormat sebutkan di sini supaya kita jangan berjimat, we should not be too orang kata lokek sangat untuk mengeluarkan peruntukan supaya segala keperluan tenaga dan juga peralatan dan juga kemudahan-kemudahan teknologi yang diperlukan dapat disediakan secara yang secukup-cukupnya.

Saya ucap terima kasih dan kalau besok ada permohonan baru untuk dibawa ke Parlimen, saya harap Yang Berhormat akan memberikan sokongan yang penuh. Peruntukan RM20 juta hasil daripada kutipan *fee* bagi kami memang mungkin tidak mencukupi tetapi kita kena mengikhtiarkan cara bagaimana termasuklah melaburkan kalau ada simpanan yang lebih dalam bidang-bidang yang boleh menguntungkan.

Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri mengingatkan supaya pelaburan yang dibuat mestilah pelaburan yang menguntungkan. InsyaAllah, dan, kita mungkin perlu mewujudkan penal atau mengadakan pakar-pakar yang berkemampuan dan berkeelayakan untuk memastikan apa-apa keputusan untuk membuat pelaburan dapat dibuat secara yang bijaksana.

Soal yang berkaitan dengan penyelidikan dan pembangunan yang saya sebutkan tadi, saya ingin hendak menambah sedikit lagi iaitu memang setakat ini peruntukan yang disediakan oleh pihak kerajaan, agensi, apa lagi di peringkat sektor swasta adalah amat kecil bagi soal penyelidikan ini. Dan, kita harap dengan tertubuhkan Perbadanan ini aspek-aspek yang berkaitan dengan penyelidikan mengenai dengan memperkayakan khazanah negara dari segi harta intelek ini dapat kita lakukan secara lebih meluas, yang melibatkan banyak perkara. Maka dengan cara begitu kita dapat mewujudkan satu sistem harta intelek yang cukup mantap yang setanding dengan negara-negara maju di dunia.

Saya tidak mahu memberikan komen apa-apa, banyak sangat tentang apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Siti Zailah binti Mohd. Yusoff yang berkaitan tentang permit *Harakah* dan sebagainya. Saya fikir ini adalah hak undang-undang tertentu yang telah pun dikuatkuasakan untuk memastikan hak mengedarkan ataupun mencetak bahan-bahan cetakan dan tentulah kita tidak mahu hanya dengan sebab kita menggalakkan kreativiti dan membuat bentuk hasil penulisan dan sebagainya maka kita memberikan kebebasan yang begitu rupa hingga mungkin hasil-hasil yang kita keluarkan tadi boleh membangkitkan perkara-perkara yang tidak baik dalam masyarakat, yang negatif, yang boleh menimbulkan perasaan permusuhan, tidak baik-baik.

Jadi sebab itu saya fikir Akta dan undang-undang yang sudah sedia ada cukup hendak memastikan supaya hak mereka yang tertentu dapat diberikan secara yang adil tetapi dalam keadaan yang sama hak masyarakat umum ataupun orang awam juga perlulah dilindungi. Maka saya fikir itulah kewajaran tindakan-tindakan yang telah pun diambil oleh pihak kerajaan mengenai perkara ini.

Cadangan supaya keanggotaan perbadanan itu ditambah, saya fikir buat sementara ini mungkin kita baru hendak tubuh, kita akan mengekalkanlah jumlah yang ada. Memangnya tadi ada dicadangkan supaya dilantik lagi Timbalan Pengerusi. Saya cuma hendak memaklumkan, mengikut peruntukan dalam Akta yang kita cadangkan ini bahawa dalam ketiadaan Pengerusi, maka sesiapa di kalangan ahli boleh dilantik untuk menjadi Timbalan Pengerusi dalam mesyuarat perbadanan dan sebagainya.

Jumlah tiga anggota yang dianggap pakar ini memang saya fikir di peringkat awal, cukup walaupun ada dicadangkan hendak ditambah menjadi lima tetapi pada peringkat ini saya fikir mencukupi kerana mereka ini adalah ahli dalam perbadanan. Dia punya *members of the board* dengan izin, tetapi dia disokong oleh pegawai-pegawai di dalam pentadbiran. Jadi di peringkat pegawai, kita akan mempunyai satu jumlah tenaga yang juga mahir, yang boleh kita gunakan untuk membantu supaya perbadanan dan lembaga ini dapat membuat keputusan yang diperlukan untuk kebaikan kita bersama.

Yang Berhormat Datuk Ghazi bin Haji Ramli dengan panjang lebar menyentuh banyak perkara. Saya hendak ucapkan syabas kerana nampak beliau lebih faham daripada saya Tuan Speaker dan rujukan buku-buku yang saya belum pernah baca, beliau telah sebutkan tadi. Tetapi saya percaya ini adalah suatu pandangan yang boleh dikatakan terkedepan. Kita lihat sekarang ini hendak menubuhkan perbadanan untuk menguruskan masalah ini tetapi memang penting bagi perbadanan malah kerajaan mempunyai suatu strategi yang agaknya jelas tentang apa yang kita kehendak dari segi usaha untuk membangunkan harta intelek di negara kita ini. Satu dasar yang jelas mesti kita wujudkan. Dan ini sedang pun kita gubal. *Policy on intellectual property*, dasar mengenai harta intelek. Ini belum ada lagi. Undang-undang sudah lulus, perbadanan hendak ditubuhkan tetapi dasar tentang pembinaan harta intelek belum lagi kita gubal. Jadi agak luar biasa tetapi tak apalah, masih tidak terlewat.

Ini sedang pun kita rangka dan saya akan mengambil kira banyak syor daripada Yang Berhormat Senator Datuk Ghazi yang telah mencadangkan beberapa perkara yang memang saya fikir amat penting dan perlu. Umpamanya 10 tahun akan datang, 20 tahun akan datang ke arah mana kita hendak tuju, apakah kedudukan kita ke hadapan ataupun tertinggal jauh di belakang.

Saya mencatatkan di sini sebagai contoh, bila Yang Berhormat Senator Datuk Ghazi tentang *research* tadi yang juga disebut oleh pihak yang lain. Saya menghadiri satu majlis di mana seorang pakar daripada Stanford Universiti telah memberikan ceramah yang mana banyak Ahli Kabinet dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga hadir membicarakan soal tentang '*Jenom*' *Revolution*' – Revolusi *Jenom*, saya pun

tak faham dalam bahasa Malaysia tentang '*jenom*' ini yang berkaitan dengan *biotechnology* yang menjelaskan bahawa tidak ada banyak beza di antara buah epal dengan *microchip*, monyet, binatang dan manusia. Yang berbeza ialah 0.0000019% sahaja.

Dia boleh mentafsirkan begitu rupa dan ini satu daripada bidang yang sedang diberi perhatian yang paling utama oleh negara maju seperti Amerika dan Jepun. Malahan Amerika terkedepan dalam bidang *biotechnology* ini kerana umpama yang terkini ialah pengumuman tentang Amerika sudah menemui klon bagi manusia. Sebagai contoh sahaja, betapa maju mereka dalam bidang ini.

Dalam soal memperuntukkan peruntukan sahaja, Kerajaan Amerika memperuntukkan USD3 bilion untuk membuat kajian dalam bidang *biotechnology* sahaja. tetapi syarikat yang berkumpul *resources* nya membiayai hampir USD10 bilion, tiga kali ganda daripada apa yang diperuntukkan untuk membuat penyelidikan dalam bidang *biotechnology*.

Ini adalah satu contoh betapa pentingnya kita menyediakan peruntukan yang mencukupi di samping mempunyai kekuatan dan keupayaan untuk membuat penyelidikan secara yang mendalam tentang apa yang penting dan perlu kita lakukan pada masa-masa yang akan datang mengenai aspek ini. Jadi inilah perkara-perkara yang saya fikir memang perlu kita berikan perhatian.

Yang Berhormat Senator Datuk Ghazi juga telah pun menyebut tentang keperluan kita membuat penilaian tentang apa kemampuan kita. Harta intelek, potensi kita sekarang dan masa akan datang. Ini memang satu perkara yang cukup penting bagi kita. Kita boleh mengatakan bahawa sebenarnya kita mempunyai banyak khazanah yang ada potensi dari segi untuk kita bina harta intelek. Kita ada orang yang boleh berfikir, ahli sains, ada banyak pereka, pencipta dan sebagainya.

Tetapi kalau perkara-perkara seperti itu tidak dihasilkan sehingga ia boleh didaftarkan untuk menjadi khazanah harta intelek, itu tidak ada apa-apa makna. Nilai ada, *potential value* ada tetapi nilai sebenarnya tidak ada sehingga ia menjadi satu produk atau barangan ataupun hasil reka cipta yang ia didaftarkan. Dan bila ia didaftarkan, ia ada perlindungan, barulah ada nilainya. Kalau tidak ada perlindungan menerusi akta seperti Akta Hak Cipta dan Akta Paten maka apa-apa penemuan ataupun nilai dari segi harta intelek tidak boleh kita sebut ataupun tidak ada nilai langsung sebenarnya.

Walaupun begitu kita mungkin perlu melihat ke hadapan, apakah bidang-bidang yang kita fikir boleh diketengahkan. Sebagai contoh, semua orang tahu bahawa Malaysia yang terkemuka dari segi penyelidikan yang berkaitan dengan produk getah, *rubber base*. Saya kira RRI sudah ditubuhkan mungkin hampir 100 tahun agaknya. Sudah banyak hasil penyelidikan dibuat. Saya kurang pasti, berapakah hasil-hasil penyelidikan itu yang sudah pun dipatenkan. Hasil produk daripada getah sebagai contoh.

Kita terkemuka dalam bidang kelapa sawit. Baru-baru ini kita tahu sudah pun diputuskan untuk mengeluarkan minyak diesel daripada kelapa sawit. Mungkin sebelum ini kita fikir minyak diesel hanya daripada sumber petroleum asli sahaja. Sekarang sudah boleh dikeluarkan daripada kelapa sawit. Saya belum pasti sama ada yang ini sudah dipatenkan atau pun belum.

Saya menyebut satu, dua contoh, bahawa kita mempunyai potensi yang banyak, yang sudah ada hasilnya, yang sudah ditemukan dengan satu perkara yang dianggap baru dan mempunyai nilai tinggi tetapi ia perlu didaftarkan mengikut undang-undang dan inilah sebenarnya langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak perbadanan supaya agensi-agensi penyelidikan yang sudah sedia ada, yang sudah membuat penemuan yang pelbagai, yang mempunyai nilai dari segi harta intelek mesti mereka ini dibertahu hukumnya wajib, mereka mesti daftarkan dan secepat mungkin didaftar mungkin lebih baik. Kerana siapa yang cepat, dia punya sahaja yang mendapat perlindungan.

Kalau kita sudah membuat satu penyelidikan dan kita fikir perkara itu baru sebenarnya sudah ada orang lain mulakan maka hasil yang kita buat mungkin membazir begitu sahaja. Banyak belanja, mungkin kita anggap itu satu yang baru tetapi orang lain sudah mendahului kita. Maka langkah seperti inilah yang kira cukup

penting bagi kita untuk memperingatkan kepada mereka yang ada terlibat dalam bidang penyelidikan dan sebagainya.

Memang dengan majunya Malaysia dalam bidang MSC dan k-ekonomi sudah pun diberikan tekanan oleh pihak kerajaan sebagai masa depan kita dalam bidang pembangunan ekonomi pada masa akan datang, ini berasaskan pengetahuan. Maka segala-galanya ini memerlukan kita memberikan perhatian yang lebih kepada pembinaan satu sistem harta intelek yang dianggap lebih maju daripada masa-masa yang lepas.

Yang Berhormat Senator Datuk Ghazi telah pun mencadangkan supaya ditubuhkan Malaysian International Property Center, kalau boleh saya sebutkan tadi. Ini satu cadangan yang baik saya kira. Mungkin bila sampai satu peringkat apabila sudah menjadi suatu organisasi yang cukup mantap dan kukuh dan idea-idea seperti ini seharusnya dapat kita teroka, mungkin lebih awal lebih baik bagi kita supaya di situ segala pihak yang mempunyai minat untuk mengetahui tentang bidang-bidang tertentu dari segi harta intelek dapat menggunakan segala kemudahan yang ada untuk meneroka bidan-bidang baru ini.

Ya memang ada cadangan supaya kita *coordinate*, menyelaraskan supaya keupayaan kita dalam bidang harta intelek ini dilakukan. Ini antara fungsi yang telah pun kita sebut dalam undang-undang yang akan dilakukan oleh perbadanan ini, Insyallah.

Ada juga dicadangkan tentang penting kita mengumpul data, kita perlu wujudkan satu sistem data. Data base system yang kukuh di peringkat kita ini, umpama sahaja sebagai contoh dalam bidang paten, saya baru balik daripada Jepun melihat bagaimana Japan Patent Office menguruskan segala khazanah maklumat yang berkaitan dengan paten, bukan sahaja di Jepun tetapi di seluruh dunia yang dimasukkan dalam sistemnya dan sesiapa sahaja yang berminat untuk mengetahui apa sahaja, di mana sahaja boleh dapat asses kepada maklumat itu, ada juga yang diberikan secara percuma kepada rakyat mereka. Dan ini perkaraperkara yang harus diambil kira oleh perbadanan pada masa-masa yang akan datang.

Tentang kerjasama yang perlu kita wujudkan dengan Kementerian Pendidikan, insya-Allah kita akan lakukan termasuklah dengan institusi pendidikan tinggi kerana mereka mempunyai banyak tenaga penyelidik, dan ini tentulah kita perlukan pada masa-masa yang akan datang.

Idea daripada Yang Berhormat Datuk Ghazi tentang national data base, saya telah menyebutkan tadi, ini satu perkara yang kita akan cuba wujudkan, tetapi mewujudkan stock exchange on intellectual capital, saya perlu belajar daripada Yang Berhormat sendiri apa yang dimaksudkan perkara itu. Maksud saya ialah bahawa kita mungkin akan melihat secara berperingkat-peringkat bagaimana perkara seperti yang dicadangkan tadi, mungkin ada dibuat di tempat lain, sama ada sudah sampai waktu dan ketikanya, agak sesuai untuk kita laksanakan di sini dan sama ada kalau pun ada sistem itu, ia viable kerana yang saya maksudkan awal-awal pun tadi, bahawa kita belum lagi mempunyai jumlah harta intelek yang cukup banyak, paten kita pun cuma 200 sahaja setahun, orang lain beratus ribu, jadi kemungkinan di peringkat awal ia tidak lagi begitu viable, tetapi satu idea yang seharusnya kita teroka untuk masa-masa yang akan datang.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah antara perkaraperkara yang ingin saya sebutkan di sini, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih, kalau pun saya tidak dapat hendak menyentuh kesemua perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, perkaraperkara itu ada dalam perhatian rekod pihak kita di kementerian dan saya ingin hendak mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah pun memberikan idea dan insya-Allah dengan sokongan daripada Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, kita harap perbadanan ini akan dapat diwujudkan dengan seberapa segera dan kita harap ia akan berfungsi sebagaimana yang kita semua harap-harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 41 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Jadual I dan II diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PATEN (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.08 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Paten 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan melalui rang undang-undang ini secara amnya untuk membuat pindaan berbangkit bagi menyesuaikan beberapa peruntukan akta itu dengan peruntukan Rang Undang-undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2001.

Ini termasuklah pindaan untuk menjadikan Ketua Pengarah Perbadanan Harta Intelek sebagai pendaftar paten dan memberi kuasa kepada perbadanan untuk melantik pegawai-pegawai lain.

Dengan penubuhan perbadanan itu juga, Lembaga Paten yang ditubuhkan di bawah Akta Paten akan dimansuhkan dan fungsinya diambil alih oleh Lembaga Pengarah Perbadanan Harta Intelek.

Berikutan dengan itu, perkataan 'lembaga' yang terdapat dalam beberapa seksyen kepada Akta Paten 1983 diganti dengan perkataan 'perbadanan' dan bahagian serta jadual yang berkaitan dengan Lembaga Paten adalah dimansuhkan.

Pindaan-pindaan ini tidak melibatkan implikasi kepada pihak-pihak lain. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Paten 1983 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dijemput Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

4.10 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong pindaan kepada Akta Paten 1983 seperti yang telah diterangkan kerana ini adalah lanjutan daripada pindaan-pindaan ataupun daripada pindaan-pindaan fungsi kepada Perbadanan yang baru kita luluskan itu.

Di bawah pindaan kepada seksyen 9 ada disebutkan bahawa pejabat untuk Pendaftaran Paten ini akan ditubuhkan di beberapa tempat seperti yang diperlukan untuk tujuan-tujuan akta ini. Saya hanya hendak komen tentang perkara ini dan saya harap oleh kerana begitu penting usaha untuk perkara paten dan juga untuk menggalakkan rakyat kita memohon paten dan juga untuk menyelaraskan perkara yang ada kaitan dengan penyebaran maklumat dan sebagainya, saya berharap supaya di

tiap-tiap negeri kita akan ditubuhkan satu pejabat cawangan untuk tujuan ini. Kalau kita hanya hadkan di negeri-negeri tertentu sahaja, mungkin usaha untuk meningkatkan kesedaran dan juga menyebarkan maklumat itu tidak begitu licin dan ini sedikit sebanyak akan menjejaskan tugas kita dalam suatu hal di mana di negara-negara lain banyak kerja telah dijalankan.

Saya juga ingin menyentuh sedikit tentang seksyen baru yang menggantikan seksyen 77 itu, iaitu tidak ada pendakwaan kecuali oleh pendakwa raya atau dengan persetujuan secara bertulis oleh pendakwa raya. Oleh kerana peruntukan ini ada dalam pindaan, saya harap satu kerjasama yang rapat diadakan di antara Kamar Peguam Negara dengan Kementerian supaya semua tugas yang kena didakwaan itu dapat dijalankan dengan licin. Saya tidak mahu melihat satu keadaan di mana sesuatu pendakwaan itu tidak dapat dilangsungkan oleh kerana ada sedikit masalah di antara kedua-dua pihak ini.

Dengan kata-kata demikian, saya menyokong pindaan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Jemput. *[Tiada perbincangan]* Kalau tidak ada, kita jemput wakil Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk menjawab.

Tuan Wong Kam Hoong: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng yang membangkitkan dan memberi beberapa cadangan iaitu penubuhan pejabat cawangan di tiap-tiap negeri dan juga menggalakkan rakyat betapa pentingnya untuk memohon paten dan mendaftarkan paten. Ini memang satu rancangan yang akan dirangka oleh Perbadanan Harta Intelek mengikut peringkat iaitu mula-mulanya cawangan-cawangan akan diadakan di ibu kota-ibu kota negeri dan juga negeri-negeri di mana ada rancangan perindustrian yang pesat, sebab kadangkala paten-paten yang kita terima adalah daripada pereka cipta atau daripada pengilang-pengilang. Ini adalah satu cadangan yang baik dari Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Berkenaan dengan seksyen 77 iaitu tiada ada pendakwaan bagi apa-apa kesalahan di bawah akta ini kecuali oleh atau dengan keizinan secara bertulis pendakwa raya, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng untuk perlindungan yang efektif, satu tindakan yang akan diambil mesti dijalankan dengan licin dan lancar. Dengan ini saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Fasal 1 hingga 17 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CAP DAGANGAN (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua dan ketiga

4.18 ptg.

Tuan Wong Kam Hoong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cap Dagangan 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan melalui rang undang-undang ini juga pada amnya merupakan pindaan berbangkit bagi menyesuaikan beberapa peruntukan termasuk takrif dan perkataan yang terdapat dalam akta itu dengan takrif dan perkataan yang terdapat dalam Rang Undang-undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2001. Ini termasuklah peruntukan bagi menjadikan Ketua Pengarah Perbadanan Harta Intelek sebagai Pendaftar Cap Dagangan dan memberi kuasa kepada Perbadanan untuk melantik pegawai-pegawai lain. Pindaan-pindaan ini tidak melibatkan implikasi kepada pihak-pihak lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cap Dagangan 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Jemput Yang Berhormat Dato' Ghazi

4.19 ptg.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan rang undang-undang ini dan saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat kerana telah menyampaikan rang undang-undang dengan jelas, pendek, padat dan terang. Oleh kerana ini adalah susulan kepada Rang undang-undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2001 dan menerangkan lagi, menjelaskan lagi tentang kedudukan Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar, saya menyokong kuat supaya ini diluluskan.

Saya hanya ingin meminta penjelasan satu perkara sahaja iaitu mengenai peruntukan kecualian seksyen 11 (1) mengenai seksyen 4 dan 8 yang saya nampak begitu kurang jelas, saya minta sedikit penerangan dan penjelasan daripada Yang Berhormat. Itu saja dan saya sokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk menjawab.

4.20 ptg.

Tuan Wong Kam Hoong: [*Mencari-cari nota*] Saya hendak minta Datuk beritahu sentuh seksyen apa? Seksyen 11?

Timbalan Yang di-Pertua: Minta Datuk ulang balik sekali.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, muka surat lima peruntukan kecualian Seksyen 11(1) pindaan kepada Seksyen 4 dan 8 Akta itu. Saya kurang jelas. Jadi, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat. *Paragraph* itu panjang Yang Berhormat. Jadi, saya nampak....

Tuan Wong Kam Hoong: Saya pun sedikit keliru dengan ini. Bolehkah saya minta daripada pegawai saya penjelasan untuk....

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Boleh, boleh, boleh!

Tuan Wong Kam Hoong: Sila tunggu. Nanti.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Dr. Chin cuba hendak tolong agaknya. Jemput Dato' Dr. Chin.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Saya mungkin beri sedikit pendapat tentang ini. Biasanya kalau kita meminda sesuatu peruntukan maka kalau ada apa-apa kegiatan atau usaha yang dalam pertimbangan sebelum itu maka itu tidak akan terjejas dan biasanya dibiarkan berterusan di bawah akta lama itu sehingga ianya dipinda. Kalau kita lihat dalam pindaan-pindaan lain pun ada peruntukan semacam ini iaitu a "saving" provision supaya kerja-kerja yang sedang dalam perjalanan tidak terjejas kerana pindaan yang kita terima hari ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya rasa Dato' Dr. Chin cuba membantu menjelaskan sedikit tadi.

Tuan Wong Kam Hoong: Saya minta maaf, Yang Berhormat Datuk Ghazi sebab ini tidak tertulis dalam nota-nota saya. Saya fahamkan ialah yang sedang dijelaskan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin iaitu kalau ada apa-apa pindaan yang sedang ada di dalam Akta ibu yang bercanggah dengan pindaan itu maka "saving clause" akan mengecualikan apa-apa yang bercanggah. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: Dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG HAKCIPTA (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.26 ptg.

Tuan Wong Kam Hoong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu rang undang-undang bernama "Suatu akta untuk meminda Akta Hakcipta 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang".

Tuan Yang di-Pertua, cadangan mewujudkan Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2001 memerlukan pindaan berbangkit ke atas Akta Hakcipta 1987 khususnya dari segi takrif dan pentadbir bagi akta ini. Melalui pindaan ini, Ketua Pengarah Perbadanan Harta Intelek Malaysia akan dijadikan Pengawal Akta Hakcipta 1987, manakala pelantikan pegawai-pegawai lain di bawah akta itu adalah dalam bidang kuasa perbadanan.

Pindaan ini melibatkan Seksyen 5, Akta Ibu. Di samping itu, peluang ini juga diambil untuk memperkemas beberapa peruntukan sedia ada seperti berikut.

- (i) meminda Seksyen 22 Akta ibu bagi memperkemas pentaksiran mengenai tarikh permulaan bagi perlindungan sesuatu hasil filem;
- (ii) meminda Seksyen 41A, Akta Ibu untuk menjelaskan bahawa tindakan mengkompaun di bawah akta itu boleh dibuat dengan kebenaran bertulis pendakwa raya;
- (iii) menggantikan peruntukan Seksyen 53, Akta Ibu dengan peruntukan baru bagi menjelaskan bahawa tindakan pendakwaan di bawah akta itu hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis pendakwa raya; dan
- (iv) pindaan ke atas Seksyen 41A dan Seksyen 53 itu adalah untuk menyelaraskannya dengan peraturan mengkompaun dan pendakwaan yang berkuat kuasa sekarang.

Secara keseluruhannya pindaan-pindaan yang dicadangkan itu adalah merupakan pindaan kecil dan tidak menjejaskan pihak-pihak yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama "Suatu akta untuk meminda Akta Hakcipta (Pindaan) 2001" dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Dijemput Dato' Dr. Chin.

4.28 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberi kebenaran untuk membahaskan pindaan kepada Akta Hakcipta 1987. Saya ada satu komen yang penting berkenaan dengan pindaan kepada Seksyen 41A. Dan pindaan kepada Seksyen 41A ini bertujuan memberi hak kepada pengawal untuk mengkompaunkan sesuatu kesalahan sekiranya keizinan bertulis diperolehi daripada pendakwa raya.

Jadi, saya ingin bertanya beberapa perkara tentang pindaan yang dicadangkan ini. Biasanya apabila sesuatu kesalahan itu dilakukan kita ada dua cara untuk menyelesaikannya. Sekiranya pihak itu mengakui salah maka ada peruntukan untuk mendenda iaitu melalui satu proses kompaun dan untuk kesalahan-kesalahan tertentu mungkin kompaun itu tidak mencukupi dan pihak tertentu akan dibawa ke mahkamah untuk didakwa. Biasanya pendakwaan itu mengambil masa yang begitu panjang dan tidak ada kemungkinan pihak pendakwa raya itu boleh menang kes dalam mahkamah dan untuk menyelesaikan kes-kes sedemikian biasanya cara yang digunakan ialah supaya kenakan kompaun.

Jadi di sini kita juga diminta meluluskan satu lagi perkara untuk mengetatkan proses kompaun itu sungguh pun pihak pengawal yang lebih memahami akta ini dan juga peruntukan-peruntutannya telah bersetuju kes itu boleh dikenakan kompaun tetapi ia kena mendapat keizinan daripada pendakwa raya secara bertulis. Saya hendak tahu, adakah pengawal sudah ada satu jadual kompaun untuk kes-kes tertentu. Sama ada satu jadual kompaun telah disediakan sebagai garis panduan kepada pengawal dan adakah kalau beliau rujuk kepada jadual itu, beliau boleh buat keputusan dan sama ada kalau jadual itu ditunjukkan kepada pendakwa raya awal-awal dan kalau dipersetujui oleh pendakwa raya sama ada itu boleh digunapakai ataupun dalam tiap-tiap kes seperti yang diperlukan di bawah pindaan ini kena mendapat keizinan secara bertulis dan adakah ini akan mengambil masa dan adakah ini akan melemahkan proses untuk mengenakan denda kepada orang yang sudah akui salah dan sudah rela untuk dikompaun tetapi sekarang kena menghadapi lagi satu proses yang bagi saya begitu rumit, mungkin penuh dengan birokrasi dan akan melemahkan semangat untuk mengenakan kompaun.

Jadi adalah lebih baik, pada pendapat saya bahawa kalau kita bereskan perkara ini dengan adakan satu jadual tertentu seperti di bawah Akta Polis kalau kita letak di satu zon dilarang meletak kereta maka ada kompaun tertentu. Kalau kita tidak berhenti apabila lampu isyarat itu menunjukkan merah maka ada kompaun tertentu dan juga kalau kita terlalu laju maka ada juga kompaun tertentu dan semua ini diberi hak kepada pegawai polis untuk melaksanakannya tanpa merujuk tiap-tiap kes kepada pendakwa raya ataupun kepada pihak atasan untuk mengenakan kompaun.

Jadi adalah lebih baik pada pendapat saya kalau perkara ini dibereskan dan bukan tiap-tiap kes kena dirujuk kepada pendakwa raya sungguhpun pengawal itu sudah buat keputusan boleh kompaun tetapi sebelum beliau berbuat demikian beliau kena dapat persetujuan daripada pendakwa raya. Itulah komen saya tentang aspek ini sahaja dan bagi pindaan-pindaan lain, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, dijemput Dato' Dr. T Marimuthu, sila.

4.35 ptg.

Dato' Dr. T Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana rang undang-undang ini '*consequential*' saya tidak dapat memberi alasan panjang tetapi saya minta penjelasan sedikit mengenai pindaan Seksyen 4 iaitu 4(1) di mana dicatatkan Ketua Pengarah Perbadanan hendaklah Menjadi Pendaftar Reka Bentuk Perindustrian. Ini juga saya nampak untuk Rang Undang-undang Paten juga Ketua Pengarah

Perbadanan menjadi pendaftar dan juga untuk Rang Undang-undang Cap Dagangan, Ketua Pengarah Perbadanan menjadi pendaftar dan juga Rang Undang-undang Hak Cipta di mana Ketua Pengarah Perbadanan menjadi pengawal hak cipta dan di sini juga beliau menjadi Pendaftar Reka Bentuk Perindustrian.

Saya ingin tahu apakah terjadi kepada pendaftar itu yang asal. Adakah beliau menganggur ataupun dipindahkan untuk jawatan-jawatan yang lain dan juga saya ingin tahu, bolehkah seorang Ketua Pengarah Perbadanan boleh memikul beban kerja sebagai pendaftar untuk beberapa rang undang-undang.

Itu sahaja saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dan saya ingin menyokong Rang Undang-undang Akta Reka Bentuk Perindustrian.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Datuk Ghazi, sila.

4.37 ptg.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana membenarkan saya bercakap dalam membahaskan rang undang-undang mengenai Akta Hakcipta 1987.

Saya ucap terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat kerana menyampaikan penerangan ringkas dan terang tadi dan saya turut menyokong pandangan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin tadi merujuk kepada pindaan Seksyen 41A mengenai kompaun. Cuma saya sedikit hendak tambah apa yang telah dibangkitkannya. Saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat kepada Seksyen 41A (a). Dalam Subseksyen 1 dengan menggantikan perkataan dengan izin, "*boleh mengkompaun*" dengan perkataan yang seterusnya. Jadi dulu boleh kompaun, sekarang boleh kompaun tetapi dengan izin pendakwa raya. *Point* yang ingin saya tekankan di sini ialah *imply meaning* dengan izin, seksyen ini ialah sudah ada pun daftar kompaun, sebab itulah dulu dia boleh kompaun.

Jadi saya hendak tahu apa kompaun yang ada sekarang ini jadual dia ini dia punya *imply meaning* dengan izin. Jadi apa bentuk kompaun yang ada A,B,C,D, berapa harga dan berapa *amount* nya dan kemudian, saya ingin mengetahui apakah rasionalnya kalau *amount* nya adakah agak terlalu amat besar sehingga memerlukan pindaan terpaksa bila hendak kompaun pada masa depan merujuk kepada pendakwa raya. Ini satu *point*.

So saya bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Chin tetapi saya soal agak tambah sedikit. Kita sebenarnya andaian itu sudah ada, kompaun pun sudah ada, kita hendak tahu apa kompaunnya mengikut jadual dan apa rasionalnya yang tukar menjadi susah lagi itu. Saya amat bersetuju yang dikatakan buang masa, panjang masa dan lebih efektif sedangkan niat dan hajat mewujudkan Perbadanan Harta Intelek tadi kita sudah bercakap dengan panjang lebar untuk menyelaraskan, melicinkan lebih autonomi dan sebagainya. Ini sudah timbul dalam susulan akta itu sendiri, bibit-bibit yang menghakis kebolehan untuk autonomi itu.

Dan berikutan dengan itu, Tuan Yang di-Pertua saya ingin minta juga sedikit penjelasan tentang seksyen yang sebelum daripada itu, pindaan Seksyen 22. Ini pun dengan ikhlas saya kurang faham Pindaan Seksyen 22, Fasa 4, menyebut Seksyen 22 Akta itu dipinda dengan memotong perkataan "... atau mula-mula dijadikan tersedia kepada orang awam atau dibuat mengikut mana-mana yang paling kemudian". Saya cuba nak faham ini dalam huraian, katanya dalam huraian, bagi mengelakkan masalah pentafsiran memandangkan penerbitan pertama telah pun dijelaskan dalam Seksyen 4 akta itu. Faham sikit tapi masih ragu Saya tidak tahu macam mana hendak interpretasi. Apa sebenarnya yang dimaksudkan dengan pindaan yang dicadangkan ini.

Selain daripada itu saya turut menyokong pindaan ini secara keseluruhan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Menteri, wakil untuk menjawab.

Tuan Wong Kam Hoong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, Yang Berhormat Dato' Dr. T.

Marimuthu dan juga Yang Berhormat Datuk Ghazi yang memberi pandangan terhadap beberapa pindaan di sini.

Yang Berhormat Dr. Chin Fook Weng dan juga Yang Berhormat Datuk Ghazi membangkitkan isu berkenaan dengan mengapa pindaan ini, sebelum kompaun dibuat perlu mendapat keizinan secara bertulis daripada pendakwa raya.

Tuan Yang di-Pertua, kes-kes yang melibatkan hak cipta adalah kompleks. Maka oleh itu memerlukan keizinan bertulis daripada pendakwa raya. Saya sebut satu kes, misal kata filem-filem, CD atau VCD, kalau kita ambil tindakan perundangan untuk mendakwa penjual VCD cetak rompak dan sebagainya, kita perlu pengesahan daripada pemilik hak cipta itu atau tuan punya hak cipta itu dan mereka juga perlu uji tayang, *we have to view film* ini sama ada *film* ini adalah dimiliki oleh tuan punya hak cipta itu. Sebab itulah kita memudahkan dakwaan atau tindakan perundangan supaya ini akan memudahkan tindakan yang akan diambil a Yang Berhormat Dato' Dr. Chin juga membangkitkan berkenaan satu jadual untuk hak cipta, ini tidak sama dengan pelanggaran trafik atau *traffic offences* tidak sama. Kalau *traffic offence*, senang sahaja, parking tempat tidak boleh tempat letak kereta, tidak boleh belok kanan dan sebagainya. Untuk hak cipta ada pelbagai jenis kesalahan dan susahlah untuk menyeragamkan kesemuanya dan susah untuk ada satu jadual bila melanggar hak cipta atau mencerobohi hak cipta orang ada 1,000 atau 5000 dan sebagainya. Tiap-tiap kes tidak sama dan tiap-tiap kes beratnya tidak sama, yang ada cuma meniru sahaja barang-barang dan ada cuma isi kandungan barang-barang mereka campur dengan yang lain dan sebagainya. Sebab itu susah hendak ada satu jadual untuk kompaun itu.

Berkenaan dengan Yang Berhormat Datuk Ghazi membangkitkan berkenaan dengan pindaan kepada Seksyen 22 iaitu *duration of copyright film*. Saya baca Seksyen 22 Akta ibu - *Copy right in a film shall succæd until 50 years on the beginning of the 'calendar' next following the year in which the film was first published*. Pindaan ini dibuat untuk menyelaraskan tafsiran *duration of copy right film* ini, seksyen 22, itu satu.

Dato' Dr. Marimuthu membangkitkan berkenaan dengan mengawal pindaan Ketua Pengarah Perbadanan adalah menjadi pengawal hak cipta ini untuk menyelaraskan pentadbiran hak cipta sahaja, itu satu pentakrifan sahaja. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui,

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dibacakan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG REKA BENTUK PERINDUSTRIAN (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga.

4.49 ptg.

Tuan Wong Kam Hoong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini adalah untuk membuat pindaan berbangkit bagi menyesuaikan beberapa peruntukan sedia ada dengan peruntukan Rang Undang-undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2001. Ini termasuklah peruntukan bagi menjadikan Ketua Pengarah Perbadanan Harta Intelek sebagai pendaftar reka bentuk perindustrian dan memberi kuasa kepada Perbadanan membuat pelantikan pegawai-pegawai lain. Peluang ini juga diambil untuk memperkemas peruntukan Seksyen 5 Akta itu iaitu mengenai penubuhan pejabat cawangan dan peruntukan Seksyen 8 Akta itu iaitu mengenai masa untuk orang ramai memeriksa buku daftar. Pindaan-pindaan itu tidak melibatkan implikasi kepada pihak-pihak lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di depan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 dibacakan kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PETUNJUK GEOGRAFI (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.52 ptg.

Tuan Wong Kam Hoong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Petunjuk Geografi 2000 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Rang Undang-undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2001 juga memerlukan pindaan berbangkit ke atas Petunjuk Geografi 2000 iaitu untuk menyesuaikan beberapa peruntukan, takrif dan perkataan yang terdapat dalam akta itu dengan Rang Undang-undang Perbadanan Harta Intelek 2001. Ini termasuklah peruntukan bagi menjadikan Ketua Pengarah Perbadanan Harta Intelek sebagai Pendaftar Petunjuk Geografi dan memberi kuasa kepada perbadanan melantik pegawai-pegawai lain. Di samping itu, peluang ini juga diambil untuk memperkemas beberapa peruntukan Akta Petunjuk Geografi 2001 seperti berikut:-

- (i) meminda seksyen 11 Akta itu untuk membolehkan permohonan Pendaftaran Petunjuk Geografi dibuat melalui ejen;
- (ii) meminda Seksyen 19 bagi menjelaskan bahawa tempoh Pendaftaran Petunjuk Geografi adalah selama 10 tahun dan

juga memperuntukkan peraturan-peraturan untuk pembaharuan sesuatu pendaftaran;

- (iii) meminda seksyen 30(2) bagi membolehkan Menteri membuat peraturan-peraturan mengenai kelayakan seorang ejen petunjuk geografi.

Pindaan-pindaan ini akan menjadikan peruntukan-peruntukan mengenai Pendaftaran Petunjuk Geografi lebih kemas lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Petunjuk Geografi 2000 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Dijemput Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

4.56 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin menyokong pindaan kepada Akta Petunjuk Geografi 2001 itu. Saya ingin merujuk kepada seksyen 11 dan juga seksyen 11A dalam pindaan ini. Di bawah seksyen 11, ada diperuntukkan bahawa untuk seseorang yang bukan pemastautin di Malaysia, atau juga bukan rakyat Malaysia, kalau ia ingin mendaftarkan sesuatu petunjuk geografi, ia memerlukan seorang ejen untuk membantu pendaftaran tersebut dan juga seksyen 11A itu ada peruntukan tentang ejen, siapa layak, siapa boleh dilantik dan juga tentang aspek-aspek lain dan di bawah 11A (2) itu, ada dikatakan kelayakan dan cara pendaftaran seseorang ejen hendaklah sebagaimana yang ditetapkan.

Jadi, 11A adalah satu seksyen yang baru dan saya sangat mengalu-alukan bahawa sesuatu pendaftaran itu lebih baik dibuat oleh seseorang yang sudah ada kepakaran tertentu dan satu kumpulan pakar ini sekarang dinamakan ejen dan untuk membolehkan ejen ini membuat kerja dengan baik, supaya tidak ada masalah dan sebagainya, kawalan terhadap kumpulan ejen ini sangat penting dan dalam pindaan ini, ada disebutkan bahawa kelayakan dan cara pendaftaran itu akan ditetapkan kemudian. Adalah lebih baik kita di sini diberitahu tentang apa buah fikiran Kementerian dalam aspek ini supaya kita di sini boleh memberikan input. Sekarang kita diminta meluluskan satu pindaan tanpa menyatakan kelayakan ejen itu sama ada ia perlu mengadakan satu pejabat, sama ada dia kena buat kerja di Malaysia sahaja. Tentang kelayakan-kelayakan lain pun tidak disebutkan. Kalau mereka buat sesuatu kesalahan, apakah denda yang boleh dikenakan kepada mereka, itu juga kita tidak diberitahu. Jadi saya dapati mungkin perkara ini belum lagi difikirkan, diberi pemikiran yang mendalam tentang perlantikan agen ini.

Bagi saya perlantikan ini sangat penting kalau kita mahu pendaftaran petunjuk geografi itu dijalankan dengan beres, kerana saya difahamkan di negara-negara lain, ini adalah satu kerja yang begitu penting dan ia memerlukan kepakaran yang begitu terkawal sehingga mereka yang menjadi agen itu boleh diberi bayaran yang begitu lumayan untuk menjalankan kerja-kerja ini.

Oleh kerana itu, tanggungjawab mereka juga begitu penting dan begitu berat. Adalah lebih baik dan saya lebih yakin kepada sistem itu kalau sudah kita diberi tahu sedikit-sebanyak tentang aspek perlantikan agen, tentang kelayakan agen ini dan apa jua syarat yang akan ditetapkan oleh Perbadanan atau pun Kementerian tentang seseorang agen itu. Dan adakah agen-agen yang akan dilantik itu mesti mempunyai sendiri ekuiti 100% kalau mereka membuka satu pejabat baru, atau pun mereka boleh berkongsi dengan agen-agen di luar? Ataupun bolehkah agen-agen dari luar Malaysia itu membuka pejabat di Malaysia dan menjalankan tugas ini sebagai seorang agen?

Bagi saya itu adalah perkara-perkara yang begitu penting, tetapi nampaknya kita tidaklah diberi tahu tentang ini. Cara dan kelayakan itu mungkin akan di beri tahu nanti; selepas kita meluluskan pindaan-pindaan ini baru kita akan memikirkan perkara itu. Adalah lebih baik kalau perkara ini diberi perhatian atau pun mungkin Kementerian itu tahu apa yang mereka inginkan dan mungkin nanti semasa menjawab pertanyaan saya kita boleh diberi maklumat yang lebih terperinci tentang perkara ini, kerana tanpa

agen seseorang yang bukan bermastautin di Malaysia tidak dapat mendaftarkan sesuatu petunjuk geografi. Ianya mesti melalui agen. Jadi agen itu akan memainkan satu peranan yang begitu penting dalam segala proses itu. Jadi kalau boleh, saya mintalah sedikit penjelasan tentang aspek ini. Dan selain daripada itu saya menyokong pindaan-pindaan yang dicadangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di Pertua: Jemput wakil Yang Berhormat Menteri.

Tuan Wong Kam Hoong: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng yang begitu layak dalam bidang itu selepas beliau menghadiri WTO di Doha. Di sini beliau membangkitkan berkenaan dengan kelayakan agen-agen petunjuk geografi.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Petunjuk Geografi Tahun 2000 adalah satu akta yang baru iaitu digubal atau diluluskan pada tahun 2000. Buat masa ini tidak ada satu pendaftaran di bawah akta ini. Tadi semasa perbahasan berkenaan dengan Perbadanan Harta Intelek, Yang Berhormat Dato' Dr Chin telah membangkitkan berkenaan dengan sate kajang dan sebagainya dan kita akan kehilangan semua ini kalau semua ini tidak didaftarkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk seseorang yang akan menjadi agen petunjuk geografi, kelayakan belum ditetapkan, tetapi di bawah pindaan Seksyen 32, Yang Berhormat Menteri akan menetapkan kelayakan agen dan perkara lain yang berhubung dengan kelayakan itu. Bolehlah dikatakan di sini, kelayakan seorang agen ialah ia mesti ada latar belakang dalam bidang harta intelek, beliau adalah seorang berijazah dan beliau adalah menceburi dalam bidang harta intelek. Berkenaan dengan kelayakan yang sama, seseorang itu mestilah mempunyai syarikat-syarikat. Berkenaan dengan modal-modal, ini akan ditetapkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, itulah perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Chin, dan di sini sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan dalam Akta itu dan juga pindaan-pindaan susulan dengan pindaan-pindaan melibatkan lima lagi lain-lain akta harta intelek. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibaca kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai jawatankuasa.

[Timbalan Yang di Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Fasal-fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; Dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PEMAJU PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN) (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.10 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Pemaju (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2001 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966, Akta 118 telah diluluskan dan berkuat kuasa pada 29 Oktober 1969 dengan tujuan untuk mengawal aktiviti-aktiviti pemaju perumahan swasta di seluruh Semenanjung Malaysia agar lebih bertanggungjawab kepada pembeli rumah terutamanya dari segi kualiti perumahan yang disediakan. Berdasarkan peruntukan tersebut, Akta Pemaju Perumahan tahun 1966 adalah merupakan satu Akta Persekutuan.

Sejak mula berkuat kuasa akta ini telah melalui dua pindaan iaitu Akta A 402 yang telah mula berkuat kuasa pada 10 Jun 1977 dan pindaan kedua ialah Akta A 703 yang mula berkuat kuasa pada 1 Disember 1988, yang antara lain bertujuan mengadakan peruntukan berhubung dengan pembukaan dan pengendalian akaun pemaju perumahan. Selaras dengan perkembangan industri perumahan yang pesat dan perubahan industri perumahan maka dicadangkan pindaan yang menyeluruh dibuat kepada Akta Pemaju Perumahan bagi menepati keperluan semasa di mana pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:-

Meletakkan projek-projek perumahan yang dibangunkan oleh badan-badan koperasi dan perbadanan atau agensi kemajuan negeri di bawah kawalan Akta Pemaju Perumahan.

Seksyen 2 Akta dipinda dengan memansuhkan Subseksyen 1(a) dan (b) yang bertujuan untuk tidak lagi memberi pengecualian kepada badan-badan koperasi dan perbadanan atau agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri daripada peruntukan akta ini. Ini bermakna semua badan koperasi dan perbadanan atau agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang berhasrat untuk membangunkan projek-projek perumahan akan tertakluk kepada peruntukan Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966. Pindaan ini bertujuan untuk memastikan kawalan ke atas semua perumahan termasuk projek perumahan yang dibangunkan oleh badan-badan koperasi dan perbadanan atau agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Kawalan ke atas projek-projek seumpama ini adalah untuk memastikan kepentingan pembeli-pembeli rumah dalam projek-projek tersebut terjamin.

Pelantikan timbalan-timbalan pengawal dan penurunan kuasa oleh pengawal kepada jabatan-jabatan kerajaan atau pihak berkuasa tempatan.

Seksyen 4 Akta dipinda subseksyen 4(1) sehingga 4(3) baru untuk memberi kuasa kepada Menteri melantik timbalan-timbalan pengawal perumahan dan seterusnya membenarkan penurunan kuasa dibuat oleh pengawal perumahan kepada timbalan-timbalan pengawal perumahan tersebut.

Pelantikan timbalan-timbalan pengawal perumahan ini adalah tambahan kepada jawatan pengawal perumahan dan inspektor-inspektor perumahan yang sedia ada. Pindaan ini bertujuan untuk mempercepat proses memberi kelulusan lesen dan permit iklan dan jualan selaras dengan tempoh masa yang telah ditetapkan dalam piagam pelanggan.

Seksyen 4 akta dipinda kepada seksyen 4(4) baru untuk memberi kuasa kepada pengawal perumahan menurunkan kuasanya secara bertulis kepada mana-mana jabatan kerajaan atau pihak berkuasa tempatan dalam hal-hal yang bersangkutan dengan penyiasatan dan penguatkuasaan undang-undang.

Seksyen 4(5) baru dimasukkan untuk memperuntukkan kuasa kepada pengawal perumahan untuk menarik balik kuasa-kuasa yang telah diturunkan tadi.

Menaikkan deposit dan permohonan Seksyen 6(1)(a) akta dipinda di mana pemaju dikehendaki membayar deposit sebanyak RM200 ribu sebagai tambahan kepada modal diterbitkan dan modal terkumpul. Ini bertujuan untuk memastikan sesebuah syarikat pemaju yang memohon lesen adalah berwibawa dan mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh.

Seksyen 6(1)(b) Akta dipinda untuk menaikkan deposit bagi permohonan daripada individu atau kumpulan orang daripada RM100 ribu kepada RM200 ribu. Pindaan ini adalah juga untuk memastikan orang perseorangan atau kumpulan orang yang ingin melibatkan diri dalam industri perumahan adalah berwibawa dan mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh.

Mengenakan syarat dan sekatan mengeluarkan lesen.

Subseksyen 6(1) (e) hingga subseksyen 6(1)(g) yang baru dimasukkan dalam akta ini untuk mengenakan syarat dan sekatan di mana lesen tidak dikeluarkan sekiranya:

- (i) pemaju telah dikenakan denda lebih daripada RM10 ribu atau;
- (ii) pengarah syarikat terlibat dengan sesuatu syarikat pemaju yang telah digulung oleh mahkamah; dan atau
- (iii) arkitek atau jurutera pemaju telah digugurkan namanya oleh lembaga tatatertib badan profesional masing-masing.

Menaikkan denda. Subseksyen 7A, 18,19,20,21 dan 22 akta dipinda untuk menaikkan amaun denda bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah akta ini sebanyak lima kali ganda.

Tujuan kenaikan ini adalah untuk menggambarkan betapa serius kesalahan tersebut dan juga untuk mencegah pemaju-pemaju perumahan swasta daripada melakukan kesalahan-kesalahan tersebut.

Kewajipan pemaju perumahan yang telah tamat lesen pemaju perumahannya. Seksyen baru 7B dimasukkan dalam akta ini untuk memastikan pemaju terus bertanggungjawab dan terikat kepada akta sungguh pun lesen pemaju telah tamat.

Takrif baru ini mewajibkan pemaju perumahan yang lesennya telah tamat memaklumkan kepada Menteri berhubung dengan cadangan untuk menjual atau menggabungkan aktiviti pemajuan perumahannya.

Dengan takrifan baru ini, Pengawal perumahan juga boleh memberi arahan tertentu kepada pemaju perumahan yang lesennya telah tamat demi untuk menjaga kepentingan pembeli. Takrifan baru ini juga akan menghalang pemaju perumahan daripada sengaja tidak memperbaharui lesen pemaju perumahan mereka demi untuk melepaskan diri daripada kewajipan dan tanggungjawab yang terpaksa mereka lakukan sekiranya mereka memperbaharui lesen mereka. Ia juga bertujuan untuk menjaga kepentingan pembeli-pembeli yang terlibat dalam projek-projek perumahan yang terbengkalai.

Kuasa untuk memasuki, menggeledah dan menyita - Seksyen 10A hingga 10J baru dimasukkan dalam akta ini bertujuan memberi kuasa kepada Inspektor perumahan memasuki, menggeledah dan menyekat barang-barang seperti buku akaun dan sebagainya bagi tujuan prosiding di mahkamah.

Penubuhan Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah – Seksyen 16A hingga seksyen 16AJ baru dimasukkan dalam akta bagi penubuhan Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah. Ia bertujuan memudahkan penyelesaian tuntutan daripada pembeli rumah di mana jumlah tuntutan yang dibuat hendaklah tidak melebihi RM25,000. Penyelesaian seperti ini dijangka akan dapat membantu ramai pembeli rumah kerana ia mudah, tidak memakan belanja yang besar, tidak melibatkan pelantikan peguam dan tidak juga melibatkan proses mahkamah yang biasanya akan memakan masa yang panjang.

Kuasa untuk mengkompaun kesalahan – Seksyen 23a baru di masukkan dalam akta bertujuan untuk memberi kuasa kepada Pengawal perumahan untuk mengkompaun kesalahan-kesalahan ringan yang dilakukan di bawah Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989 seperti kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan permit iklan dan jualan. Tindakan ini akan mengurangkan kes pendakwaan di mahkamah.

Seksyen 24 (2) akta ini, juga dipinda untuk membolehkan peraturan-peraturan dibuat berhubung dengan jenis-jenis kesalahan yang boleh dikompaun.

Kaedah dan tatacara untuk mengkompaun kesalahan – Pindaan ini adalah selaras dengan peruntukan baru dalam seksyen 23A yang memberi kuasa kepada pengawal perumahan untuk mengkompaun kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, pindaan-pindaan lain juga telah dicadangkan yang bertujuan untuk memperkemaskan Akta Pemaju Perumahan supaya selaras dengan tujuan pindaan, adalah seperti berikut:

Pindaan seksyen 1(1), Akta ini dipinda dengan menggantikan perkataan 'pemaju' dengan perkataan 'pemajuan'. Dengan pindaan ini, Akta Pemaju Perumahan akan menjadi Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966. Pindaan ini bertujuan untuk menjadi akta ini lebih bersifat universal dan berkecuali dan membantu kedua-dua pihak pembeli dan pemaju.

Pindaan kepada seksyen 3 - beberapa tafsiran baru telah ditambah kepada seksyen 3 untuk memberi makna kepada istilah Timbalan Pengawal Perumahan, sijil kelayakan menduduki, pihak berkuasa tempatan, pembeli, pemegang tangan (*stakeholder*) dan tribunal. Maksud yang lebih jelas telah diberi bagi tafsiran rumah kediaman yang bertujuan mengelakkan kekeliruan di mana dinyatakan di mana rumah kediaman tidak termasuk bangunan komersial.

Pindaan seksyen 7(f) - Seksyen 7(f) Akta ini, di mana perkataan 'bentuk' yang diperihalkan (*in the prescribed form*) diganti dengan perkataan 'sesuatu bentuk tertentu' (*in such form*) yang akan ditentukan oleh Pegawai Pengawal Perumahan. Ini adalah untuk melicinkan proses penguatkuasaan.

Pindaan seksyen 7(h), (i) dan (j) - Seksyen-seksyen baru ini dimasukkan untuk mengawal tindakan pemaju semasa penyerahan pemilik kuasa dan sekiranya permohonan sijil kelayakan menduduki enggan diterima oleh pihak berkuasa tempatan, maka pemaju wajib melaporkan hal berkenaan kepada Pengawal perumahan.

Pindaan seksyen 7(k) - Pindaan seksyen 7(k) baru dimasukkan untuk memastikan pemaju melaporkan kepada Pengawal perumahan, kedudukan pengeluaran hak milik individu atau hak milik strata dan kedudukan penyempurnaan memorandum pindah milik.

Pindaan kepada seksyen 8 – Seksyen 8 akta dipinda di mana pemaju perlu memaklumkan kepada pengawal perumahan sekiranya berlaku pemindahan serah hak, pelupusan harta dan pembentukan semula perniagaan atau pengurusan bagi membolehkan Pengawal perumahan memantau pengurusan syarikat demi menjaga kepentingan pembeli.

Pindaan seksyen 8A – Seksyen 8A baru dimasukkan bertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk menamatkan Surat Perjanjian Jual dan Beli. Ini adalah tertakluk kepada dua syarat berikut:

- (i) selepas 6 bulan Perjanjian Jual dan Beli ditandatangani, didapati pemaju masih belum memulakan projek; dan
- (ii) sebanyak 75% daripada pembeli telah bersetuju dengan pemaju untuk menamatkan Perjanjian Jual dan Beli.

Tuan Yang di-Pertua, saya memaklumkan di sini bahawa rang undang-undang ini akan melibatkan kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum ditentukan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Jemput Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

5.30 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat mengalu-alukan pindaan yang telah dicadangkan kepada Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 ini dan saya mengucapkan setinggi-tinggi

tahniah kepada Kementerian di atas usaha Kementerian untuk membentangkan pindaan-pindaan yang ada di sini.

Semasa saya mengkaji pindaan-pindaan yang dicadangkan, saya dapati ada banyak aspek yang boleh kita puji dan juga ada beberapa kelemahan yang mungkin kita boleh menyuarakan demi kebaikan akta ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, oleh kerana masa tidak mengizinkan, boleh kita sambung hari esok?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Baiklah.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan majlis mesyuarat Dewan ini ke hari esok, Selasa, 27 November 2001, jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.33 petang.